


Kepulauan
COCOS
(K e e l i n g)

Masyarakat Melayu
di Australia





Kepulauan **COCOS** (Keeling)

Masyarakat Melayu
di Australia

Pauline Bunce

Penterjemah
PADILAH HAJI ALI

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1993

KK 301 - 6232 5101

Buku ini *Kepulauan Cocos (Keeling) Masyarakat Melayu di Australia* ialah terjemahan yang sah daripada buku *The Cocos (Keeling) Islands - Australian Atolls in the Indian Ocean* oleh Pauline Bunce dan diterbitkan oleh The Jacaranda Press, 33 Park Road, Milton, Queensland 4064 AUSTRALIA.

© Pauline Bunce 1988

Cetakan Pertama 1993

© Karya Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka
Malaysia 1993

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Bunce, Pauline

Kepulauan Cocos (Keeling) : masyarakat Melayu
di Australia / Pauline Bunce ; penterjemah

Padilah Haji Ali.

Bibliografi: hlm. 163

ISBN 983-62-3588-4.

ISBN 983-62-3439-X (kkt.)

1. Malays (Asian people) - Cocos (Keeling) Islands.

2. Cocos (Keeling) Island-History. I. Padilah

Haji Ali. II. Judul.

969.9004992

Diatur Huruf oleh Aris Typsetting

Muka Taip Teks: Palatino

Saiz Taip Teks: 11/13 poin

Dicetak oleh

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka

Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS

Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan

RM30.00

673603

- 4 APR. 1994

Perpustakaan Negara
Malaysia

Dewan Bahasa dan Pustaka
merakamkan penghargaan kepada
Suruhanjaya Tinggi Australia di Malaysia



kerana
menaja penterjemahan buku ini

Kepada Nek Bika,
Nek Renja dan Komuniti Cocos

Kandungan

Prakata	xi
Prakata	xiii
Penghargaan	xv
Pengenalan	1
Satu Titikan di dalam Lautan	
1. Pulau Karang yang Terpencil	6
2. Dunia yang Hidup	16
3. Sejarah yang Bergelora	42
4. Orang Melayu Cocos	76
5. Profil Pulau	116
Apendiks	151
Bibliografi	163
Indeks	165

Prakata

Kerjasama antara Australia dengan Malaysia kali ini menghasilkan sebuah karya terjemahan yang sudah lama dinantikan terutamanya oleh orang Melayu Cocos, tidak kira di mana mereka berada, di Sabah, Malaysia, Singapura, Australia mahupun di rantau lain.

Tidak banyak tempat di dunia ini yang masih tidak diketahui ramai. Kepulauan Cocos (Keeling) ialah salah satu daripadanya. Tidak banyak orang asing yang pernah hidup bersama-sama masyarakat di Kepulauan ini, dan sedikit sahaja yang pernah dicatatkan mengenai amalan budaya serta tradisi kelompok ini. Penghargaan harus diberikan kepada penulis buku ini yang telah bertahun-tahun menjalankan penyelidikan untuk memaparkan sejarah pulau-pulau yang sering bergelora ini.

Buku ini mengisahkan orang Cocos yang masih mengekalkan identiti mereka yang unggul di Australia dan Malaysia. Walaupun bilangan mereka kecil dan telah mengalami kepahitan hidup selama lapan generasi, namun masyarakat di Kepulauan ini tetap dikenal sebagai orang yang berani. Mereka datang dari pelbagai latar belakang – China, Afrika, dan gugusan pulau-pulau Indonesia, termasuk buruh banduan dari Jawa.

Ciri fizikal pulau-pulau di Kepulauan ini juga digambarkan dengan menarik – geologi, geografi, tumbuh-tumbuhan, batu karangnya yang kaya serta hidupan burung dan ikannya yang banyak.

Adalah diharapkan buku ini akan memperkenalkan penduduk pulau-pulau ini kepada dunia luar dan akan membantu mereka untuk mendapatkan pengiktirafan yang lebih luas. Projek kerjasama sebegini antara Australia dengan Malaysia adalah dialu-alukan untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sudah sedia wujud antara kedua-dua negara.

DATO' HAJI JUMAAT BIN DATO' HAJI MOHD NOR
KETUA PENGARAH
15 Mac 1993.

Prakata

Antara semua Wilayah Australia yang diduduki, boleh dikatakan yang paling luar biasa dan sememangnya yang paling jauh dan yang kurang sekali diketahui oleh kebanyakan penduduk Australia ialah Kepulauan Cocos (Keeling). Dua buah pulau karang ini terletak jauh di Lautan Hindi, lebih 3600 km ke barat Darwin.

Hanya sejulung selepas 30 tahun dahulu pulau-pulau ini menjadi wilayah Australia, dan hanya pada tahun 1984 penduduk tetapnya, orang Melayu Cocos, dalam suatu Akta Penentuan Diri yang bersejarah dengan disaksikan oleh Perutusan Bangsa-Bangsa Bersatu, telah mengundi beramai-ramai untuk disatukan dengan Australia dari segi politik, sosial dan ekonomi. Sejak itu Wilayah ini menjalani aliran kehidupan sebagai sebahagian daripada Australia.

Orang Melayu Cocos merupakan sebuah masyarakat Islam dan bertutur bahasa "Melayu pasar" dari Hindia Timur lama. Mereka berjaya mengekalkan budaya mereka sendiri. Sejarah hidup mereka menakjubkan, seperti juga sejarah pulau tempat tinggal mereka. Sebelum ketibaan mereka ke sini pada abad yang lalu, pulau-pulau Cocos ini merupakan tempat yang tidak dihuni seperti dalam kisah Robinson Crusoe, selain oleh sebilangan besar burung.

Penterjemahan buku ini ke dalam bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dianggap langkah yang baik dan penting serta mengeratkan lagi hubungan kebudayaan antara Australia dengan Malaysia. Kini rakyat Malaysia yang membaca buku ini dalam bahasa kebangsaan mereka akan merasa mesra dengan penduduk Melayu Cocos serta mendapat pengetahuan tentang sejarah dan budaya masyarakat yang tinggal di pulau-pulau ini.

Kami berbesar hati atas usaha penulis buku ini, Pauline Bunce, yang membuat penyelidikan dan menghasilkan buku ini.

Australia semakin banyak melihat dirinya pada masa depan sebagai sebahagian daripada kelompok negara Asia-Pasifik. Kami mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana mengambil inisiatif menterjemah buku ini. Suruhannya Tinggi Australia dan Jabatan Seni, Sukan, Persekitaran dan Wilayah di Australia, berasa bangga kerana dapat menyertai projek ini melalui bantuan kewangan, dan ia mengalu-alukan peluang lain untuk bekerjasama dengan DBP dengan tujuan memupuk pemahaman serta minat yang lebih mendalam antara kedua-dua negara.

F.C. Murray
Pesuruhjaya Tinggi Australia
di Malaysia
Kuala Lumpur: Mac 1993

Penghargaan

Penulis amat berhutang budi kepada pelbagai pihak yang telah memberikan bantuan, inspirasi dan galakan. Penulis mengucapkan terima kasih khusus kepada: Pihak Berkuasa Ulang Tahun Australia ke-200, Patrick Armstrong, Universiti W.A.; Perkhidmatan Taman Negara dan Hidupan Liar Australia; Perkhidmatan Penerangan Kerajaan Australia; Pentadbiran Kepulauan Cocos (Keeling); Majlis Kepulauan Cocos (Keeling) dan Persatuan Koperatif; Jawatankuasa Ulang Tahun ke-200 Cocos; Pejabat Kolonial, London; Ken Chan; Churchill Photographics, Perth; Letty Clunies-Ross; Profesor de Cruz dan Henry de Sylva, Kandy, Sri Lanka; Jabatan Penerbangan Komanwel; Jabatan Wilayah-wilayah Komanwel; Andrew Grant; Jack, Geoff dan Liz Hand; Lee Hammond, John Hunt; Michael Hunt; Theo Huoy; David Hutchison; Imperial War Museum, London; Ross Jones; Dick dan Christina Whittington; Kevron Photographics, Perth; Kodak Australasia; Lloyds of London; Phil McCulloch; Bob dan Martha Morrow, Richard Mathews; Nek Bika (Bynie bin Satar), Nek Renja (Lauder bin Atlas) dan komuniti Melayu Cocos; Perpustakaan Negara Australia, Canberra; Perpustakaan Negara Singapura; Pemetaan Negara, Canberra; veteran Tentera Udara Diraja, Alan de Groot dan John Hyde, England; Tentera Udara Diraja Australia; Carolyn Stuart; Cathy dan Kis Sudharsana; Bill Syrette; Peter Travers-Laney, Cable and Wireless Company Archives, London; Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu; David Williams; West Australian Newspapers Ltd.; Colin Woodroffe, Universiti National, Canberra; Audrey Webb; ramai anggota komuniti Pulau Barat, Kepulauan Cocos (Keeling); Pengetua dan kakitangan Sekolah Pulau Barat, komputer Apple Macintosh saya dan bot pelampung saya, Zodiac.

TENTANG PENULIS

Pauline Bunce pertama kali pergi ke Kepulauan Cocos (Keeling) sebagai guru sekolah tinggi pada tahun 1982 dan berasa amat kagum dengan budaya orang Melayu Cocos yang unik. Beliau seterusnya mempelajari dialek Melayu tempatan dan telah menghabiskan banyak masa bersama-sama orang-orang tua komuniti ini merekodkan peristiwa-peristiwa sejarah, amalan keagamaan dan adat resam pulau.

Terlatih sebagai seorang ahli geografi, Cik Bunce telah banyak menjelajah India dan Asia Tenggara. Beliau berkelulusan ijazah Sarjana dalam Pendidikan di Negara-negara yang Sedang Membangun dan merupakan Fellow *Royal Geographical Society* dan *Royal Anthropological Institute*.

Beliau telah menulis untuk beberapa majalah dan telah menerbitkan buku kecil berjudul *Cocos Malay Culture* bagi Jabatan Wilayah Australia. Semasa tidak mengembara atau tidak menjalankan tugas di Asia, Pauline Bunce menetap di Australia Barat.



Foto (kiri ke kanan): Nek Renja (Lauder bin Atlas), penulis, Nek Bika (Bynie bin Satar)


Pulau karang berbentuk seperti setitis air mata di tengah-tengah Lautan Hindi, permata baiduri dalam laut yang memburu, sekeping tanah kecil seluas 14 km persegi - sesungguhnya, hanyalah satu "titikan di dalam lautan".



Catatan penulis dalam diari semasa mula-mula sampai di Cocos pada 26 Januari 1982.



Pengenalan

Satu Titikan di dalam Lautan





PULAU-PULAU UTAMA DI SELATAN PULAU BATU KARANG COCOS

Kebanyakan orang Australia masih belum dapat menikmati sepenuhnya kehadiran Lautan Hindi yang luas yang mendampar pantai barat. Atlas-atlas yang ada telah mengetepikannya sebagai suatu wilayah, namun ia mempunyai banyak paduan dari segi geografi, budaya dan sejarah. Wilayah Lautan Hindi merupakan pengaruh yang penting dalam peredaran sejarah Australia yang kuno dan yang tidak begitu kuno. Lembangan lautan yang begitu luas ini merupakan punca ekonomi kepada lebih separuh penduduk dunia; ia menjadi tempat lahirnya beberapa tamadun purba yang besar dan ia telah menyaksikan perkembangan tiga agama besar dunia. Sehingga hari ini, kebanyakan orang Australia lebih gemar memandang ke kawasan Lautan Pasifik, ke arah pulau-pulau yang latar belakang kolonialnya kami kongsi bersama. Jiran-jiran kami yang di sebelah timur ini kebanyakannya beragama Kristian, bertutur bahasa Inggeris, dan, sehingga baru-baru ini, boleh dikatakan bebas daripada pergolakan politik.

Ulang tahun Australia yang ke-200 adalah masa yang sesuai bagi semua rakyat Australia meneliti semula kedudukan negara kami dari segi geografi di Hemisfera Selatan, dan melihat dengan lebih dekat lagi hubungan kami yang semakin penting dengan Lautan Hindi dan penduduk di kawasanannya.

Australia memiliki dua wilayah luar yang terletak di Lautan Hindi, iaitu Pulau Christmas dan Kepulauan Cocos (Keeling). Namun begitu hanya segelintir sahaja rakyat Australia yang mengetahuinya. Nama luar biasa Kepulauan Cocos ini diberikan bagi mengelakkan kekeliruan dengan beberapa "Pulau-pulau Cocos" lain yang wujud di seluruh dunia. Bintik-bintik kecil batu kapur dan batu karang yang kelihatan di tengah-tengah lautan yang luas ini mungkin nampaknya tidak penting, hanya sekadar satu "titikan di dalam lautan". Namun begitu saiznya yang kecil menyembunyikan kepentingannya yang strategik bagi Australia.

Tidak seperti Lautan Pasifik, Lautan Hindi tidak menampung banyak pulau yang berpenghuni. Pulau-pulau yang sedemikian didiami oleh

lebih kurang 28 juta orang. Pulau-pulau ini merupakan titik perhubungan yang tidak ternilai bagi kapal terbang dan kapal antarabangsa, dan memberikan maklumat kaji cuaca yang penting untuk ramalan cuaca Australia. Malah pulau-pulau di Lautan Hindi adalah lebih penting dari sudut geopolitik. Ini digambarkan dalam minat antarabangsa yang semakin ditunjukkan oleh kuasa-kuasa besar dunia di kawasan ini.

Selama satu setengah abad pulau karang Cocos-Keeling ini telah menjadi latar dan pentas bagi banyak drama hebat tentang kekuatan perubahan semangat manusia. Di sinilah Angkatan Tentera Laut Diraja Australia bertempur buat pertama kalinya dengan kapal perang musuh. Kapal perang Jerman SMS *Encke* yang sering dapat mengelakkan daripada dikesan itu telah dibom, dipaksa mendarat dan menyerah diri oleh HMAS *Sydney* di perairan Cocos pada 1914. Dari sinilah pihak Bersekutu merancang untuk melancarkan serang balas secara besar-besaran terhadap Jepun pada tahun 1945. Ke sinilah juga tempat misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu diarahkan apabila tuduhan tentang "perhambaan" dan "feudalisme" menjadi tajuk utama dunia pada 1972. Pada 1980 penduduk Cocos memperoleh penghormatan, yang terlewat tetapi memalukan, sebagai penduduk terakhir di dunia yang diberikan kemudahan pendidikan wajib.

Setiap peristiwa ini melahirkan drama yang panjang, mendapat publisiti yang menarik dan ulasan yang meluas, yang dipersembahkan kepada penonton di seluruh dunia. Walau bagaimanapun sebagai tambahan kepada persembahan yang luas ini, terdapat episod-episod yang lebih kecil yang tidak terkira jumlahnya yang dipersembahkan di pentas Cocos yang tidak pernah diperakui dan tidak langsung direkod. Para pelakornya tidak dikenali, cerita-cerita mereka dianggap tidak penting dan sebarang publisiti amatlah tidak digalakkan.

Salah satu matlamat utama buku ini adalah untuk membina semula dan meneliti semula "teater" Cocos – pulau-pulau dan alam sekitar yang disediakan kepada penerokanya yang awal. Buku ini juga cuba mendedahkan sebanyak

“mungkin” “pelakon” yang tidak dikenali dan “manuskrip” yang dilupakan dengan cara merekodkan banyak peristiwa tempatan buat pertama kalinya. Saya berharap penerbitan ini akan mewujudkan peluang kepada semua rakyat Australia bertemu dan memberikan pujian kepada sebegitu ramai hero dan heroin yang tidak diberi penghormatan yang telah melalui “pentas” Cocos sepanjang 162 tahun wujudnya petempatan manusia di situ.

Sejarah telah banyak merekodkan tentang pengasas kepulauan ini, Alexander Hare, dan petempatan berikutnya oleh keluarga Clurys-Ross. Buku ini cuba melihat melampaui tokoh-tokoh yang penting ini, iaitu pulau-pulau ini sendiri, persekitaran kehidupannya dan individu yang tidak dikenali yang tidak terkira bilangannya yang titik peluh mereka telah menjadikan mereka seperti yang ada sekarang. Adat resam dan budaya unik yang diperkembang di pulau-pulau ini oleh keturunan hamba dan banduan memperlihatkan kekuatan tekad manusia untuk menghapuskan perhambaan dan melahirkan suatu identiti baru.

Buku ini hanyalah satu titikan dalam lautan jika dibandingkan dengan suatu kajian yang sempurna tentang pulau karang Cocos-Keeling. Setiap bab yang berikut boleh diperkembang menjadi satu jilid yang tersendiri. Saya secara ikhlas berharap buku ini akan merangsang orang lain menyelidik wilayah Australia di Lautan Hindi dengan lebih lanjut lagi. Saya juga percaya banyak anak muda Melayu Cocos akan

tercabar untuk mengetahui lebih mendalam lagi tentang komuniti mereka yang unik dan sejarahnya yang sering kali tragis.

Dedikasi projek sempena 200 tahun Australia kepada dua orang tua Melayu Cocos yang berpengalaman ini juga ialah satu “titikan” dalam lautan budi yang begitu luas. Saya amat terhutang budi kepada komuniti Melayu Cocos. Mereka sangat bermurah hati, mesra dan jujur terhadap saya sejak pertama kali saya menjejakkan kaki di sini pada tahun 1982, hinggan saya berjanji untuk menyerahkan semua keuntungan hasil jualan buku ini kepada komuniti mereka.

Nek Bika (Bynie bin Satar) dan Nek Renja (Lauder bin Atlas) ialah “Harta Hidup Negara”. Kedua-duanya tidak pernah berpeluang belajar membaca atau menulis, tetapi kebijaksanaan akal mereka dan memori pulau ini sesungguhnya tidak ternilai. Saya amat bernasib baik kerana berpeluang mempelajari bahasa Melayu Cocos dengan bantuan mereka dan berpeluang bersama-sama mereka dalam banyak keadaan. Saya amat berasa rendah diri kerana kepercayaan yang telah diberikan kepada saya untuk merekodkan memoir mereka bagi tatapan generasi akan datang dan saya sangat berterima kasih kepada mereka yang telah meninggalkan kesan yang tidak dapat dilupakan dalam kehidupan saya.

Saya hanya dapat berharap agar mereka dapat hidup selama-lamanya.

PAULINE BUNCE
Cocos 1988.



Di dalam peta ia hanya satu titik kecil dalam laut yang membiru yang dinamakan Lautan Hindi ... kita akan bertanya-tanya bagaimana kapal terbang dapat mencari lalu mengesan titik halus yang terasing yang mempertahankan diri menghadapi kekuasaan laut ganas yang mengelilinginya.

Coralie Rees, penumpang pesawat Qantas ke Cocos, 1956.



Bab 1

Pulau-pulau Karang yang Terpencil



Kepulauan Cocos (Keeling) ialah wilayah Australia yang terletak di Lautan Hindi pada garis lintang $12^{\circ} 10'S$ dan garis bujur $96^{\circ} 50'T$. Pulau-pulau ini terbentang 2768 km ke barat laut Perth dan 3685 km hampir ke barat Darwin. Jiran-jirannya yang terdekat ialah Pulau Christmas (kira-kira 900 km Utara Timur Laut), dan Sumatera dan Jawa (kira-kira 1000 km Timur Laut). Amat sukar untuk membayangkan sekeping tanah yang lebih terencil daripada pulau-pulau ini di mana-mana sahaja di dunia.


GEOLOGI

Hampir kesemua pulau terencil di lautan seperti Cocos terletak di atas sisa-sisa aktiviti gunung berapi dahulu kala. Dasar lautan dunia ditaburi oleh bukit-bukau, lembah dan banjaran gunung yang dengan mudah dapat menyaingi banyak lagi ciri sepertinya di darat. Kepulauan Cocos (Keeling) merupakan dua pulau karang yang terbentuk di atas bonjolan gunung berapi lama yang muncul daripada kedalaman 5000 meter di timur laut Lautan Hindi.

Penyelidikan batimetri (bathymetric) menunjukkan bahawa asas pulau-pulau itu sebenarnya dua daripada satu siri ciri dasar laut yang dikenali sebagai banjaran Vening Meinesz. Banjaran ini terbentang merangkumi Pulau Christmas dan merentang ke arah timur laut dari ciri dasar laut

Lautan Hindi yang penting yang dikenali sebagai Permatang Ninetyeast. Pulau-pulau karang Cocos ialah dua puncak di satu bahagian banjaran ini yang dikenali sebagai Tanah Tinggi Cocos. Pulau-pulau ini dihubungkan antara satu sama lain oleh tebing sempit bawah air yang dalamnya kira-kira 700–800 meter. Kira-kira 150 km ke barat daya Cocos terbentang suatu bonjolan lain yang dikenali sebagai Umitaka Mary yang menjulang hingga ke hanya 16 meter di bawah permukaan laut.

Dilihat sebagai satu siri dari Umitaka Mary di barat daya, ke Pulau Christmas di timur laut, rangkaian banjaran ini menjadi contoh yang paling baik bagi urutan peristiwa yang akhirnya membentuk pulau karang dan pulau-pulau lain. Sepanjang 100 juta tahun yang lalu, bahagian kerak bumi yang dikenali sebagai Pelantar Indo-Australia telah bergerak dengan kadar yang tetap ke utara ke arah Jurang Jawa yang dalam. Di sepanjang laluan itu, pelantar tadi merentang suatu kepulan asap atau "kawasan panas"; di sini turus bahan molten naik dari bahagian selaput yang terletak jauh ke dalam untuk menghasilkan serangkaian banjaran laut di bahagian kerak yang menutupinya. Bonjolan tertua daripada proses ini ialah Pulau Christmas, yang kini meninggi dan condong ke belakang; ia dalam proses "memanjat" bonjolan kerak yang menandai pinggir Jurang Jawa, lalu menuju ke arah proses pengakhiran.



Keratan rentas barat laut ke tenggara Kepulauan Cocos (Keeling) (menurut Jacobson, 1976)



Pinggiran dataran terumbu yang menghadap laut

annya dalam masa tiga atau empat juta tahun.

Kepulauan Cocos (Keeling) merupakan satu-satunya pulau karang yang dilawati oleh Charles Darwin pada 1836, ketika beliau memperkembangkan teorinya yang terkenal tentang pembentukan pulau karang. Beliau dipercayai pembentukan bonjolan terumbu karang terus berlaku lama selepas banjaran yang menyokong terumbu itu terbenam. Ketebalan batu karang yang mendasi Cocos tidak diketahui, tetapi penggalian batu yang berasal daripada gunung berapi di kawasan perairan tempatan menunjukkan bahawa tebalnya di sekitar 500–1000 meter.

Terumbu karang terdiri daripada polip batu karang (binatang laut yang hidup di batu karang) yang tidak terkira jumlahnya, bersama-sama alga berkapur dan banyak lagi organisma berkulit yang lain yang mempunyai dua keperluan utama untuk hidup. Air yang didiami oleh batu karang mestilah antara 20°C dengan 30°C, dan alga yang tinggal bersama-samanya memerlukan cahaya matahari untuk fotosintesis. Oleh itu terumbu karang dapat terbentuk hanya di lapisan-lapisan permukaan laut tropika yang

kedalaman maksimumnya 50–80 meter.

Bahan batu karang telah ditemui di kawasan kedalaman lebih 1000 meter di bawah pulau batu karang di Lautan Pasifik. Perubahan aras laut glasial sahaja tidak dapat dilihat sebagai punca kedalaman pertumbuhan ini. Oleh itu mesti diandaikan bahawa terumbu ini juga telah terbentuk atas binaan yang semakin tenggelam. Dasar laut yang tenggelam diketahui berlaku apabila bahan kerak baru tersebar jauh dari tempat asalnya di permatang yang terdapat di tengah laut. Sambil ia bergerak ia beransur-ansur menjadi lebih sejuk, lebih tebal dan lebih padat. Darwin belum lagi mengetahui tentang pelantar tektonik, tetapi idea-ideanya yang asas tentang pembentukan pulau batu karang masih diterima pada hari ini.

Terumbu yang hidup membentuk pelantar sempit yang meminggiri sekeliling daratan. Batu karang terbentuk betul-betul di bawah permukaan air dan menghasilkan kawasan yang cetek

yang mungkin membahayakan pelaut. Di tempat tertimbunya batu kerikil dan serpihan batu akibat ribut dan gelombang yang kuat, pulau kecil yang rata akan mula terbentuk, dengan ditimbuni pasir putih daripada serpihan batu karang yang terhakis dan daripada tulang hidupan laut yang lain.

Di kawasan-kawasan terlindung di sebalik bahagian luar terumbu yang meminggiri, mungkin terdapat ketulan batu karang yang telah terhakis bahagian tepinya akibat ribut dan ia kemudiannya dimendapkan di perairan yang lebih tenang. Di perairan yang tenang dan tidak berombak, batu karang ini mungkin berkembang menjadi bentuk luar biasa seperti cendawan dan mercu dan menjadi tempat tinggal pelbagai hidupan laut. Air di lagun yang dilingkungi oleh batu karang adalah cetek walaupun tidak secetek di bahagian terumbu itu sendiri. Dasar lagun diliputi oleh keladak serpihan batu karang yang berpasir dan bangkai beruta-juta hidupan laut.

Bahagian terumbu karang yang mengarah ke laut sebahagian besarnya terdiri daripada tinggalan alga yang mengeluarkan kapur, kerana butiran berkapur ini lebih kuat daripada batu karang dalam menahan kesan ombak yang mengganas. Tebing terumbu yang paling luar selalu ditaburi oleh serpihan yang terpecah daripada bahagian atasnya yang lebih terdedah.

GEOMORFOLOGI

Sebaik sahaja pulau batu karang berpasir terbentuk, ciri-ciri permukaannya dipahat oleh tindakan angin dan gelombang yang mengganas. Luluh hawa, hakisan, pengangkutan dan pemendapan pun batu karang berlaku di bawah pengaruh pasang surut, arus, iklim dan aktiviti manusia.

Banyak perubahan telah berlaku di bahagian selatan pulau batu karang Cocos sejak lawatan Darwin pada abad yang lalu. Pasir dan lumpur, berpunca daripada tinggalan hidupan laut terumbu itu, telah seterusnya tertimbun dalam lagun. Pada awal masa penempatan, perjalanan ke Pulau Selatan agak mudah. Kemudian terusan-

terusan untuk laluan perahu perlu dikorek dan sekarang pulau ini hanya dapat didatangi oleh kapal atau perahu yang boleh belayar di air cetek pada waktu air pasang.

Bentuk pulau-pulau ini terus-menerus berubah di bawah dua pengaruh, hakisan dan pemendapan. Dalam lawatannya, Charles Darwin telah diberi satu carta lama yang menunjukkan bahawa Pulau Selatan pernah suatu masa dahulu merupakan satu siri pulau yang berasingan. Bukti adanya terusan antara pulau-pulau lama itu jelas pada hari ini dari segi tanah dan tanaman yang ada di Pulau Selatan. Pasang surut air yang mengalir menerusi terusan lama antara pulau-pulau ini telah meninggalkan pola pengaliran yang jelas kelihatan pada rumput laut yang begitu banyak terdapat di selatan dasar lagun.

Setengah-setengah terusan yang sempit antara pulau-pulau yang lebih kecil pada zaman Darwin kemudiannya tersendat dengan pun gunung berapi akibat letupan Gunung Krakatoa pada 1883. Keeling Utara mempunyai pantai batu apung yang luas di sebelah timur pantainya dan ribut yang kuat pada hari ini masih dapat mendedahkan batu bundar apung sebesar bola sepak di bawah pasir kebanyakan pulau.

Pinggir lautan kedua-dua pulau karang Cocos ini terdedah pada serangan bertalu-talu gelombang besar yang berpunca daripada kawasan Lautan Atlantik (Roaring Forties) (pada garis lintang 40 °S) dan daripada juluran angin timuran selatan di Lautan Hindi. Namun terumbu yang meminggiri menghilangkan kebanyakan tenaga gelombang besar itu, dan hanya gelombang yang agak kecil yang sampai ke pantai. Gelombang ini membawa pasir dan serpihan batu karang menyusur pantai, di

Gelombang yang dipukul ribut menghem-
pas pinggir terumbu



sepanjang pantai dan ke dalam lagun.

Pulau Keeling Utara dipercayai pada suatu masa dahulu merupakan satu siri pulau yang lebih kecil. Sekarang ia merupakan sebuah pulau tersendiri yang mempunyai lagun di tengah-tengahnya yang terdedah kepada tiupan angin. Lagun itu sangat cetek dan dasarnya berpasir, dan ia tidak mengandungi karang hidup. Sebaliknya terdapat tompokan-tompokan besar rumput laut, serpihan yang pecah-pecah yang tertumbun di pantai lagun yang berangin itu. Timbunan tahi burung dalam pasir pulau karang ini menunjukkan peringkat pembentukan kandungan fosfat yang sangat awal yang menjadi ciri Pulau Christmas. Nampaknya lagun Keeling Utara perlahan-lahan dipenuhi dengan keladak dan pantainya beransur-ansur ditumbuhi tanaman. Jaluran hujung pasir yang menganjur ke barat laut pulau ini menunjuk ke arah kemungkinan pertumbuhan pulau ini pada masa depannya.

Bentuk ladang kuda dan lengkungan banyak pulau Cocos menunjukkan cara bagaimana batu karang berpasir cenderung tumbuh pada bahagian ekstremnya, melengkok ke dalam sendiri dan akhirnya melingkungi lagunnya sendiri. Pulau Horsburgh di sebelah hujung utara pulau karang selatan, telah menyempurnakan pusingan ini dan hanya tinggal sebuah tasik payau yang kecil yang dahulunya sebuah lagun. Kebanyakan pulau kecil antara Pulau Home dengan Pulau Selatan memperlihatkan kecenderungan yang sama apabila ia melingkungi lagun-lagunnya sendiri.

AIR TAWAR

Pulau-pulau karang Cocos yang lebih besar terdiri daripada pasir batu karang yang melitupi lapisan keras *breccia* batu karang yang bertindak balas terhadap "sawar" atau beting terumbu. Di bawah lapisan keras setebal satu meter ini ialah zon pasir batu karang yang kasar dan tepu. Pasir ini bertindak sebagai penapis dan mungkin mengandungi satu lapisan air tawar yang terapung di atas air yang lebih masin. Air hujan menyerap ke dalam lapisan yang tepu ini dan akhirnya mengalir semula ke laut yang meling-

kungnya melalui suatu zon transisi air payau.

Kelebaran minimum yang perlu bagi sebuah pulau karang mengeluarkan bekalan air tawar yang tidak terputus, dianggarkan 400 meter. Ini bermakna tiada bekalan air tawar yang mencukupi di kebanyakan pulau karang yang lebih kecil, sekalipun di Pulau Arah. Telaga-telaga yang digali di kawasan kecil yang merangkumi Pulau Keeling Utara hanya menghasilkan air payau. Pulau ini juga terlalu sempit untuk membolehkan pembentukan "mata air" air tawar. Pulau Barat mempunyai tiga kawasan yang berasingan yang mempunyai simpanan air tawar yang mencukupi. Ketebalan kawasan ini dan mata air yang lain berubah-ubah dari sehari ke sehari, menurut pasang surut air laut, hujan dan pola penggunaan manusia.

IKLIM

Kepulauan Cocos (Keeling) terletak dalam laluan tiupan angin tenggara hampir sepanjang tahun. Pola cuaca sangat seragam, dengan tiupan angin lazim dari tenggara di sepanjang kira-kira 85 peratus daripada masa.

Pulau-pulau ini terletak di kawasan yang terdedah kepada angin siklon dan sering dilanda oleh sistem angin siklon yang bertiup pada musim panas. Walau bagaimanapun siklon yang dapat bertiup tepat pada pulau-pulau Cocos jarang berlaku, dan ia nampaknya berlaku hanya tiga atau empat kali dalam satu abad. Serangan siklon terkini ialah Siklon Doreen yang mengakibatkan kerosakan yang besar pada bulan Januari 1968 dan Siklon Frederic yang belum matang, yang telah mengakibatkan kerosakan kecil pada bulan Januari 1988.

Angin siklon yang bertiup hingga selaju 180 km sejam di Wilayah ini pernah dicatatkan, begitu juga dengan gelombang yang sangat besar dan ribut petir sekali-sekala. Ciri yang lebih biasa ialah angin ribut yang bertiup hingga selaju 70 km sejam, angin ini menghasilkan hujan yang lebat di pulau-pulau ini pada bila-bila sahaja dalam setahun. Tiupan angin tenggara lebih kerap berlaku dari Jun hingga September dan ber-



tiup paling kuat pada bulan Ogos. Inilah juga masa yang paling sejuk dalam satu-satu tahun dengan suhu purata maksimum di sekitar 27 °C dan suhu minimum kira-kira 23 °C. Kadar suhu tahunan di wilayah ini jarang melebihi 8 °C.

Hujan relatifnya lebat dari bulan April hingga Jun dan reda menjelang Ogos, serta sangat berkurangan antara bulan September-November. Purata hujan setahun kira-kira 2000 mm (lihat apendiks). Oktober dan November ialah masa peralihan apabila terdapat cuaca yang baik menjelang musim panas. Disember hingga April menandakan musim siklon apabila *Inter-tropical Front* (ITF) bergerak ke selatan hingga sejauh Cocos. Beberapa kali, yang terbaru pada bulan Mac 1983, ITF telah bergerak begitu jauh ke selatan hingga membentuk suatu waktu yang dikuasai oleh tiupan angin barat laut. Pola tiupan El Nino ini mempunyai kesan yang dapat merosakkan ekologi lagun kerana karang dan alga bergantung pada aliran udara tenggara untuk terus-menerus mengalirkan air laut melalui lagun.

PASANG SURUT DAN ARUS

Pasang surut yang dialami di wilayah ini berlaku

Pokok kelapa (*nucifera*) melitupi pulau batu karang selatan

pada waktu tengah hari, dua kali pasang dan dua kali surut setiap hari. Perubahan antara satu ekstrem dengan yang lain mengambil masa kira-kira enam jam dan perubahan pasang surut itu mengambil masa lebih kurang setengah jam untuk bergerak dari utara lagun ke selatan. Lingkungan keseluruhan ombak di wilayah ini ialah kira-kira 1.2 meter. Ini berbeza-beza daripada catatan ketinggian maksimum tertinggi yang pernah dicapai iaitu 1.4 meter dan menurun hingga 0.2 meter bagi yang paling rendah. Ketika air surut, pantai selebar kira-kira 20–50 meter terdedah di sekeliling bahagian luar pulau-pulau ini.

Umumnya arus tempatan mengalir arah ke utara, di dalam dan di luar lagun. Aliran ini digerakkan oleh tiupan angin tenggara dan pertembungan arus pantai Australia Barat yang bergerak ke utara dengan aliran khatulistiwa yang bergerak ke arah barat.

TUMBUHAN

Hari ini tumbuhan utama di Kepulauan Cocos

(Keeling) ialah berbaris-baris pokok kelapa (*cocos nucifera*), yang mencerminkan sejarah masa kini pulau karang ini sebagai pengeluar kopra. Tidak banyak yang diketahui tentang struktur dan komposisi tanaman asli pulau-pulau ini. Walau bagaimanapun Pulau Keeling Utara, walaupun telah berubah, dipercayai dapat memperlihatkan dengan baik flora asli di pulau-pulau ini. Sebenarnya pokok kelapa sememangnya sudah ada dengan meluas sebelum petempatan manusia hinggalah pulau-pulau ini telah mendapat namanya "Cocos".

Satu spesies pokok, di kalangan penduduk tempatan dikenali sebagai *Ironwood* (*Cordia subcordata*) pernah suatu ketika dahulu membentuk hutan tebal di beberapa buah pulau, tetapi pokok ini kemudian berkurangan dan menjadi pokok kontot dan kecil kerana terlalu banyak digunakan untuk pembinaan rumah dan bot. Pokok yang tinggal telah ditebang dengan meluas untuk dijadikan kayu api dan bahan untuk ukiran. Pinggir paya air payau di Pulau Horsburgh berselerak dengan tunggul-tunggul *Ironwood* yang besar yang pada suatu masa dahulu membentuk sebahagian hutan yang luas di pulau itu. Keadaan yang sama juga ditemui di pantai-pantai lagun Pulau Selatan.

Pada hari ini sebahagian besar tumbuhan di pulau karang selatan terdiri daripada ladang pokok kelapa yang berbeza-beza dari segi usia dan ketinggian. Di bawah pokok-pokok ini ditumbuhi belukar tebal atauompok-tompok rumput hijau atau tumbuhan menjalar yang lain. Biasanya belukar ini menjadi semak samun yang tebal setinggi satu meter di pinggir menghadap laut setiap pulau. Namun di ladang pokok kelapa yang belum matang, yang dilitupi oleh kanopi daun kelapa, tumbuhan tutup bumi tidak terdapat, hanya lapisan tebal pelepah kelapa yang mereput. Jenis daun lain jarang berselerak kerana ia dengan cepat dimakan oleh ketam tanah (*cardisoma carutax*) yang banyak terdapat di kebanyakan pulau.

Di sepanjang pantai lagun, terutamanya di kawasan selatan, terdapat belukar keras dan kontot (*Peniphus acutula*) di tanjung berpasir,

beting dan lagun tebus guna.


Ladang kelapa di bahagian menghadap laut secara lazim diapit oleh belukar kobis (*cabbage bush* - *Scaevola sericea*) dan beberapa batang pokok kontot berkulit tebal (*Argusia argentea*). Rimbunan pokok pandan (*Pandanus tectorius*) dapat ditemui di pantai lagun yang menghadap timur dan di bahagian yang menghadap tiupan angin laut di pulau-pulau timur.

TANAH-TANIH

Permukaan tanah dilitupi sehingga sedalam antara 10 cm dengan satu meter dengan tanah kapur bercampur serpihan batu karang. Di kawasan yang dilitupi oleh tumbuhan, tanah berpasir ini juga mengandungi bahan organik yang mereput. Pasir batu karang dan campuran serpihannya membentuk bahan sumber utama bagi pembentukan tanah di pulau karang.


Berblok-blok batu apung hasil letupan Gunung Berapi Tomboro (1815) dan Gunung Berapi Krakatoa (1883) berselerak dengan meluas tetapi ia tidak mempunyai masa untuk memainkan peranan penting dalam pembentukan tanah. Begitu juga dengan kawasan-kawasan batu kenkil dan batu tanah liat yang ditinggalkan di beberapa tempat oleh kapal-kapal yang mendarat semasa Perang Dunia Kedua. Kawasan-kawasan yang dipenuhi dengan sabut kelapa, tanaman merayap yang tercantas atau rumpai laut memperlihatkan profil tanah-tanah yang lebih menonjol. Permukaan tanah hitamnya paling nipis dan meliputi tanah berkapur berwarna kelabu. Pada umumnya, tanah-tanah di pulau karang bersifat alkali, agak nipis dan kekurangan beberapa jenis zat.

Tanah-tanah telah didatangkan dari Pulau Christmas dan Singapura, dan berkemungkinan dari Mauritius dan Jawa, untuk membolehkan penanaman pokok buah-buahan, sayur-sayuran dan tumbuhan lain yang mempunyai kepentingan ekonomi. Tanah-tanah yang diimport ini telah digunakan di Pulau Horsburgh, Pulau Arah, Pulau Home, dan Pulau Selatan.



Ombak laut yang memukul terumbu yang lebar kelihatan sangat teguh, musuh yang sangat kuat: namun ia ditentang, dan malah ditawan, oleh keadaan yang pada mulanya kelihatan amat lemah dan tidak berupaya.

Charles Darwin, penjelasan tentang terumbu Cocos pada 1836.



Bab 2

Dunia yang Hidup



Di pulau batu karang yang terpencil, perbezaan antara dunia di luar laut dengan dunia dasar laut amatlah besar. Selain burung laut, sedikit tumbuhan dan manusia, tiada apa yang dapat menarik perhatian kita terhadap suasana hidupan di luar laut. Berlainan sekali ceritanya di sebalik ombak-ombak yang mengganas.

Ekosistem terumbu karang tiada bezanya daripada ekosistem hutan hujan yang mengandungi banyak spesies hidupan. Terdapat juga penzonan habitat secara menegak dan jaringan makanan yang amat kompleks. Ia juga melibatkan rangkaian dan jaringan perhubungan antara organisma yang terdapat di terumbu karang sehinggakan usaha untuk menyenaraikan setiap hubungan itu dengan menggunakan komputer sekalipun mengalami kesukaran.

TERUMBU KARANG

Batu karang ialah haiwan halus yang saiznya tidak melebihi satu sentimeter. Ia ada hubungannya dengan anemone laut dan ubur-ubur laut yang tergolong dalam keluarga haiwan yang dinamakan *Coelenterates*. Seperti anemone, satu haiwan batu karang ialah satu polip. Ia mempunyai satu atau lebih cecincin jejari yang melingkari satu mulut yang membawa ke suatu rongga pusat pada suatu tangkai yang boleh menguncup. Pada jejari ini terdapat damak halus yang menyengat. Dengan damak inilah ia menangkap plankton yang lalu.

Dalam kebanyakan jenis batu karang, sebarang polip dapat membiak dengan cara menunaskan individu baru daripada badannya. Berjuta-juta koloni polip dibiakkan melalui cara ini, dengan setiap organisma dihubungkan dengan organisma yang berdekatan dengan tisu hidup.

Batu karang merupakan haiwan yang menakjubkan. Polip dan tisu yang menghubungkannya berupaya mengeluarkan rangka batu kapur. Satu polip mungkin tidak menakjubkan tetapi beberapa koloni batu karang dapat menghasilkan batu bundar yang besar, permukaan seperti meja, ranting pokok dan bermacam

jenis bentuk yang cantik dan kompleks. Terdapat lebih daripada seribu jenis spesies batu karang di seluruh dunia, dan setiap spesies mempunyai cara masing-masing untuk memendapkan batu kapur yang dikeluarkan. Mana-mana satu spesies berupaya menghasilkan pelbagai jenis bentuk dalam zon yang berbeza di pulau batu karang yang sama. Hasil terakhir daripada proses penunasan, pemendapan dan pertumbuhan ini ialah terumbu karang.

Apabila seseorang memikirkan kedalaman bahan batu karang yang terdapat di bawah pulau-pulau seperti Cocos, amat sukar baginya untuk tidak berasa hairan terhadap betapa besarnya fenomena semula jadi yang menakjubkan ini.

Terumbu lebih cenderung tumbuh terhambar keluar daripada ke atas dan akhirnya terumbu ini menghasilkan pelantar yang rata dengan tebing sebelah luarnya yang curam. Di Kepulauan Cocos (Keeling) beting terumbu yang meminggiri ini berbeza-beza dari segi lebarnya iaitu antara 100–400 meter di sekeliling bahagian luar pulau batu karang selatan. Batu karang hidup tidak banyak di zon ini kerana biasanya ketika air surut, tidak banyak air di sini, malah tiada langsung. Ke arah pinggir luar tebing terumbu ini pelantarnya menaik sedikit dan terpecah kepada satu siri taji dan alur yang bertindak sebagai suatu sistem bergelombang. Inilah zon yang sering dilanda gelombang. Sawar terumbu ini sendiri merupakan tempat yang berbahaya dan memperdaya untuk mereka yang ingin mandi atau berenang di sini. Selepas ombak yang memukul memenuhi kawasan itu dengan air, arus deras yang balik semula akan mengalirkan keluar air berlebihan. Arus deras kuat ini berlaku setiap beberapa ratus meter di sepanjang sawar itu dan telah meragut beberapa nyawa selama ini.

Melampaui pinggirnya yang dapat dilihat, terumbu ini beransur-ansur mencerun ke bawah ke dalam zon pertumbuhan keluar yang aktif. Di sebelah barat pulau batu karang, beberapa bahagian tebing luar ini berpasir dan lebarnya berbeza-beza dari 10–100 meter. Tebing di

bahagian timur dan selatan pinggir pulau batu karang yang terdedah pada tiupan angin adalah lebih sempit. Inilah bahagian terumbu yang menampung pelbagai batu karang yang sangat cantik dan lembut. Di sebelah sana, bahagian luar terumbu yang beransur-ansur mencerun berakhir dengan mendadak, dan kelihatan seperti tembok yang hampir menegak, dan ini menghasilkan suatu pemandangan yang amat menakjubkan sesiapa sahaja yang menyelam di sekitar pulau batu karang ini.

Dalam erti kata yang tepat, penggunaan istilah "terumbu karang" adalah salah. Memang benar karang menghasilkan bahan batu yang banyak, tetapi tanpa tumbuhan di terumbu, terumbu tidak akan wujud langsung. Tumbuhan ialah asas kehidupan di terumbu karang sebagaimana juga bagi semua ekosistem yang lain. Tumbuhan ini menukarkan tenaga cahaya matahari ke dalam bentuk kimia yang dapat digunakan, dan tumbuhan juga amat penting dalam proses pemendapan batu kapur.

Di manakah semua tumbuhan ini? Kebanyakan tumbuhan jenis satu sel dan hidup di dalam tisu-tisu karang yang lembut dan keras. Yang lainnya, juga mikroskopik, hidup berkelompok dan membentuk kubu-kubu berbatu yang menyerap kebanyakan hampasan ombak laut. Alga merah berkapur ini berupaya merebahkan batu yang teguh, seperti yang dapat dilakukan oleh karang, tetapi betul-betul dalam zon ombak yang bergelora.

Sel-sel alga di dalam tisu karang berkongsi hubungan simbiosis dengan batu karang yang melindunginya. Setengah-setengah batu karang menampung lebih sejuta sel alga bagi setiap sentimeter persegi permukaan karang. Ada karang yang tidak mempunyai sel ini.

Perhubungan antara alga dengan karang perumah memberikan manfaat kepada keduanya. Alga menggunakan bahan buangan polip untuk kegunaan metabolismenya sendiri. Karbon dioksida hasil respirasi karang digunakan oleh alga dalam proses fotosintesis. Oksigen dan karbohidrat yang dikeluarkan oleh alga diperlukan oleh polip. Terdapat juga edaran semula

biokimia yang lain; jadi hanya sedikit sahaja pembaziran yang berlaku keseluruhannya. Karang yang mempunyai hubungan ini dengan alga berupaya menghasilkan lebih banyak batu kapur daripada karang yang tidak mempunyai hubungan ini.

Kebanyakan tumbuhan terumbu bersifat alga. Terdapat rumpai laut, tetapi tidak begitu ketara di terumbu karang kerana ia sentiasa dimakan oleh kelompok herbivor. Kelompok ini termasuk ikan bayan, landak laut dan pelbagai jenis kerang-kerangan.

JARINGAN MAKANAN

Terumbu karang mempunyai lebih banyak jenis hidupan yang hidup di atasnya dan di dalamnya berbanding dengan ekosistem laut yang lain. Namun rangkaian makanan ini tidaklah mudah. Hidupan karnivor di terumbu memakan pelbagai bentuk hidupan yang lain. *Coneshell* yang ganas, misalnya, memakan moluska lain (herbivor), haiwan krustasia (karnivor) atau cacing (pemakan puin). Apa sahaja yang memakan karang, memakan juga hidupan dan sel-sel tumbuhan yang melekat padanya. Karang itu sendiri hidup dengan memakan larva plankton setiap spesies dan juga bergantung pada alga yang tumbuh pada dirinya sendiri.

Landak laut merupakan salah satu binatang herbivor yang paling jelas di terumbu. Ia sentiasa dapat dilihat dalam air jernih di sekitar terumbu. Secara relatif ia tidak mempunyai banyak musuh semula jadi kerana duri luarnya yang tajam mempunyai penapis cahaya yang akan menegakkan duri-duri yang tajam itu sementara landak laut terlindung di bawahnya.

Setengah-setengah ikan ialah jenis herbivor. Ini termasuklah kumpulan keluarga ikan yang terkenal iaitu ikan bayan dan dengkis gebang. Mulut ikan-ikan ini yang seperti paruh sesuai untuk meragut alga dari batu karang, dengan mengeluarkan bunyi kertik-kertuk yang dapat didengar oleh seorang penyelam. Kumpulan ikan yang majal dan mampat ini berenang melalui taman batu karang seperti lembu di padang





Moorish Idols (Zanclus cornutus) berenang-renang di taman batu karang

rumpun. Di dalam kerongkongnya terdapat satu lagi set gigi yang memupur batu kapur supaya ia dapat memakan alga dan polip yang hidup pada batu kapur itu. Kemudian pasir halus yang tidak berguna dihamburkan keluar. Selama beribu-ribu tahun pasir halus batu karang ini telah menimbun menjadi batas-batas pasir yang putih dan halus di dasar lagun.

Kebanyakan bagang yang berwarna-warni mendapatkan makanannya daripada karang; muncungnya yang panjang dan dapat ditarik ke dalam dapat sampai ke dalam rangka karang untuk menarik keluar polip.

Tapak sulaiman, kon, sotong kunita, belut, jerung dan ikan kekacang ialah pemangsa utama di terumbu. Ia sentiasa memburu. Kehadirannya membawa kepada pembentukan pelbagai bentuk mekanisme pertahanan diri oleh haiwan yang menjadi mangsanya. Lapisan luar kebanyakan ikan yang memakan karang misalnya, adalah berlendir. Lendir ini dikeluarkan pada waktu malam dicelah batu tempat tinggalnya untuk menjauhkan belut. Hidupan lain bersenjata, setengah-setengahnya menyamar diri, ada yang mencari perlindungan daripada spesies lain, ada yang mengajuk bunyi, menggunakan warna yang terang dan pelbagai lagi cara untuk menyelamatkan diri. Semuanya akan mengawal dengan iri rumah batunya dalam kekusutan jaringan batu karang.

Sebagaimana yang disebutkan di atas, ekosistem terumbu karang memperlihatkan beberapa ciri yang selari dengan hutan hujan tropika. Di sini, seperti juga di hutan, banyak makhluk kecil bertindak sebagai pengumpul dan pengguna semula bahan yang tidak berguna. Spesies ketam dan siput ialah penghapus sisa. Ia cepat dapat mengesan lalu memakan sebarang daging yang busuk atau makanan yang tidak berguna. Yang lain memakan puin: binatang seperti cacing dan timun laut yang memakan pasir karang, mengambil zat daripadanya dan meluahkannya kembali. Yang paling banyak membiak, tetapi tidak dapat dilihat oleh pemerhati, ialah bakteria mikroskopik yang melapisi permukaan batu, jurang air batu dan sebarang


bahan yang mereput. Sebagaimana hutan, terumbu bergantung pada proses yang cepat dan berkesan dalam penggunaan semula zat dan bahan organik. Haiwan di terumbu karang yang memakan sarap melaksanakan tugasnya dengan begitu baik sehinggakan tidak banyak bahan buangan yang hilang ke laut luas.

LAGUN

Terumbu karang mempunyai profil yang agak seragam walau di mana ia ditemui. Beting terumbu mempunyai tebing dalam dan juga tebing luar. Tebing dalam menceren beransur-ansur dan memipih keluar ke dalam lagun karang. Lantai lagun merupakan dataran pasir yang biasa dengan timbunan anak bukit batu kapur yang dikenali di perairan Australia sebagai *bommies*. Kawasan ini mungkin dilitupi oleh karang dan dipenuhi ikan – begitu berbeza dengan dataran berpasir yang tandus yang terdapat di sekelilingnya.

Bahagian selatan lagun Cocos ditaburi dengan busut karang sebegini, tetapi dicirikan juga dengan sebilangan besar "lekukan air laut" yang dalam di bahagian tengahnya. Lekukan ini berbeza-beza dari segi lebar dan dalamnya dan air di dalamnya biasanya tidak jernih kerana mengandungi mendak. Bahagian dinding lekukan ini dilitupi karang yang telah mati dan pecah, dan dasarnya menampung apungan kelodak yang beransur terkumpul di dasar lekukan itu. Jelaslah lagun ini semakin pesat memendapkan kelodak ini dan ia juga mengalami tragedi ekologi yang lebih teruk.

Lagun Cocos di sebelah selatan telah banyak terjejas akibat peristiwa El-Nino yang berlaku pada bulan Mac 1983. Terdapat dokumentasi yang menunjukkan gangguan ekologi yang sama pada tahun 1876 dan 1961. Penduduk Melayu tempatan dengan mudah dapat mengingat apabila lagun mereka pernah mengalami fenomena



yang mereka namakan *air busuk*. Nampaknya peristiwa begini telah berlaku sekurang-kurangnya tiga kali di sepanjang 30 tahun yang lalu, dengan beberapa kejadian yang lebih kecil sekali-sekala.

MAC 1983 – BERLAKUNYA TRAGEDI EKOLOGI

Pada awal 1983 keseluruhan Hemisfera Selatan menerima kesan buruk akibat gangguan iklim yang bersifat umum. Afrika Selatan, Australia dan Indonesia mengalami kemarau yang teruk. Hujan lebat hingga mencatatkan rekod telah mengakibatkan banjir di Ecuador dan telah menggagalkan penangkapan ikan bilis di Peru dengan teruknya.

Mekanisme yang terlibat agak kompleks, tetapi ia berkaitan dengan perubahan besar yang berlaku dalam tekanan udara. Perubahan tekanan udara pada tahun 1983 ini memang besar dan bertembung dengan peralihan *Intertropical Front* (ITF) yang lebih ke selatan daripada biasa. Kesan percantuman kedua-dua perubahan ini di sekitar Kepulauan Cocos (Keeling) menghasilkan tiupan angin barat daya yang berselang-seli dengan keadaan tenang yang lebih panjang. Suhu luar biasa tingginya dan angin ribut disertai hujan dan petir sering berlaku.

K keadaan ini amat berlawanan dengan pola biasa tiupan angin tenggara yang berselang-seli dengan keadaan yang tenang pada tempoh ini. Tiupan angin tenggara yang biasa amat penting bagi membolehkan air laut mengalir lagun. Biasanya air laut mencurah ke lagun dari lubang-lubang utama di pinggir selatan dan timur pulau batu karang. Ini menghasilkan aliran air yang tetap dari selatan ke utara.

Pada bulan Mac 1983 lagun mula mengeluarkan bau seperti bau telur busuk, dan air di kawasan selatan dan barat Pulau Home berubah warna. Keadaan ini beransur-ansur merebak merentangi lagun ke arah jeti Pulau Barat. Bangkai ikan terapung di permukaan air dan kumpulan ikan yang berenang di sekitar kawasan

ini kelihatan seperti mabuk. Berpuluh-puluh belut *moray* yang biasanya menyembunyikan diri kini turut berkeadaan demikian. Banyak ikan berenang-renang tanpa tujuan di kawasan lagun yang cetek.

Semua ikan di atas adalah jenis tempatan dan hidup di dasar lagun. Seekor pun jerung atau hidupan laut yang lain tidak kelihatan; ia tiada lagi di lagun itu. Selepas dua tiga hari beribu-ribu bangkai ikan yang tidak terkira jumlahnya terapung di permukaan air. Bangkai ikan yang sudah kembung dan berbau busuk itu dihanyutkan ke pantai Pulau Home, Pulau Arah dan Pulau Barat. Keadaan ini berterusan hingga seminggu apabila kawasan air busuk semakin meluas meliputi kira-kira satu pertiga lagun.

Tanpa mekanisme arus aliran yang semula jadi, air laut yang surut akan mengalirkan keluar air yang telah dicemari itu dari lubang-lubang terdedah di sebelah timur lagun, dan malah akan menukarkan warna laut di sekelilingnya. Air busuk ini terus berada dalam lagun selama seminggu lagi sebelum tiupan angin tenggara yang kuat mengalirkannya keluar.

Fenomena ini dikenali sebagai pengeutrofikatan. Oleh sebab tahap makanan dan oksigen di lagun telah menurun dengan banyaknya, berjuta-juta sel alga pada karang lagun tidak dapat berfungsi. Dalam keadaan ini, alga mengeluarkan bahan berasid yang beracun yang dapat membunuh kebanyakan hidupan laut yang menyentuhnya.

Kehidupan di lagun Cocos-Keeling jelas sangat berbahaya. Pengeutrofikatan yang berlaku dari semasa ke semasa, bersama-sama dengan air yang semakin cetek yang dibahangi oleh cahaya matahari yang terik, mengurangkan kadar garam apabila hujan turun dengan lebatnya dan apabila berlaku pemendapan kelodak yang begitu banyak. Keadaan ini semuanya menjadi punca mengapa bilangan hidupan di lagun sebelah selatan Cocos tidak besar.

Seekor ketam hantu putih (*Ocypode ceratophthalma*) mengorek pantai pasang surut





Ketam hantu jenis (*Ocypode ceratophthalma*)
hijau-oren

PANTAI

Berlawanan dengan dunia dasar laut, bahagian pantai pulau batu karang paling kurang mempunyai kepelbagaian hidupan di sebuah pulau batu karang. Pantai merupakan sempadan antara darat dengan laut. Pantai berkemungkinan berbatu atau berpasir dan berkemungkinan menampung beberapa habitat yang berbeza – dari zon air pasang surut hingga ke kawasan lebih tinggi yang menerima terutamanya percikan air laut.

Mana-mana organisma yang memilih pantai ini sebagai tempat tinggalnya mestilah menyesuaikan diri dengan masalah khususnya. Ia mestilah berupaya menahan pukulan ombak, cahaya matahari terik, kadar garam yang tinggi, hakis angin dan ombak, bekalan makanan yang terhad, pasang surut air serta pukulan angin ribut yang berlaku dari semasa ke semasa. Binatang yang tinggal di sepanjang pantai pada umumnya kecil dan mempunyai cara mempertahankan

dirinya. Ombak yang melanda membawa makanan kepada binatang ini tetapi juga mengancam menghanyutkannya ke laut. Binatang yang tinggal di kawasan tinggi yang tidak terkena air pasang ini menghadapi risiko mati kering. Oleh itu kehidupan haiwan di sepanjang pantai ini mempunyai ciri naik turun iaitu sama ada mempunyai cukup makanan atau menghadapi kebuluran.

Tumbuhan di zon ini merupakan peneroka tumbuhan tahan lasak di pulau ini. Ia dapat menahan masin, kemarau dan dapat menyesuaikan diri dengan angin yang sentiasa bertiup. Pasir tempat ia tumbuh itu sendin ada kalanya bergerak dan terhakis. Meskipun demikian, pola tahunan penyebaran benihnya, pertumbuhannya dan perkembangannya masih bertahan. Tumbuh-

an-tumbuhan inilah yang merupakan benteng pertahanan utama pulau ini dalam menentang haksian.

Pantai-pantai Cocos memperlihatkan beberapa ragam. Pada musim panas yang tenang, setengah-setengah pantai di Cocos menggambarkan imej 'klasik' laut jernih yang tenang, pasir yang bercahaya dan desiran daun kelapa yang melambai. Namun begitu bukan semua pulau Cocos mempunyai pantai berpasir, malah hanya sebilangan kecil sahaja yang mempunyai beting yang menganjur agak jauh bagi membolehkan orang berenang. Biasanya pulau-pulau ini diluti awan tetapi ada juga hari yang mengalami tiupan angin kencang dan pukulan ombak. Adalah perkara biasa angin tenggara yang membawa rebas bertuip di pulau-pulau ini. Pinggir pantai yang menghadap terus tiupan angin ini lebih menyukarkan hidupan di situ berbanding dengan hidupan di pantai lindung angin.

Tumbuhan pinggir pantai membentuk pelindung di keliling pulau. Tumbuhan ini merupakan contoh hidupan yang meneroka anak pulau karang yang terpelok. Tumbuhan yang paling dekat dengan air ialah spesies yang melitupi tanah, rumput dan herba yang tidak menonjol, tahan masin, dan tahan angin. Lebih jauh dari air, di sepanjang pinggir dalaman pantai ialah zon yang ditumbuhi belukar yang tahan panas dan sejuk dan pokok-pokok yang rendah. Di sini terdapat Belukar Sotong Kurita (*Argusia argentea*) yang berbonggol dan menggerutu, Belukar Kobis (*Scaevola sericea*) yang menyimpan air dan beberapa batang Pokok Pandan (*Pandanus tectorius*) yang tumbuh seperti tiang.

Anak teluk air payau (sekarang payau) di Pulau Horsburgh merupakan satu-satunya tempat di kawasan ini yang menampung pokok bakau (*Rhizophora stylosa*). Pokok-pokok ini mempunyai kebolehan unik untuk menahan keadaan yang sangat masin dan kadar oksigen yang rendah di sekitar akarnya. Tidak seperti belukar yang mengukuhkan tanah di pinggir pantai, pokok-pokok ini dapat tumbuh walaupun akarnya terus-menerus tenggelam dalam air masin. Paya yang cetek dan masin ini dibekal-

kan oleh penyerapan air laut pada masa air pasang.

Terdapat sejenis binatang yang menguasai pinggir pantai. Kawasan ini dikuasai oleh ketam. Kebanyakan makhluk ini kelihatan bahagia di kedua-dua belah gigi air manakala yang lain lebih jelas merupakan penghuni di darat. Walau bagaimanapun kesemuanya mencerminkan asal usul kelautan spesiesnya pada zaman dahulu dari segi pergantungannya pada laut semasa edaran pembiakan.

Makhluk pantai kebanyakannya memakan bangkai. Tindakan ombak, yang dikurangkan sedikit oleh beting terumbu, secara tetap membawa bersama-samanya puin organik. Puin ini didamparkan di sepanjang gigi air dan membentuk suatu garisan terputus di sepanjang garisan bekas air pasang. Ketam menggunakan sepenuhnya zat makanan yang terdapat daripada puin ini. Sebagai tambahan kepada puin hidupan laut ini ialah bahan tumbuhan yang banyak daripada belukar dan pokok yang tumbuh di kawasan pantai itu.

Ketam bersaing sesama sendiri untuk mendapatkan makanan. Setengah-setengahnya bergerak pantas pada waktu siang untuk mencari bahan makanan, manakala yang lain lebih bergiat pada waktu malam. Barisan lubang dan timbunan pasir di sepanjang cerun antara bekas gigi air dimiliki oleh Ketam Hantu (*Ocypode ceratophthalma*). Ia berlindung pada waktu siang di dalam lubang-lubang yang lembap ini dan muncul kira-kira pada waktu senja lalu ligat mengorek pasir dan mencari bahan makanan. Ketam-ketam ini, dengan mata yang sentiasa berhati-hati, sering mencari perlindungan di kawasan gigi air yang berbuih. Mata mereka yang seperti periskop sentiasa berhati-hati terhadap burung di pantai.

Kehidupan di pinggir pantai sama dengan kehidupan di gurun pasir iaitu kebanyakan makhluknya keluar pada waktu malam dan dapat hidup di bawah permukaan pasir yang panas pada waktu siang. Bakteria, cacing, kutu pasir dan ketam tinggal di lapisan bawah permukaan pasir yang lebih sejuk dan lembap. Musuhunya, kebanyakannya burung dan ketam lain,


mempunyai beberapa penyesuaian yang membolehkannya memburu makhluk di bawah permukaan pasir tadi. Burung pantai umumnya mempunyai kaki yang panjang dan kurus, leher yang jinjang dan paruh yang tajam dan muncung. Ini membuatnya cukup tinggi, cukup panjang, dan dapat membenam paruhnya untuk mencari mangsa di gigi air. Beberapa spesies burung pucung dapat dilihat berlegar-legar di udara mencari mangsanya di pantai Cocos pada bila-bila masa sahaja. Ketam sendin mempunyai sepit yang tajam bagi membolehkannya mengoyak apa-apa sahaja makanan yang lebih besar yang merentas di hadapannya – termasuklah ketam lain.

Selepas ketam hantu, dengan rangkaian lubang dan timbunan pasinya, penghuni pantai yang menonjol seterusnya ialah umang-umang (*Coenobita perlata*). Masalah utama yang dihadapi oleh makhluk ini adalah hakikat bahawa perutnya yang besar itu lembut dan mudah tercedera. Ia terpaksa melindungi dirinya dengan bersembu-

nyi dan bergantung pada kulit-kulit kerang atau tiram yang kosong. Apabila umang-umang ini terlalu besar untuk "rumah"nya, ia mencari cengkerang lain sebagai ganti. Tidak sukar untuk mencari kulit kerang di sepanjang pantai Cocos.

Makhluk pinggir pantai yang paling besar ialah penyu yang datang dari semasa ke semasa. Hanya beberapa ekor sahaja yang mendarat di sebelah selatan pantai pulau batu karang Cocos. Ini kerana jalan masuk ke sini sukar dan penyu terpaksa berhadapan dengan risiko ditangkap oleh manusia. Kesan kaki sirip penyu kadang-kadang dapat dilihat pada pasir berdekatan dengan padang tembak dan arah utara Pulau Barat. Di sini terdapat beberapa ruang pada terumbu yang mewujudkan jalan masuk ke pantai. Suatu lagi jalan masuk adalah di Alur

Ketam tanah (*Cardisoma carnifex*)





Penyu di Pulau Barat. Nama teluk yang berpasir ini sebenarnya bermakna "taluan penyu" dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini tidak ada penyu yang mendarat di sini. Sekarang penyu nampaknya lebih suka mendarat di pantai barat Pulau Keeling Utara yang terpencil dan terlindung.

Dua jenis penyu yang dapat dilihat di perairan Cocos ialah Penyu Hijau yang besar (*Chelonia mydas*) dan yang lebih kecil *Hawksbill* (*Eretmochelys imbricata*). Penyu Hijau sebahagian besarnya, memakan pelbagai jenis tumbuhan laut dan rumpai laut, manakala *Hawksbill* merupakan jenis karnivor. *Hawksbill* mendapat namanya kerana rahang atasnya yang menyerupai paruh. Ia hidup dengan memakan ubur-ubur dan hidupan laut lain yang lembut.

Sebilangan besar penyu pada suatu masa dahulu dikurung dalam kolam air laut di sebelah lagun di Pulau Home. Malangnya perayaan menyambut ulang tahun ke-100 pulau-pulau ini

Beting terumbu masa air surut, Pulau Barat

pada tahun 1927 telah memusnahkan hampir kesemua kumpulan penyu itu. Pada hari ini hanya sebilangan kecil sahaja penyu yang dapat dilihat di perairan Cocos.

Pinggir pantai di sebelah lagun pulau karang ini melandai beransur-ansur ke gigi air. Terdapat banyak beting yang berlumpur di sini. Kebanyakan pinggir pantai ini mempunyai ciri timbunan rumpai laut dan puin terapung yang lain. Pinggir pantai lagun di Pulau Barat menjadi tempat terdampar timbunan beratus-ratus batang kayu, yang tumbang dari pulau lain semasa angin siklon menyerang. Pantai-pantai ini menawarkan banyak bahan tumbuhan bagi Ketam Tanah (*Cardisoma carnifex*) yang terdapat di merata tempat. Bahagian hulu beting dihuni oleh berjuta-juta Ketam Rebab yang halus (*Uca gaimardi*) dan bahagian beting yang lebih dalam

dihuni oleh Ketam Lumpur yang besar (*Thalassia spinumana*) dari semasa ke semasa dan oleh Ketam Rumah (*Calappa hepatica*) yang keras.

HUTAN



Pulau Keeling Utara yang terencil satu-satunya tempat di Kepulauan Cocos (Keeling) yang dapat berbangga dengan hutan semula jadinya. Semua pulau yang lain dalam kumpulan ini telah beransur-ansur berubah menjadi kelompok pokok kelapa. Bahagian barat Keeling Utara dilitupi hutan *Pisonia* dan kelapa. *Pisonia grandis* ialah pokok bersaiz sederhana, berdaun lebar yang biasa terdapat di banyak pulau tropika. Ketinggiannya adalah antara 15–20 meter, sebaran bahagian atasnya tidak sama, berdaun hijau kekuningan, kulit kayunya kelabu dan licin, dan akarnya jenis banir. Kayunya agak lembut dan rantingnya mudah patah. Udara hutan di bawah

kanopi daun ini panas dan tenang dan cahaya di sekitar memperlihatkan warna kehijauan. Di sana sini lantai hutan diterangi oleh cahaya matahari yang terang. Tiada tumbuhan tutup bumi, tetapi tanah berselerak dengan kelapa yang tumbuh dengan pesat apabila tidak terlindung.

Pokok kelapa tumbuh di kawasan hutan yang mengarah ke laut, bersama-sama belukar pinggir pantai dan pokok *Argusia* yang bantut. Pinggir pantai hutan di sebelah lagun dilindungi oleh barisan tebal pokok *Argusia* yang dipahat angin, pokok palma dan kelompok pokok *Ironwood* yang berbonggol-bonggol.

Jaluran *Pisonia* merupakan kawasan Burung Booby Tapak Merah (*Sula sula*). Burung yang bunyinya agak garau ini gemar membuat

Di sebelah: Hutan Keeling Utara





sarangnya yang kasar dalam kanopi hutan dan memaklumkan kehadirannya dengan mengeluarkan bunyi garau dan bunyi kirapan sayapnya yang kuat di atas pokok. Amat berbeza ialah Burung Laut Putih (*Gygis alba*) yang kecil, dan sederhana yang bertelur sebiji terus ke dahan rendah pokok *Argusia* yang berkulit kasar. Telurnya berbintik-bintik dan ia dijaga dengan rapi dan dieram dengan menutupkannya dengan bulu perutnya yang lembut. Lantai hutan yang samar-samar menjadi tempat tinggal *Buff-Baruled Rail Cocos* (*Rallus philippensis andrewosi*). Burung jenis pebangkai ini dapat berlari dengan deras dan pandai mengelakkan diri. Ia membina sarangnya di celah-celah kayu yang tumbang, tunggul kayu atau akar pokok *Pisonia* yang menjalar. Ia merupakan satu-satunya subspesies endemi burung yang ditemui di sini.

Suatu lagi penghuni di lantai hutan yang lebih pandai mengelakkan diri ialah Ketam Curi (*Birgus latro*) yang besar. Haiwan krustasia

berwarna biru dan oren ini dapat menjadi cukup besar dan kuat. Penyepitnya yang panjang mempunyai tenaga yang kuat dan binatang ini cekap memanjat. Sebahagian besar ketam ini keluar pada waktu malam, dan ia kerap dicari oleh orang Melayu Cocos untuk dijadikan bahan makanan. Nama tempatannya ialah udang darat, yang jelas menggambarkan rupa bentuknya yang luar biasa. Pada masa ini, tidak banyak ketam ini yang dapat ditemui di pulau-pulau karang sebelah selatan. Satu lagi ketam Keeling yang jarang ditemui di tempat lain di Cocos ialah Ketam Merah dan Hitam (*Gecaroides humei natalis*) yang berkilat, sungguhpun bilangannya agak kecil, dan jauh sekali daripada bilangannya yang terdapat menurut musim sebagaimana yang terdapat di Pulau Christmas.

Jaluran pantai selatan Keeling Utara dilitupi oleh belukar *Pemphis acidula* yang tebal. Kawasan ini sentiasa menerima rebas air masin, dan merupakan kawasan berangin yang membiakkan



Ketam Curi (*Birgus latro*)

beberapa spesies burung laut, burung *Frigate*, *Boobie* coklat, *Boobie* bertopeng dan burung tropika berekor merah dari semasa ke semasa. Kemudahan masuk ke kawasan ini dikawal dengan ketat oleh Perkhidmatan Taman Negara dan Hidupan Liar Australia, oleh sebab burung-burung yang mengeram akan terbang meninggalkan telurnya apabila diganggu. Belukar *Pemphis* ialah belukar hijau yang mempunyai batang yang pendek dan berpintal. Di sini belukar ini tumbuh bertompok-tompok antara tanah kosong atau berumput. Ia tumbuh agak ke belakang daripada pantai, di belakang kawasan tumbuhan rumput yang tahan kadar masin dan tumbuhan herba yang mencengkam tanah.

Pulau batu karang Keeling yang menganjur ke utara dan timur laut yang paling banyak ditumbuhi oleh pelbagai jenis spesies tumbuhan. Ini mungkin kerana pola tiupan angin lazim yang menjadikan kawasan ini sebagai tempat terakhir sebaran benih yang ditiup angin dan yang

dibawa oleh air laut. Walau bagaimanapun asal usul yang tepat suatu kawasan *micifera* yang luas di bahagian timur laut pulau ini menjadi satu tanda tanya. Pokok-pokok ini mungkin telah ditanam, walaupun kawasan ini tidak mempunyai pola grid ladang yang klasik. Berkemungkinan juga ia tumbuh secara semula jadi ekoran pemusnahan sebahagian hutan *Pisonia* semasa angin ribut yang teruk.

LANGIT

Pulau Keeling Utara dikenali di seluruh dunia sebagai kawasan burung laut. Manakala di pulau karang yang utama, hanya 24 km ke selatan, hampir tidak ada burung. Perbezaan yang amat ketara antara kedua-dua pulau karang ini mengingatkan kita kepada pengaruh manusia yang kuat terhadap ekosistem pulau yang semula jadi.

Apabila kepentingan komersil menular ke Lautan Hindi dan Lautan Pasifik, pulau-pulau karang beransur-ansur bertukar menjadi tapak



Burung laut hitam (*Sterna fuscata*) dan burung Noddie (*Anous stolidus*) memenuhi ruang udara di pantai Keeling Utara yang berangin

Burung Booby Bertopeng (*Sula dactylatra*), Keeling Utara



pengeluaran bagi pasaran luar negeri. Kesan bidang perusahan ini malangnya bukan hanya terhad pada penggantian spesies tumbuhan. Bersama-sama setiap batang pokok yang ditebang, musnahlah kediaman binatang-binatang dan tumbuhan yang lebih kecil. Yang paling ketara ialah burung yang membina sarang di atas pokok. Kepelbagaian hidupan semula jadi pulau-pulau tropika telah berkurang dengan banyaknya apabila kawasan ini dibersihkan untuk tujuan perladangan. Biasanya, catuan makanan para pekerja diberikan secukupnya sahaja dan ini memaksa mereka mengaut sumber daripada setiap pulau untuk menambah diet mereka. Dalam proses ini, burung dan telur burung, penyu dan telur penyu, kerang dan ketam paya diburu beribu-ribu sebagai makanan tambahan di banyak ladang pulau tropika ini.

Pengaruh manusia komersil ini bukan setakat ini sahaja. Dia telah mengambil tumbuhan hiasan dan tumbuhan makanan berserta sebilangan haiwan asing. Di pulau karang Cocos Selatan, tindakan memusnah oleh manusia, tikus dan

kucing telah mewujudkan tumbuhan sejenis iaitu kelapa yang tandus dan diabaikan. Burung yang berlegar di udara selalu sahaja menarik perhatian sesiapa yang melihatnya. Mujurlah Pulau Keeling Utara dapat melepaskan diri daripada transformasi yang menyeluruh ini disebabkan kedudukannya yang terpencil dan sukar didatangi. Sesungguhnya ia suatu dunia yang berbeza.

Langit Keeling Utara dipenuhi beribu-ribu burung laut yang berlegar-legar di udara. Jika berjalan di sepanjang pantai selatan pulau ini, seseorang terpaksa tunduk sesekali untuk mengelak burung laut dan mesti berjalan dengan berhati-hati supaya tidak terpijak sarang burung Booby di tanah.

Burung yang paling biasa di Keeling Utara ialah Booby bertapak merah (*Sula sula*). Burung ini hidup dengan memakan ikan terbang, sotong dan ikan permukaan air yang lebih kecil. Burung ini membuat sarang di pokok dan belukar dan biasanya bertelur sebiji sahaja setiap tahun. Ia merupakan spesies yang ingin tahu dan keistimewaan ini, serta saiznya, menjadikannya



Seekor burung laut putih (*Gygis alba*) yang kecil menjaga telur tunggalnya, Keeling Utara

sasaran yang popular bagi pemburu burung. Satu lagi burung yang biasa ditemui di Keeling Utara ialah burung *Frigate* yang terbahagi kepada dua jenis, jenis kecil (*Fregata ariel*) dan jenis besar (*Fregata minor*). Burung ini juga merupakan penangkap ikan yang handal, walaupun ia lebih suka melakukan sesuatu yang lebih mudah iaitu merampas tangkapan burung *Booby*.

Sebilangan kecil *Booby* bertopeng (*Sula dactylatra*) dan *Booby* coklat (*Sula leucogaster*) dapat ditemui di pantai hadapan bahagian selatan pulau yang terdedah, begitu juga burung tropika ekor merah (*Phaethon rubricauda*). Pantai berbatu yang berangin ini juga menarik burung laut Sooty (*Sterna fuscata*), Noddy (*Anous stolidus*), dan burung laut putih (*Gygis alba*) yang gebu seperti pari-pari.

Tunggul-tunggul kayu putih *Ironwood* yang berselerak di pamah alkali di hujung barat daya Keeling Utara membekalkan lubang-lubang bagi sarang burung tropika ekor putih (*Phaethon lepturus*). Burung ini dapat terbang rendah menyusur laut, dengan menggunakan bulu ekornya

yang panjang sebagai pengimbang semasa ia menyambar ikan kecil dari permukaan air.

Sekarang, Perkhidmatan Taman Negara dan Hidupan Liar Australia mengawal bilangan burung dengan berhati-hati, dan Majlis Kepulauan Cocos (Keeling) telah bersetuju dengan rancangan pengurusan burung laut di wilayah itu. Penangkapan burung untuk tujuan dijadikan bahan makanan dilarang sekarang ini untuk membolehkannya terus wujud di pulau karang utara ini. Agak menyedihkan jika diingat kembali bahawa kehadiran burung laut yang banyak inilah yang telah menarik peneroka awal memilih pulau-pulau ini sebagai tempat kediaman mereka.

TUMBUHAN DAN BINATANG ASAL DI WILAYAH COCOS

Pulau-pulau berpasir dan berangin yang muncul dari Lautan Hindi kira-kira 30 juta tahun dahulu ini telah lama dilitupi tumbuhan dan dihuni oleh binatang kecil. Ombak besar akibat angin ribut yang berlaku dari semasa ke semasa mungkin

telah menggondolkan pulau ini, dan agen pembiakan tumbuhan dan binatang berkenaan terpaksa memulakan semula prosesnya. Hanya spesies yang paling tahan lasak dapat hidup dalam persekitaran yang sangat mengancam ini.

Makhluk pertama yang berjaya hidup di kawasan ini ialah hidupan yang habitatnya kawasan pantai yang menghadap angin. Biji benih tumbuhan pantai sangat sesuai untuk disebarkan oleh arus lautan dan dapat hidup dengan baik dalam keadaan kekurangan zat makanan dan air masin. Biji benih pokok *pandanus* dan belukar sotong kurita diselaputi oleh lapisan seperti gabus dan dapat terus hidup dalam air laut sehingga enam bulan. Biji benih ini akan mula bercambah hanya apabila dihanyutkan ke pantai dan menyerap air hujan.

Belukar yang tahan lasak serta tumbuhan melata yang menyimpan air telah beransur-ansur mengubah suai habitat semula jadi yang tandus. Tumbuhan ini telah membekalkan bahan organik daripada bahan buangnya sendiri dan bahan-bahan yang telah mati, menyimpan air, memerangkap dan menstabilkan tanah dan juga mengubah suai keadaan cahaya, suhu dan dedahan kepada angin di permukaan pantai yang berpasir itu. Tumbuhan ini juga sedikit sebanyak menjadi bahan makanan bagi mana-mana makhluk yang terdapat di pulau-pulau ini. Burung laut yang mendapati kawasan ini tempat yang selesa dan selamat, mungkin telah membantu membiakkan spesies tumbuhan yang lain. Biji benih pokok *Pisonia* terutamanya sangat mudah melekat dan mudah diangkut oleh burung yang suka berpindah-pindah tempat. Tidak ragu-ragu lagi burung-burung ini juga seterusnya membekalkan bahan baja kepada tanah embrio iaitu daripada najisnya dan bangkainya yang mereput.

Biji benih tropika yang disebarkan melalui laut yang paling banyak diketahui ialah buah kelapa yang besar. Buah kelapa ini akan bercambah di pulau-pulau kecil yang baru yang mempunyai cukup tanah di atas paras air.

Arus laut juga memainkan peranan dalam

menyebarkan spesies tumbuhan darat yang mengalami beberapa peringkat edaran hidupnya dalam laut. Arus lautan menyebarkan larva ketam pantai. Selagi ketam-ketam itu diperolehi bahan tumbuhan yang mencukupi sebagai bahan makanannya, ia akan menjadi antara penghuni terawal di pulau. Tabiatnya yang suka mengorek lubang di tanah mempergiat pembentukan selapis tanah yang kemudiannya akan membantu pertumbuhan spesies tumbuhan yang baru.

Fungi, liken, lumut jati dan banyak lagi binatang mikroskopik mempunyai spora yang sangat halus yang dapat ditiup oleh angin ke kawasan yang jauh. Angin lazim dan ombak berarus deras yang tinggi berupaya mengangkutnya sejauh beratus-ratus malah beribu-ribu kilometer. Spora yang halus ini dapat bertindak sebagai nukleus peluwapan bagi titisan air hujan dan jatuh ke tanah di pulau-pulau di lautan. Kadang kala organisma yang lebih besar seperti labah-labah, serangga dan burung ditiup oleh angin ribut dan siklon ke kawasan-kawasan yang jauh.

Serangga tiupan angin yang paling ketara ialah kumpulan pepatung yang besar yang muncul dari semasa ke semasa. Makhluk ini memerlukan air tawar untuk membiak dan jarang sekali membiak di kawasan setempat. Biasanya kemunculan pepatung ini didahului oleh tiupan angin timuran atau timur laut yang kencang yang diikuti suatu keadaan tenang. Beberapa ekor kelawar, burung hantu, burung air yang panjang kakinya dan burung layang-layang yang tersesat telah ditemui di pulau-pulau ini tidak lama dahulu. Binatang-binatang ini juga tentunya telah ditiup angin ke sini.

Penghijrah yang ditiup angin ini berkemungkinan membawa bersama-samanya penghuni lain, sama ada secara dalaman ataupun luaran. Benda yang diangkut bersama ini mungkin termasuk biji benih, bakteria dan serangga parasit.

Pola pengedaran angin dan arus penting bagi menentukan bakal spesies yang akan hidup di sesebuah pulau. Namun kibasan angin dan



Burung Booby Coklat (*Sula dactylatra*),
Keeling Utara

cuaca yang luar biasa juga penting. Malah seekor anjing laut yang menyendiri telah menemui jalan ke Pulau Horsburgh. Ini amat memeranjatkan para pekerja Melayu yang temampak anjing laut itu. Terdapat dongeng tempatan mengenai duyung di Pulau Penjara. Mungkin juga ia anjing laut yang sesat. Umumnya semakin jauh sesebuah pulau itu daripada kawasan daratan yang luas, semakin kecilah bilangan spesies hidupan yang terdapat di pulau itu. Penyesuaian khusus yang diperlukan untuk hidup di laut secara selektifnya mengurangkan banyak hidupan yang berjaya meneroka pulau.

Batang pokok kayu keras tropika yang besar yang terapung-apung merupakan pemandangan yang biasa di pantai Cocos hari ini. Begitu juga dengan boya dari Fremantle dan Geraldton di Australia Barat. Sebuah kolek berpengayuh dan bot pelampung dari tempat peranginan telah dihanyutkan ke pantai baru-baru ini, begitu juga dengan bermeter-meter kepingan getah yang digunakan untuk membuat tali kulit getah.

Majoriti bahan apungan zaman moden ini mempunyai sumbernya di Asia Tenggara. Bertan-tan bahan apungan biasa mungkin juga telah tersesat ke pulau-pulau yang terpencil ini. Pokok-pokok besar yang diragut dari pantai-pantai tropika ketika berlakunya angin ribut yang ganas, mungkin telah membawa bersama-samanya biji benih, pokok menjalar, tumbuhan berbunga, serangga, burung dan reptilia semasa ia hanyut terapung-apung merentangi lautan yang luas seperti pulau-pulau kecil yang hidup. Wood-Jones (1910) melaporkan dua ekor buaya, beberapa ekor ular dan apa yang dikatakan kolek perang Maori yang dihanyutkan oleh air ke sini. Kesemuanya telah melalui aliran arus ke arah barat yang membawa masuk air dari kepulauan Indonesia, dan bahagian utara dan barat Australia.

Walau bagaimanapun hanya sekadar sampai

di pulau karang seperti ini tidak menjamin sesuatu hidupan dapat bertahan di sini. Malahan hingga hari ini biji benih tumbuhan yang tidak biasa dilihat di Cocos terus dihanyutkan ke pantai. Walau bagaimanapun ia tidak dapat hidup kerana keadaan di sini tidak sesuai bagi pertumbuhannya. Pernah dikatakan bahawa kelompok pokok bakau yang terdapat di Pulau Horsburgh mungkin mula tumbuh apabila peneroka awal mencampak benih pokok ini dari pantai ke kawasan paya yang berdekatan.

Selain tumbuhan dan binatang yang ditiup oleh angin dan dihanyutkan oleh air, pulau karang Cocos juga menampung sebilangan besar "hidupan yang dibantu masuk". Hidupan ini merupakan spesies yang dapat hidup di sini hasil langsung daripada penempatan manusia di pulau-pulau ini.

SPESES YANG DIPERKENALKAN

Boleh dikatakan bahawa pertumbuhan spesies yang telah cuba dicambahkan oleh manusia di Kepulauan Cocos (Keeling) tidak begitu berjaya berbanding dengan spesies yang mereka bawa bersama-sama dengan tidak sengaja.

Peneroka awal membawa beberapa ekor kambing biri-biri, kambing, babi, rusa, anab, kucing, anjing, seekor monyet, seekor kubung dan beberapa spesies burung. Malangnya, setiap kapal yang mengharungi perairan Timur Jauh itu juga membawa bersama-samanya sekumpulan semut, lipas, kumbang, kala jengking, cengkerik, lipan, nyamuk, lalat dan tikus. Kesemuanya menuju Cocos.

Tikus telah tiba lebih awal daripada peneroka awal di pulau-pulau ini. Kapal *Mauritius* yang karam pada 1825 telah meninggalkan binatang mengunggis yang berjaya hidup di sebuah pulau yang dinamakan oleh penduduk Melayu Cocos Pulau Tikus (sekarang ini Pulau Arah). Pada tahun 1878 kapal *Robert Porter* yang musnah akibat karam telah menyebabkan tikus mendarat di pulau ini buat kali kedua. Pendatang baru ini tersebar ke seluruh pulau di selatan pulau karang dan mengakibatkan kemusnahan besar di

ladang kelapa. Yang sedihnya, tikus ini bersama-sama kumbang kelapa, lipan dan semut api telah terbukti merupakan spesies pendatang yang paling berjaya hidup di kepulauan ini.

Tumbuhan istimewa seperti tomato, kekacang dan beberapa buah-buahan tropika yang ditanam di kawasan ini menghadapi ancaman besar parasit tertentu yang menyerang dari semasa ke semasa. Spesies serangga ini mungkin telah sampai ke pulau ini lebih awal, tetapi mati kerana tiada hos yang khusus. Rama-rama dan serangga memakan tumbuhan yang lain, telah ditiup ke laut oleh angin ribut, telah tertarik kepada cahaya dari kapal yang berlatu dan telah "menumpang" ke destinasi kapal itu.

Ekoran lawatannya pada 1830, empat tahun selepas adanya penempatan di pulau karang ini, Komander A.A. Sandilands melaporkan kewujudan pelbagai jenis tumbuhan yang dibawa dari tempat lain. Tumbuhan itu termasuklah pokok nona, asam jawa, betik, tebu, jagung, pelbagai sayur-sayuran Asia, rumput ternak, oren, ara, pisang dan ros. Reptilia yang terdapat di pulau karang ini hanyalah tiga spesies cicak *gecko* dan seekor ular buta; reptilia ini mungkin telah dibawa bersama-sama secara tidak sengaja pada masa itu. Setiap spesies yang dibawa masuk besar kemungkinannya telah membawa bersama-samanya jenis parasit atau penyakit yang tersendiri. Hari ini satu siri peraturan kuarantin dikenakan bagi semua bahan buah-buahan, sayur-sayuran dan binatang yang masuk dan keluar kawasan ini.

Dengan yang demikian kombinasi spesies binatang dan tumbuhan yang ditemui di pulau karang ini hari ini merupakan hasil sejarah lama kemasukan secara tidak sengaja dan sejarah baru penyesuaian persekitaran.

Pengaruh manusia terhadap ekosistem di kepulauan ini yang tidak dapat dinafikan kelihatan begitu jelas dari pandangan sepintas lalu melalui tingkap pesawat. Pulau karang selatan ini

Burung Booby Tapak Merah (*Sula-sula*),
Keeling Utara





keseluruhannya telah melalui perubahan yang pesat dari segi tumbuhan dalam jangka waktu petempatannya yang singkat iaitu satu abad setengah. Pokok-pokok *Ironwood* yang terakhir telah ditebang dan dihanyutkan ke laut pada tahun 1960-an. Hanya beberapa tunggulnya yang besar yang masih tinggal yang dapat menunjukkan beberapa ciri ketinggiannya. Alam telah dapat membalas dendam apabila pada tahun 1968 Siklon Doreen meragut dan memusnahkan sebahagian besar pokok yang ditanam di pulau ini. Kini penanaman semula yang dilakukan selepas itu telah menghapuskan sama sekali hampir sebarang tanda keadaan asal pulau-pulau ini.


Pokok bakau (*Rhizophora stylosa*) tumbuh di tasik air payau di Pulau Horsburgh



Perjalanan sejarah tidak kehilangan apa-apa pun kerana ruang liputannya yang kecil ...

Penjelasan F. Wood-Jones tentang Cocos pada tahun 1905.

Pulau Arah, tapak petempatan pertama di pulau ini oleh pelaut yang terkandas. 1825



Bab 3

Sejarah yang Bergelora



PENEMUAN

Penghargaan telah lama diberikan kepada Kapten William Keeling dari Syarikat Hindia Timur kerana telah menemui Kepulauan Cocos (Keeling) pada tahun 1609. Ahli sejarah telah menghubungkan pelayaran pulang Kapten Keeling dari Bantam di Hindia Timur Belanda pada masa itu dan penemuan pulau-pulau ini selepasnya. Yang menghairankan, Keeling sendiri tidak menyebut tentang pulau karang ini dalam catatan pelayarannya.

Sesungguhnya tiada rekod tentang pulau-pulau ini sebelum tahun 1609. Atlas Ortelius, *Theatrum Orbis Terrarum*, yang diterbitkan di Amsterdam pada tahun 1606, tidak langsung menunjukkan pulau karang ini. Sebuah peta tulisan tangan oleh Hessel Gerritsz pada 1622 menunjukkan sekumpulan daratan yang dinamakannya "Cocos Eylanden". *Arcano del Mare* (1645-46) oleh Robert Dudley ada menunjukkan pulau-pulau ini dan catatan bahawa ia ditemui oleh orang Inggeris. Sebuah atlas besar yang diterbitkan di Amsterdam pada tahun 1659 merujuk "Pulau-pulau Cocos" ini, nama yang juga ditunjukkan dalam peta-peta Perancis pada masa itu.

William Dampier, dalam pelayaran dari pantai barat Australia pada bulan Mac 1688, bercadang mendarat di "Kepulauan Cocos" dalam perjalanannya ke Sumatera tetapi beliau telah terkeluar jauh daripada haluan. Sebaliknya, beliau mencatatkan kawasan pendaratan pertama yang diketahui di Pulau Christmas, 900 km ke timur laut. Thornton, penulis hidrograf bangsa Inggeris, menggunakan nama Pulau Keeling dalam penerbitannya *Oriental Navigation* pada tahun 1703. Penulis hidrograf Inggeris yang lain pada masa itu merujuk pulau karang Cocos sebelah selatan ini dengan nama yang berbeza-beza, misalnya Keeling, Killing atau Keeling Utara.

Penerangan terperinci yang pertama tentang pulau-pulau ini terdapat dalam *Zeefakkel* yang ditulis oleh Van Keulen pada tahun 1703 dalam bahasa Belanda. Ia dikatakan terbentang rendah,


dikelilingi oleh terumbu, di dalamnya terdapat lagun dan banyak pokok kelapa. Atlas ini juga memasukkan satu peta pulau karang selatan oleh Jan de Marre (1729-30). Para pedagang pada masa itu merujuk kumpulan pulau ini sebagai "Pulau-pulau Segi Tiga".

Nama "Kepulauan Cocos-Keeling" ini telah diberikan oleh penulis hidrograf Inggeris, James Horsburgh, yang telah menyusun buku panduan terperinci tentang pelayaran di perairan ini pada tahun 1805. Namun begitu peneroka awal pulau ini menamakannya "Terumbu Karang Borneo" sempena nama kapal mereka, dan kemudian mereka menggunakan nama "Pulau-pulau Keeling-Cocos". Laporan-laporan kolonial pada masa itu telah menerima nama yang diberikan oleh Horsburgh, dan penempatan kecil ini akhirnya dinamakan "Cocos-Keeling" sehinggalah pada tahun 1955 apabila ia mendapat nama barunya dengan tanda kurungan "Cocos (Keeling)".

Dua ratus tujuh belas tahun telah berlalu antara penemuan pulau karang oleh Keeling pada tahun 1609 dan penempatannya oleh Alexander Hare pada tahun 1826. Beberapa ahli pelayaran yang lalu di situ membuat catatan tentang pulau-pulau itu tetapi tiada sebarang rekod pendaratan sehinggalah pada tahun 1825 apabila sebuah kapal Perancis, *Mauritius*, terlanggar terumbu di sebalik Pulau Arah. Kapten Le Cour dan anak-anak kapalnya berjaya sampai ke pantai dan dapat diselamatkan setelah beberapa bulan kemudian.

Kapten Driscoll daripada kapal Inggeris, *Lonach*, mendarat di pulau karang ini pada 24 November 1825 dan telah melaporkan sisa-sisa kapal *Mauritius* yang telah binasa. Beliau dan anak-anak kapalnya ternampak tiang layar kapal yang besar dan jongor, tong kayu, dan sejumlah tikus. Dua belas hari kemudian Kapten John Clunies Ross tiba di pulau-pulau ini dan menemui runtuhan pondok-pondok yang dibina oleh kelasi yang terkandas di pantai itu, beberapa telaga air dan ukiran Arab pada beberapa batang pokok.

Pada abad ke-19 pulau-pulau ini mendatangkan masalah kepada pelaut. Pada 15 Disember 1826 kapal Inggeris *Sir Francis Nicholas Burton*,



Atas: Peta Hindia Timur orang Inggris yang menunjukkan sebahagian perjalanan William Dampier, 1688
Kiri: Carta awal orang Belanda menunjukkan Pulau Karang Keeling (Van Keulen, 1753)

telah karam di pantai selatan Pulau Barat dan beberapa nyawa terkorban. Pada tahun 1827 kapal perang Belanda yang kecil dan laju, *Anna Paulowna*, telah dihantar dari Betawi untuk menyiasat pulau-pulau ini – tetapi pegawai memerintahnya tidak dapat menemui pulau-pulau ini! *Earl of Liverpool*, sebuah lagi kapal Inggeris, telah karam di kawasan pantai timur laut Keeling Utara pada 1834. Anak kapalnya terselamat, tetapi kebanyakan kargo Singapuranya yang hendak dibawa ke London telah musnah.

LATAR BELAKANG PENEMPATAN COCOS

Untuk memahami sepenuhnya keadaan-keadaan yang membawa kepada penempatan di Cocos, kita perlu meneliti suasana politik di Eropah dan Asia Tenggara pada awal abad ke-19. Pada masa itu keadaan di Eropah huru-hara akibat Perang Napoleon. Pada masa yang sama, pihak Inggeris mengenakan kawalan terhadap hampir kesemua jajahan takluk Belanda di luar negara untuk mempertahankannya daripada jatuh ke tangan Perancis.

Pada tahun 1809 Belanda telah meninggalkan Banjarmasin, satu-satunya jajahan mereka di pulau Borneo. Sultan Banjarmasin amat bimbang akan perkembangan ini, kerana naungan Belanda telah mempertingkatkan status politik dan ekonominya jauh lebih tinggi berbanding dengan sultan-sultan lain di selatan Borneo. Takdir menyebelainya apabila seorang pedagang Inggeris yang licik dari Melaka mengunjungi baginda ketika baginda berada dalam kesusahan. Pedagang itu bernama Alexander Hare, seorang yang bercita-cita tinggi dan mementingkan diri.

Beberapa bulan kemudian, Hare memperkenalkan wakil-wakil Sultan kepada seorang rakannya, tidak lain Stamford Raffles, ejen kepada Gabenor Jeneral Negeri-Negeri Melayu. Pada masa ini Raffles sedang merancang pendudukan Inggeris di kawasan Hindia Timur Belanda. Raffles telah banyak membaca tentang Borneo dan menyedari akan hakikat bahawa

Belanda sesungguhnya telah meninggalkan Banjarmasin. Ini bermakna bahawa mana-mana jajahan yang diduduki oleh pihak Inggeris di Borneo, hendaklah bertahan lebih lama daripada sebarang perjanjian damai yang terhasil dengan pihak Belanda.

Raffles menjadi Leftenan Gabenor Inggeris di Jawa pada tahun 1811 dan beliau telah melantik Alexander Hare sebagai Residen Inggeris Banjarmasin pada tahun 1812. Hare diarah berganding bahu dengan Sultan dalam usaha mengurangkan kegiatan lanun dan mengawal perdagangan dalam negeri. Hare berjaya merundingkan satu perjanjian antara Syarikat Hindia Timur Inggeris dengan Sultan yang dialu-alukan di Jawa sebagai suatu kejayaan diplomatik yang hebat. Raffles berpura-pura tidak mengetahui bahawa pada masa yang sama, Alexander Hare telah juga membuat perjanjian sulit dengan Sultan. Perjanjian itu memberikan hak kepada Hare memerintah kawasan yang menganjur seluas kira-kira 1400 batu persegi. Dengan itu Hare merupakan Residen Inggeris bagi pihak Syarikat Hindia Timur dan raja yang berdaulat. Pada 1815 Raffles seterusnya menaikkan pangkat Hare menjadi Pesuruhjaya-Jeneral Politik di Borneo. Hare mempunyai benderanya sendiri, mengadakan mata wangnya sendiri dan menjadi orang Inggeris yang pertama dikenali sebagai "White Rajah" (Raja Kulit Putih).

Jajahan baru ini ditadbir dengan penuh minat. Hare memastikan yang usahanya akan mendatangkan keuntungan kepada semua yang berkenaan – Sultan, Syarikat dan dirinya sendiri. Pada masa yang sama beliau menikmati keseronokan hidup sebagai raja yang berpengaruh di timur.

Hare disediakan dengan beberapa orang pekerja. Pembantunya yang terdekat bernama Van der Wahl, yang kemudiannya terbukti tidak boleh dipercayai langsung. Di samping Van der Wahl, Hare disediakan dengan sepasukan Polis Melayu, dua orang doktor, beberapa orang kerani, dan sekumpulan tukang dan kuli. Sebilangan orang Eropah yang suka mengembara dan bercita-cita tinggi juga turut datang ke

Banjarmasin untuk bersama Hare. Salah seorang daripada mereka ini ialah pelaut yang bernama John Clunies Ross. Pemuda yang berasal dari Scotland ini seterusnya dilantik sebagai Ketua Pelabuhan di Banjarmasin.

Menjelang 1813 Raffles berjaya menandatangani beberapa perjanjian dengan sultan-sultan lain di kawasan pantai Borneo. Beliau meramalkan Jawa lebih baik dikembalikan kepada Belanda pada suatu masa nanti, tetapi beliau mempercayai bahawa segala persiapan yang telah dilakukan di Borneo akan terus kekal. Persiapan ini akan memulakan empayar perdagangan Inggeris di Hindia Timur. Malangnya perantikan Gabenor Jeneral yang baru bagi Negeri-Negeri Melayu pada tahun 1813 telah mengganggu rancangan Raffles. Gabenor Jeneral yang baru itu, Lord Moira, berasa bimbang dengan idea Raffles. Beliau mempercayai bahawa kedatangan semula Belanda akan akhirnya menimbulkan perseteruan terhadap mana-mana petempatan Inggeris yang baru di kawasan ini. Usaha untuk mempertahankan petempatan baru ini akan merugikan pihak Inggeris kerana mereka telah terlibat sepenuhnya di benua India dan tidak berhasrat untuk memperluas tanggungjawab mereka jauh ke timur. Lagipun pihak Inggeris amat berminat untuk berbaik-baik dengan pihak Belanda.

Pada bulan Ogos 1814, perjanjian antara pihak Inggeris dengan Netherlands yang begitu lama dinanti-nantikan telah ditandatangani dan jajahan yang pernah ditakluki oleh Belanda pada tahun 1803 diserahkan semula kepada Belanda. Jawa diserahkan semula kepada pihak Belanda, dan akhirnya Borneo diserahkan pada tahun 1817.


Hare sangat kecewa dengan pihak berkuasa Inggeris. Lebih buruk lagi, usahanya di Banjarmasin terbukti tidak berjaya. Hare menghadapi banyak masalah dalam mendapatkan tenaga buruh untuk bekerja di ladang tebu, ladang kopi, dan ladang lada miliknya, dan beliau meminta Raffles menghantarkan 3000 banduan Jawa kepadanya. Sultan tidak bersetuju dengan kesan yang dibawa oleh banduan ini kepada rakyat baginda. Baginda mendapati Hare terlalu


bergiat membina istananya sendiri dan mengumpulkan harta serta hamba. Hare terlalu banyak membuang masa di ladangnya yang lain di Jawa dan membiarkan petempatannya cuba bertapak di bawah usaha adiknya John, Van der Wahl yang tidak boleh dipercayai itu, dan pegawai muda Clunies Ross.

Pada 1818 Sultan Banjarmasin mengisytiharkan baginda telah kehilangan salinan perjanjian yang ditandatangani dengan Hare dan telah terus menandatangani suatu perjanjian baru dengan pihak Belanda. Baginda kemudian enggan mengekalkan tenaga kerja Hare di Banjarmasin. Memandangkan tidak terdapat catatan yang menunjukkan sama ada pekerja-pekerja Hare itu terdiri daripada orang yang bebas atau banduan, kesemua mereka terpaksa dihantar balik ke Jawa. Di sini mereka telah menimbulkan banyak masalah dari segi pentadbiran dan undang-undang kepada kerajaan Belanda yang bakal tiba itu.

Hare telah diketepikan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris dan Sultan. Kini Hare merayu pihak berkuasa Belanda yang baru itu untuk memberikan sebuah estet di Jawa kepadanya sebagai ganti rugi. Kesemua rayuannya gagal.

John Hare dan John Clunies Ross meninggalkan Banjarmasin dengan kapal *Borneo* yang beratnya 428 tan, yang telah dibina oleh John Clunies Ross bagi tujuan perusahaan perdagangan "House of Hare". Mereka bersama Alexander sekejap di Jawa, tetapi pihak berkuasa di sana sudah bosan dengan aduan Alexander yang tidak berkesudahan dan akhirnya mereka menghalunya keluar dari negara itu pada tahun 1820. Dengan adik-beradik Hare dan sebilangan besar orang gaji Alexander di atas kapal, *Borneo* belayar menuju Tanjung Harapan. Di sana Alexander berharap dapat pulih daripada penyakit yang serius dan merundingkan semula statusnya dengan pihak berkuasa Belanda. Bersama-sama 42 orang lelaki, 43 orang perempuan dan 27 orang kanak-kanak, beliau berpindah ke sebuah ladang yang berdekatan dengan Capetown. Clunies Ross belayar pulang ke England dan meneruskan pekerjaannya untuk "House of Hare".





Pulau Maria dari Pulau Barat

Dalam misi perdagangan yang berikutnya di luar London dalam kapal *Borneo*, Clunies Ross sekali lagi bertemu Alexander Hare di pelabuhan Capetown pada tahun 1825. Hare berada di atas kapal *Hippomenes* yang di bawah perintah adik John, Robert Clunies Ross. Alexander tidak dapat menyelesaikan ketidakpuasan hatinya di Banjarmasin dengan pihak berkuasa Belanda dan bersungguh-sungguh ingin menjauhkan diri daripada mereka dan menetap di sebuah pulau di Lautan Hindi.

John Clunies Ross meninggalkan Capetown dan meneruskan rancangan perdagangannya ke Hindia Timur. Dalam pelayaran pulang, beliau telah menerima arahan bagi pihak Alexander Hare untuk menyiasat bakal penempatan di Pulau Christmas. Cuaca yang buruk memaksanya menepikan rancangan tersebut. Walau bagaimanapun, beliau masih dapat membuat tinjauan ke Pulau Cocos-Keeling. Di sana beliau membuat catatan tentang suhu, tekanan dan yang seumpamanya dan melancarkan jalan masuk ke lagun, melancarkan secara kasar peta pulau-pulau di sekeliling itu dan menanam beberapa pokok buah-buahan di Pulau Horsburgh dan Pulau Arah.

Sekembalinya ke Cape, beliau mendapati Alexander Hare akhirnya telah meninggalkan tempat itu setelah menunggu berbulan-bulan lamanya di pelabuhan. Robert Clunies Ross nampaknya telah menyebabkan pendaratan Hare bersama-sama kira-kira seratus orang lain di Pulau Cocos-Keeling pada bulan Mei 1826. Di sana Ross telah memulakan penempatan di Pulau Home dan membina kem-kem subsidiari di kebanyakan pulau utama yang lain.

BERMULANYA PENEMPATAN

Pada mulanya Hare tidak merancang untuk tinggal lama di pulau karang itu. Langkahnya itu hanyalah langkah sementara sambil menunggu untuk merundingkan kepulangannya ke ladangnya di Jawa. Walau bagaimanapun apabila harapannya itu mula pudar, timbullah pandangan jangka panjangnya untuk membuat

satu penempatan yang baru. Pada mulanya tujuan utamanya ialah untuk menanam bahan makanan yang mencukupi untuk orang-orangnya. Kemudian beliau mengusahakan minyak kelapa untuk dieksport.

Di London pula, "House of Hare" mengalami kerugian yang teruk akibat hutang tidak dibayar Alexander kepada Syarikat Hindia Timur. John Clunies Ross menawarkan diri untuk menjaga orang-orang Hare di Cocos, untuk memberi masa kepada Alexander menyelesaikan masalahnya. Adik-beradik Hare memberikan surat kuasa wakil kepada Ross lalu beliau pun meninggalkan England pada tahun 1826 bersama-sama keluarganya. Beliau bercadang untuk mengadakan perkhidmatan memperbaiki kapal di pulau-pulau tersebut dan meyakinkan Alexander Hare supaya kembali ke England.

Apabila John Clunies Ross tiba di Cocos, Hare berasa marah apabila mendapati bahawa penumpang-penumpang yang dibawa Ross bukan mandur yang diminta daripada adiknya supaya dihindarkan kepadanya. Sebaliknya mereka merupakan peneroka yang dibawa oleh Clunies Ross sendiri untuk bekerja dalam projek yang berlainan sama sekali. Peralatan mesin yang ditinggalkan oleh Hare juga tidak tiba. Tentang cadangan supaya Hare kembali, beliau tetap berkeras untuk terus tinggal di pulau-pulau ini. Beliau menggunakan sepenuhnya alam sekitar di situ dan pada tahun 1829 kapal *Borneo* membawa beberapa tan minyak kelapa ke England.

Pada mulanya Clunies Ross mendirikan kem di *Pulu Gangsa* (Pulau Angsa), sebuah pulau yang betul-betul terletak di utara petempatan Hare, tetapi apabila ketegangan antara mereka berdua semakin memuncak, Ross dan orang-orangnya berpindah ke bawah ke arah Pulau Selatan. Di sini beliau menamakan petempatan kecilnya itu *New Selma*, sempena nama ibu negeri lama kerajaan Scotland yang merupakan satu legenda itu.

Hare telah pun membina petempatan-taman di Pulau Barat, Pulau Horsburgh dan Pulau Arah dan menikmati tempat beristirahat yang berangin



di Pulau Penjara. Komposisi awal kumpulan penduduk tidak diketahui, tetapi laporan yang dibuat oleh Van der Jagt, yang melawat pulau-pulau ini pada bulan November 1829, menunjukkan kehadiran 36 lelaki, 25 perempuan dan 37 kanak-kanak – kesemuanya berjumlah 98 orang. Kumpulan ini mewakili rombongan Hare yang masih tinggal sejak di Banjarmasin. Sebahagian besar mereka orang Melayu dengan beberapa orang keturunan Cina, Papua dan India. Dipercayai bahawa rombongan ini juga mempunyai beberapa orang Afrika dan Papua. Mereka berasal dari tempat-tempat seperti Bali, Bima, Sulawesi, Madura, Sumbawa, Timor, Sumatera, Pasir-Kutai, Melaka, Pulau Pinang, Betawi, Cerebon, Banjarmasin, Pontianak, Tasikmalaya dan Kota Waringan. Mereka digambarkan oleh pelawat-pelawat berikutnya ke pulau-pulau ini sebagai orang Islam atas nama sahaja dan bertutur bahasa Melayu – bahasa perdagangan *lingua franca* dari Hindia Timur.

Kebinasaaan kapal *Sir Francis Nicholas Burton* pada bulan Disember 1826, merupakan peristiwa

Para pelajar sekolah menengah belajar tentang sejarah pulau-pulau mereka di sebelah kubur Suma, peneroka yang tiba di pulau ini pada tahun 1826

pertama yang mengganggu suasana privasi Hare di Cocos. Hare telah membantu anak-anak kapal yang terselamat sehingga kedatangan Clunies Ross yang berikutnya. Seorang kelasi, Charles Downie, telah memilih untuk tinggal dengan Hare dan seorang lagi kelasi, Henry Keld, mengikut rombongan Clunies Ross.

Hare dan Clunies Ross, pekerjaanya pada suatu ketika dulu, berada dalam keadaan tidak sabar tentang kelakuan masing-masing. Mereka mula mencela sesama mereka. Dalam penilaian hasil kelapa yang dapat diperoleh dari pulau karang ini pada tahun 1828, Hare dengan sengaja memasukkan pulau yang menjadi tempat tinggal Clunies Ross. Sebagai balasan, Clunies Ross mencadangkan suatu bentuk perkongsian terhadap tanah yang ada yang memberinya bahagian yang lebih besar daripada apa yang

dipersetujui oleh Hare. Kedua-duanya mengetahui bahawa Clunies Ross mendapat sokongan daripada adik-beradik Hare di London, tetapi Alexander tidak akan meninggalkan pulau-pulau ini kerana tiada siapa yang boleh dipercayainya untuk menjaga kepentingannya.

Menjelang akhir 1828, kapal *Hippomenes* melalui Cocos sekali lagi. Daripada penumpang kapal ini, Hare berjaya mendapatkan khidmat Arthur Keating dan Norman Ogilvie. Keating meninggalkan pulau ini setahun kemudian bersama-sama Charles Downie, tetapi Ogilvie nampaknya menyukai tempat itu dan menjadi mandur Hare di Pulau Arah. Pengeluaran minyak kelapa secara komersil untuk dieksport bermula di bawah arahnya.

Orang-orang Hare masih merupakan hamba dalam erti kata sebenarnya, sekalipun mereka mempunyai sijil pembebasan daripada kerajaan Belanda. Kesemua mereka telah menjadikan diri mereka sendiri dan anak-anak mereka "harta" Hare dan bergantung sepenuhnya pada Hare. Mereka diserahkan tugas bekerja di pelbagai tempat tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran yang telah dimulakan di Pulau Barat, Pulau Horsburgh dan Pulau Arah. Mereka hidup dalam kesusahan dan makanan yang dibekalkan kepada mereka dicatu. Kanak-kanak tinggal di rumah Hare sendiri, bersama-sama beberapa orang pembantu peribadi. Pekerja dewasa diberi nasi sebanyak satu tempurung kelapa seorang setiap hari. Peruntukan pakaian mereka dalam setahun ialah sepasang seluar, sehelai baju bagi orang lelaki, sehelai kain sarung dan sehelai kebaya bagi orang perempuan. Kanak-kanak tidak berpakaian sehingga mereka cukup dewasa untuk bekerja.

Tidak dapat dipastikan bila Hare memindahkan kemnya sendiri dari Pulau Home ke Pulau Penjara, tetapi nampaknya pemindahan itu disebabkan gangguan ahli-ahli kumpulan Clunies Ross terhadap orang perempuan bawah jagaannya. Menjelang 1830 kelihatan perasaan putus asa Hare semakin menjadi-jadi dan beliau bersikap ganjil.

Perpindahan Clunies Ross ke Pulau Selatan


pada tahun 1827 sudah tentu telah menjauhkan-nya daripada musuhnya, tetapi petempatannya telah mengalami kekurangan tenaga buruh dan terlalu jauh dari tempat pelabuhan kapal yang dalam yang dinamakannya Pelabuhan Albion. Antara 1828 dengan 1830 sebilangan pekerjanya mengambil keputusan meninggalkan tempat itu dan rancangannya untuk membina depoh perdagangan nampaknya akan menemui kegagalan. Beliau sangat-sangat memerlukan tenaga buruh Hare bekerja untuknya. Satu sahaja cara untuk menghalau "ketua" kumpulan buruh ini adalah dengan memburukkan nama Hare di kalangan adik-beradiknya dan di kalangan orang-orang yang bantuan mereka diperlukan oleh Hare.

Pada satu ketika Hare membuat rayuan kepada Perdana Menteri British, Lord Canning, tentang keinginannya untuk kembali semula ke ladangnya di Jawa. Clunies Ross amat menyedari akan perasaan antiperhambaan Lord Canning dan telah menyampaikan gambaran buruk tentang petempatan Alexander kepada "House of Hare" di London.

Clunies Ross telah berusaha dengan sedaya upaya untuk memburuk-burukkan orang yang pernah menjadi majikannya dahulu sebagai seorang yang zalim, orang jahat yang gila di mata dunia luar. Pada tahun 1828 satu dokumen kepunyaan Hare, yang ditujukan kepada adik-beradiknya di London, telah dirombak dengan hebatnya untuk menimbulkan gambaran bahawa penulisnya tidak waras dan mengkhayalkan kemewahan.

Pada tahun 1831 "House of Hare" mengalami masalah kewangan yang teruk, jadi Alexander telah pergi ke Betawi dan meninggalkan pulau-pulau berkenaan di bawah jagaan Ogilvie. Beliau tidak kembali selepas itu. Pada tahun 1834 terdengar berita di pulau karang ini bahawa Alexander telah meninggal dunia di Jawa. Secara kebetulan, tidak beberapa lama kemudian pada tahun yang sama, Ogilvie telah mati lemas dalam satu kemalangan di laut sebelah Pulau Utara.

Petempatan Clunies Ross di Pulau Selatan asalnya terdiri daripada 21 orang, dan hanya



Kopra yang dikeringkan di bawah cahaya matahari, merupakan ekonomi utama Cocos hampir sepanjang sejarahnya

seorang daripada mereka orang Jawa. Dalam kumpulan itu terdapat 10 orang tukang Inggris (lima aprentis, dua tukang kayu, dua pelaut dan seorang tukang besi), seorang tukang masak, seorang budak suruhan di rumah, seorang pembantu rumah dan lapan orang ahli keluarga Clunies Ross. Pada tahun 1829 jumlah keseluruhan penduduk pulau karang ini ialah 175 orang, dengan 20 orang Eropah dan 155 orang dari Hindia, New Guinea dan Cape. Menjelang tahun 1830 ibu mentua Clunies Ross meninggal dunia dan 10 orang pekerjaanya telah mengikut kapal-kapal yang lalu meninggalkan pulau-pulau ini. Hanya seorang daripada tukang tadi, iaitu aprentis yang bernama William Leisk, yang masih tinggal di Pulau Selatan.

Pada tahun 1834 John Clunies Ross memindahkan kumpulannya yang kecil itu ke Pulau Home, mengambil alih pentadbiran orang-orang Hare dan menumpukan usahanya pada ladang pokok kelapa di pulau-pulau itu. John Clunies Ross menggantikan pekerja-pekerja bangsa Scot yang telah meninggalkan tempat itu dengan beberapa pelaut Jawa, dan mereka ini bersama-sama William Leisk, mengajar penduduk pulau itu membina kapal-kapal layar. Projek mereka yang pertama, sebuah skuner yang dinamakan *Harriet*, telah dibina di Pulau Selatan dan dilancarkan ke laut pada tahun 1835.

Pada mulanya, buah kelapa dieksport ke Mauritius dan Singapura dan minyak kelapa dieksport ke Jawa. Kemudian perdagangan tertumpu pada kopra dan minyak kelapa, dengan Jawa sebagai pasaran yang paling penting. Menjelang 1837 Clunies Ross telah berjaya memperoleh semula pelaburan asalnya. Kemakmuran beliau yang semakin bertambah telah ditingkatkan lagi dengan pendaratan sebilangan kapal yang mencari ikan paus yang dalam perjalanan pulang mereka daripada pelayaran ke Lautan Selatan. Malangnya, anak-anak kapal ini menimbulkan masalah dalam komuniti Cocos.

Seorang anak kapal telah ditinggalkan oleh kapal *Trusty* pada bulan Januari 1836. Namanya Joseph Raymond, berbangsa Amerika. Beliau kemudiannya dituduh oleh Clunies Ross sebagai

bekas penjenayah. Nampaknya "jenayah" besarnya adalah apabila beliau menyoal keadaan kematian Norman Ogilvie, suatu peristiwa yang masih segar dalam ingatan para pekerja Melayu. Raymond kemudian berkawan dengan William Leisk yang salah tanggap, dan kedua-duanya bersama-sama merancang untuk menentang kuasa Clunies Ross.

Mereka mengenakan bayaran yang terlalu tinggi kepada sebuah kapal Belanda dan membenarkan anak-anak kapal yang mencari ikan paus berseronok-seronok dengan orang perempuan di pulau itu. Raymond menggerakkan mogok menuntut kenaikan gaji dan pengurangan masa bekerja. Harta benda sengaja dibakar di sana sini dan kedengaran ura-ura tentang perampasan kapal *Harriet*. Patutlah Charles Darwin yang melawat pulau ini pada bulan April 1836 ada mencatatkan keadaan ketidakpuasan pekerja-pekerja di sini. Clunies Ross tidak ada di pulau ini semasa lawatan bersejarah kapal *Beagle* itu, dan beliau tidak menyedari akan rancangan untuk menentanginya semasa ketiadaannya itu. Sebaik sahaja beliau kembali, beliau menulis surat yang panjang mewajarkan pengurusannya terhadap petempatan itu, menyangkal dengan keras cadangan-cadangan para pelawat yang terselindung tentang pemilikan hamba.

John Clunies Ross sangat bimbang tentang keadaan yang tidak tenang di situ sehingga beliau pergi ke Trincomalee di Ceylon untuk mendapatkan bantuan. Beliau tiba di sana pada bulan Jun 1837 dan membincangkan keadaan berkenaan dengan Laksamana Sir T. Bladen Capel. Laksamana itu telah memberikan tindak balas dengan menghantar Komander Harding yang memimpin kapal perang kecil *Baginda Ratu, Pelorus*, melawat pulau karang tersebut pada bulan Disember tahun yang sama. Lawatan ini penting dari pelbagai segi. Ia bukan sahaja berjaya menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh Leisk dan Raymond, tetapi juga memberikan sumbangan ke arah suatu keadaan yang lebih baik bagi para pekerja di Cocos dan telah menghasilkan banci penduduk pulau ini yang pertama (lihat Apendiks). Sebagai tambah-

an, lawatan tersebut memberikan harapan kepada usaha John Clunies Ross untuk mendapatkan pengiktirafan tuntutananya daripada pihak berkuasa British.

Komander Harding berjaya mendapatkan permohonan keampunan daripada Raymond dan Leisk dan berunding untuk memaafkan mereka dengan syarat mereka meninggalkan pulau-pulau ini. Harding juga menguruskan perjalanan balik bagi mana-mana keluarga Cocos yang ingin pulang, dan memujuk Clunies Ross membantu mereka dari segi kewangan. Harding membantu membentuk satu kod undang-undang dan peraturan yang rasmi bagi petempatan ini dan menjamin menaikkan upah harian para pekerja di situ. Laporan beliau amat memuji John Clunies Ross, dari segi kesesuaian pihak berkuasa Inggeris memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada tuntutan Clunies Ross untuk mendapatkan pengiktirafan kedaulatan pihak Inggeris. Perkara yang akhir inilah satu-

satunya perkara yang gagal disalurkan oleh Harding. Pejabat Kolonial tidak berminat memperluas tanggungjawab mereka ke wilayah luar yang kecil di Lautan Hindi.

PENGUKUHAN

Pada tahun 1842 adik Kapten Clunies Ross, James, telah datang untuk tinggal di Cocos. Nampaknya tahun-tahun akhir kehidupan John dihabiskan terutamanya menulis dengan panjang lebar tentang justifikasi petempatannya dan menyangkal komen-komen yang disuarakan oleh beberapa orang pelawat yang berpengaruh ke pulau-pulau ini. Beliau telah membuat rayuan kepada pihak berkuasa Belanda dan Inggeris secara tegas dalam usahanya untuk mendapatkan pengiktirafan rasmi bagi petempatannya itu.

Tempurung dibelah dan isi kelapa diambil



Komuniti di sini bertambah dengan kadar yang tetap dan beberapa rujukan kepada orang Melayu Cocos mula dibuat. Selain ahli keluarganya sendiri dan beberapa orang pelaut Jawa dan isteri mereka, tiada tenaga buruh yang dibawa masuk pada masa pentadbiran beliau.

Anak sulung Kapten Clunies Ross, John George, telah sampai di pulau ini semasa berumur empat tahun dan telah mula belayar pada usia yang masih muda. Beliau belayar ke England hanya sekali dalam hidupnya; sebaliknya beliau lebih berminat belayar melalui Hindia Timur. Beliau tinggal di Jawa dari 1838 hingga 1844 yang membolehkannya mendapat kerak- yatan Belanda dan hak mengibarkan bendera Belanda di kapalnya. Pada 1841 John George bertemu seorang gadis Jawa bernama Supia Dupong dan mengahwininya, dan kembali ke Cocos.

Berdasarkan latar belakangnya sendiri di Hindia Timur Belanda dan kerakyatan anaknya, John Clunies Ross mengambil keputusan mengi- barkan bendera Belanda di Cocos pada tahun 1841. Namun begitu apabila berita ini sampai ke pengetahuan Belanda, beliau diarahkan menurunkan bendera itu. Nampaknya tiada siapa yang berminat terhadap pulau-pulau ini.

Kapten John Clunies Ross meninggal dunia pada tahun 1854 dan John George yang berumur 31 tahun pada masa itu, mengambil alih pentadbiran petempatan yang bermasalah itu dan hutang-hutang bapanya.

Tidak banyak pelawat rasmi yang datang ke pulau-pulau ini selepas kedatangan Harding yang bersejarah pada tahun 1837. Apabila kapal perang Inggeris, *H.M. Juno*, tiba di lagun pada 31 Mac 1857, John George Clunies Ross berada di Jawa. Bapa saudaranya, James, tidak memper- cayai apa yang berlaku seterusnya – pulau-pulau ini akhirnya akan diilhakkan kepada Britain selepas 31 tahun usaha membuat rayuan. Kapten Fremantle menyampaikan surat-surat rasmi ke- pada James Clunies Ross, yang terus menanda- tangannya bagi pihak anak saudaranya. Kapal perang *Juno* berlabuh di Cocos selama tiga bulan sehingga Fremantle akhirnya bertemu dengan


orang yang dilantiknya menjadi "Gabenor". Peristiwa ini disambut dengan perayaan yang besar. Semua yang ada di Cocos tidak menyedari akan hakikat bahawa ilhakan itu sendiri sebenar- nya suatu kesilapan birokratik yang besar.

Tiga puluh tahun kemudian Pejabat Kolonial telah mengesahkan bahawa mereka telah melakukan kesilapan yang besar mengilhakkan Kepulauan Cocos-Keeling. Keseluruhan misi Fremantle merupakan suatu siri kesilapan. Fremantle telah dihantar untuk menuntut Pulau-pulau Cocos dalam kumpulan Andaman arah ke utara, sedangkan sebenarnya pulau-pulau itu memang sudah di bawah kuasa Inggeris. Arahan-arahan- nya begitu tidak jelas sehinggakan beliau telah sebaliknya ke Kepulauan Cocos-Keeling dan membuat John George Clunies Ross sangat gembira.

Ilhakan itu telah memberikan semangat kepada penduduk Cocos untuk membangunkan pulau-pulau tersebut sebagai sebuah ladang pokok kelapa. Tuan punyanya, sebagai gabenor yang diiktiraf oleh pihak Inggeris, bertanggung- jawab terhadap keadaan di wilayah ini. J.G. Clunies Ross menghabiskan banyak masanya selepas itu merekodkan dan mengekodkan undang-undang tempatan yang telah dibentuk oleh Komander Harding pada tahun 1837. Beliau juga mula mengamalkan pengambilan buruh asing dari Bantam di Jawa.

Hanya penjenayah yang berantai yang bekerja secara berkumpulan sahaja yang boleh diambil bekerja di luar Jawa untuk jangka waktu yang panjang. John George Clunies Ross membuat perundingan dengan pihak berkuasa Bantam untuk menyediakan pekerjaan bagi banduan-banduan yang menjalani tahun akhir hukuman mereka. Selepas setahun bekerja di Cocos, mereka diberi pilihan sama ada pulang ke Jawa atau terus tinggal di Cocos dan mencari teman hidup yang sesuai di sini. Buruh banduan ini kemudiannya disebut oleh anak John George sebagai "boleh melakukan apa sahaja bentuk

Mengopek kelapa ialah kerja yang sukar



kekejaman" dan sebagai "satu kumpulan manusia yang bergolak".

Mereka ditempatkan di kampung yang berasingan daripada orang Melayu Cocos dan sistem pengambilan buruh ini berterusan selama 20 tahun. Bilangan banduan ini mengatasi jumlah penduduk tetap dan kebanyakan mereka tidak menerima dengan senang hati kehidupan dalam buangan di pulau-pulau yang terpencil yang mereka huni sekarang ini.

Setiap malam penduduk Melayu Cocos mengadakan kawalan bersenjata dan memberikan isyarat jika terdapat sebarang tanda yang meragukan dengan cara membunyikan loceng. Jenayah yang paling ditakuti ialah membakar dengan sengaja. Pada masa tertentu setiap petang, setiap penduduk Cocos mesti melaporkan diri ke rumah pengawal. Api tidak boleh dinyalakan selepas matahari terbenam dan tiada sesiapa pun dibenarkan bermalam di pulau-pulau lain. Semua bot diberi nombor dan mesti berada

di tempatnya yang betul menjelang senja. Gerakan mencari akan dilakukan sebaik sahaja kehilangan bot atau penduduk dapat dikesan.

Banyak banduan melarikan diri dan hilang selama beberapa minggu pada satu-satu masa. Banyak peristiwa berlaku apabila beberapa orang ini "terlepas" dan berkemungkinan besar merempuh masuk ke rumah penduduk untuk mendapatkan makanan. Duit syiling tidak boleh digunakan dan mata wang tempatan terdiri daripada kepingan kulit kecil kambing biri-biri dalam bentuk janji hutang yang ditandatangani oleh Clunies Ross.

Pada tahun 1860-an, terdapat perselisihan yang mencetuskan rusuhan dan pemusnahan rumah J.G. Clunies Ross. Pada 1870 suatu rusuhan berlaku selepas suatu pembunuhan dan ketua penjenayahnya ditangkap dan kemudian dihantar balik. Pada 1874 sekumpulan banduan mencuri salah sebuah bot Clunies Ross tetapi mereka dikejar dan ditangkap.

Mata wang yang rendah nilainya yang digunakan di pulau-pulau ini:

Atas kiri: wang not kulit kambing biri-biri bernilai satu Rupee, 1879

Atas kanan: wang kertas satu Rupee, 1902

Tengah kiri: mata wang gading yang rendah nilainya bernilai lima Rupee, 1910

Tengah kanan: mata wang gading yang rendah nilainya bernilai satu Rupee, 1913

Bawah kiri: mata wang gading yang rendah nilainya bernilai 25 cent, 1910

Bawah kanan: mata wang gading yang rendah nilainya bernilai dua Rupee, 1913 (Ihsan: Muzium Cocos)



Siklon yang teruk melanda pulau-pulau ini pada 1862 dan anak sulung Clunies Ross, George, dipanggil balik daripada pengajiannya di England untuk membantu membina semula komuniti dan ekonomi pulau-pulau ini. John George Clunies Ross meninggal dunia pada 1871 dan anaknya, George mengambil alih pada usia 29.

Salah satu tindakan pertama George selepas kematian bapanya adalah menamatkan rancangan buruh banduan. Dalam perkara ini beliau dibantu dengan pindaan undang-undang di Betawi yang membolehkannya mengimport kuli Bantam (lihat Apendiks). Namun perintah berkurung dan berjaja malam masih diteruskan.

Pada 1876 pulau-pulau ini sekali lagi dilanda siklon yang lebih teruk. Pelawat ke pulau-pulau ini melaporkan bahawa pembinaan semula dan penanaman semula berjalan lancar di bawah pimpinan George Clunies Ross.

Buruh dari Bantam masih diambil bekerja selama 3 hingga 10 tahun dan mereka diberi sebidang tanah di kampung sendiri di mana mereka boleh mendirikan rumah. Bahan binaan asas dibekalkan dan catuan makanan serta kayu api setiap minggu dijalkan. Mereka harus bekerja 10 jam sehari selama enam hari seminggu. Upah mengumpulkan 400 biji kelapa sehari, buruh kontrak dibayar satu rupee Cocos. Sebagai tambahan mereka dibayar 8 rupee sebulan sebagai upah. Buruh kontrak yang sudah setahun berada di pulau-pulau ini ditawarkan galakan untuk mengumpulkan lebih banyak kelapa. Mereka yang bernasib baik kerana dilahirkan di Cocos, diberi dua kali ganda amaun ini. Hanya sedikit sahaja daripada jumlah ini merupakan wang tunai. Bagi setiap pekerja suatu akaun disimpan di stor yang menunjukkan semua kredit dan debit. Setiap kali buruh kontrak ingin kembali ke Jawa, mereka diberitahu baki simpanan mereka. Baki ini biasanya dalam bentuk nota janji hutang kepada pihak berkuasa tertentu.

George Clunies Ross memulakan program menanam kelapa secara besar-besaran. Beliau mendirikan bengkel kerja besi dan mengimport mesin memproses kopra yang termoden. Stor

daripada batu dibina dan tanor yang besar didirikan untuk menghasilkan kapur daripada serpihan karang. Talian trolis merentang Pulau Home untuk pengangkutan yang mudah, satu siri pemecah air dibina, alur untuk bot dikorek dan rumah penginapan beliau dibina dengan indah dengan jubin dan bata dari Scotland. Pada 1885 George belayar dalam skunernya sendiri ke England pergi balik. Tiga tahun kemudian beliau dan adiknya Andrew telah menubuhkan petempatan pertama di Pulau Christmas. Kehandalan George Clunies Ross membuat bot digunakan untuk mengajar penduduk pulau membuat bot berniaga yang besar dan perahu layar yang lebih kecil. Bot perniagaan membawa balik kapas, rempah, kain, penyu dan bakal isteri dari Jawa. Komuniti menjadi semakin mewah dari segi ekonomi.

Namun penduduk pulau-pulau ini sendiri tidak begitu menikmati kemewahan ini, kerana kekurangan zat makanan dan disentri meragut banyak nyawa keluarga Melayu di Cocos. Antara 1880 dengan 1885, 35 daripada 57 kematian yang dilaporkan adalah disebabkan oleh beri-beri. Penyakit kurang vitamin ini pada masa itu dianggap berjangkit dan banyak penghidap ditempatkan di Pulau Selatan dan Keeling Utara seolah-olah mereka menghidap kusta. Penyakit disentri yang merebak dikatakan sama ada dibawa angin atau disebabkan oleh program pembersihan tumbuhan. Kadar kematian bayi sangat tinggi dan kadar kematian kanak-kanak semakin bertambah. Jelaslah diet penduduk pulau-pulau ini banyak yang berkurangan, kebersihan tidak dipertingkatkan, dan keadaan bekerja membuatkan ibu terlalu lama berjauhan daripada anak mereka. Pada 1901 tidak kurang daripada 33 daripada 40 kematian yang dilaporkan di ladang terdiri daripada kematian bayi (lihat Apendiks).

Pada 1906 dua belas buruh Bantam yang tidak berpuas hati berjaya menerobos usaha yang kelihatan mustahil iaitu melepaskan diri dari Cocos dan sampai ke Ceringin, Jawa selepas 45 hari belayar. Di bawah pimpinan N'tong, seorang pelaut yang mahir, dan kawannya Umal

Songgeng, kumpulan ini tiba di destinasi mereka dalam bot *Palace* yang dicuri oleh mereka dari ladang. Selepas peristiwa yang memalukan ini, George Clunies Ross mengarahkan semua kemudi bot layar dikunci setiap malam dan diambil semula pagi esoknya.

Memandangkan keadaan sukar penduduknya, kawasan perladangan ini masih menikmati kemewahan. Ia tiada kesukaran untuk menjual kopranya, kelapanya, minyak kelapanya dan kayu mengkudu kepada Betawi sehinggalah siklon teruk pada 1909. Kemelesetan ekonomi yang kesannya masih berkekalan hingga hari ini telah melanda pulau-pulau ini. Siklon ini telah mematahkan semangat George Clunies Ross dan beliau meninggalkan dunia di England setahun kemudian. Ribut yang ganas itu dikatakan telah memusnahkan 90 peratus daripada pokok kelapa di pulau karang ini. Hanya lima daripada 110 rumah di dua kampung di sini yang masih tegak. Angin kencang juga telah memusnahkan dengan teruk *Oceania House*, istana keluarga Clunies Ross.

HUBUNGAN YANG PENTING DENGAN DUNIA

Sehingga peralihan abad, penduduk Cocos jarang

menemui individu-individu dari dunia luar. Hubungan mereka terhad kepada pegawai kerajaan, pengembara, atau anak kapal dari kapal yang berlalu di situ. Pada tahun 1901 Syarikat Telegraf Lanjutan ke Timur telah membina stesen pemancar di Pulau Arah untuk tujuan rangkaian kabel dasar laut mereka. Pada tahun 1910 stesen ini dibantu oleh unit wayarless supaya stesen kabel ini dapat sentiasa berhubung dengan kapal yang melalui perairan di situ.

Pulau karang yang pada suatu masa dahulu tidak penting telah ditakdirkan menjadi hubungan yang penting dalam komunikasi dunia pada awal abad ke-20. Satu kabel kapal selam telah dibina ke barat daya ke Afrika Selatan, satu lagi dibina di utara ke Singapura dan kabel yang ketiga ke Perth di Australia Barat. Syarikat itu telah memajak kira-kira setengah Pulau Arah dan membina beberapa buah banglo dan pejabat. Kaki-tangannya yang awal berjumlah sehingga 40 orang, dan kira-kira setengah daripadanya orang Cina yang berasal dari Singapura. Di kalangan penduduk, terdapat seorang doktor yang bertindak sebagai pakar runding kepada Estet Clunies Ross.

"Oceania House", rumah keluarga Clunies-Ross, dibina pada tahun 1893



George Clunies Ross amat berhati-hati agar petempatan di stesen baru itu tidak mempengaruhi tenaga kerjanya. Oleh yang demikian beliau menghadkan peluang-peluang pekerjaanya berhubung dengan kawasan baru itu. Orang Eropah di Stesen Kabel tidak dibenarkan masuk ke kedua buah kampung itu tetapi mereka sering dijemput ke *Oceania House*. Mana-mana pekerja Melayu Cocos yang ke Pulau Arah akan diperhati dengan teliti.

Suatu pembunuhan yang berlaku di Stesen Kabel pada tahun 1902 mendedahkan anomali yang besar dalam peraturan dan undang-undang di Cocos. Seorang pekerja Cina di Stesen Kabel telah dihantar ke Singapura untuk dibicarakan kerana membunuh seorang pekerja bangsa Cina yang lain. Dalam hal ini, Peguam Negara Negeri-Negeri Selat mendapati bahawa bidang kuasanya tidak meliputi pulau-pulau ini dan dengan itu yang tertuduh telah dibebaskan.

George Clunies Ross membentuk "mahkamah"nya sendiri di Pulau Home. Mahkamah ini terdiri daripada empat orang ketua penduduk, empat orang penghulu dan dirinya sendiri. Hukuman yang dijatuhkan oleh badan ini berbeza-beza daripada denda dan sebat hinggalah kepada kerja berat.

KEMELESETAN

J.G. Clunies Ross, sebuah skuner yang sangat bernilai yang dibina di Cocos, telah dilaporkan hilang pada tahun 1892 selepas ia dipinjamkan kepada anak kapal Itali yang buruk reputasinya. Kapal mereka, *Luigi Raffo* musnah di terumbu dan anak-anak kapal yang terkandas menimbulkan masalah kepada penduduk di situ. Selepas itu *Broughton*, kapal layar milik estet yang sebahagiannya diinsuranskan telah musnah dengan teruk pada tahun 1902 dan mengakibatkan kerugian yang besar. Beban yang dibawa oleh siklon pada 1909 hampir tidak tertanggung oleh penduduk kerana ia beriringan dengan kemerosotan kewangan di Betawi.

George Clunies Ross meninggal dunia di Isle of Wight di England pada tahun 1910. Setahun kemudian, lapan pelaut Melayu Cocos pergi ke England untuk mengambil skuner baru, bernama *Rainbow*, dan melayarkannya pulang bersama-sama mayat George Clunies Ross yang digali semula. Anak-anak kapal Melayu itu tidak diberitahu tentang kargo yang mereka bawa sehinggalah mereka sampai ke Cocos. Dalam

Stesen kabel di Pulau Arah, 1960 (Ihsan: J.Hand)



pelayaran pulang itu mereka dilanda angin ribut dan semasa ke semasa, dua kali bertukar kapten dan mengambil masa jauh lebih lama daripada yang dijangkakan. Selama perjalanan pulang itu kelas Melayu Cocos itu diberikan gambaran bahawa kargo istimewa mereka ialah sebuah piano!

Pada tahun 1912 anak George, John Sydney, mengambil alih pentadbiran petempatan itu dan menambahkan tanda sempang pada namanya. Beliau mengetahui perbicaraan pembunuhan di Pulau Home yang menjatuhkan hukuman mati. Kedua-dua yang tertuduh, Aspin dan Sah'it, didapati bersalah membunuh Ra'isan dan seterusnya dicampakkan ke laut di belakang Pulau Horsburgh dengan pergelangan kaki mereka diikat dengan besi berat.

Tidak beberapa lama kemudian, Natan bin Dahem hilang sabar melihat anaknya, Kembrin, disabit dengan kejam oleh Edmund Clunies Ross. Natan dan keluarganya serta beberapa orang kawannya telah meninggalkan estet pada tahun 1913 dan menetap semula di Singapura. Termasuk dalam kumpulan ini ialah Beppo bin Wahit dan Agnan bin Reiji yang telah pergi ke England, masing-masing memasuki Angkatan Tentera Darat dan Tentera Laut Inggeris dan berjuang dalam Perang Dunia Pertama.

Peperangan dengan Jerman menempatkan Pulau-pulau Cocos dalam peta dunia pada tahun 1914 berikutan peristiwa karamnya kapal persiaran Jerman, *S.M.S. Emden*, dan pencurian skuner tiga tiang layar kepunyaan estet, iaitu *Ayesa*, oleh pihak perempuh Jerman. Ganti rugi perang yang diterima untuk kehilangan skuner ini tidak mencukupi untuk menggantikannya dan John Sydney Clunies-Ross terpaksa menjual sebuah kapalnya yang lain pada masa itu kerana ia mempunyai asal usul Jerman.

Tidak terdapat tenaga buruh yang cukup untuk membersihkan sepenuhnya sampah sarap akibat siklon tahun 1909 atau untuk menanam semula ladang-ladang secara seimbang. Semua orang lelaki yang sihat menumpukan perhatian membina semula kampung. Ekoran ini banyak pokok kelapa yang baru berpeluang tumbuh

antara puin angin ribut itu. Pokok ini tumbuh terlalu rapat antara satu sama lain dan tidak dapat menghasilkan kelapa yang banyak. Harga kopra jatuh menjunam selepas perang dan Sydney Clunies-Ross terpaksa banyak bergantung pada dividen-dividen yang diperoleh daripada per lombongan fosfat di Pulau Christmas untuk mengimbangi kerugiannya di Cocos. Dalam hanya jangka waktu 20 tahun Sydney Clunies-Ross telah terjat dengan tunggakan cukai pendapatan yang tinggi, dan estet mengalami kerugian yang teruk, yang membawa kepada pinjaman overdraf daripada ejen-ejen estet di Singapura.

Antara peperangan, komuniti Melayu membina semula kampung mereka peringat demi peringat di bawah arahan Sydney. Kedua-dua kampung akhirnya dijadikan satu menjelang tahun 1920-an dalam satu projek yang besar yang juga, malangnya, menggunakan sejumlah besar kayu-kayu yang baik di selatan pulau karang ini. Menjelang tahun 1941 penduduk pulau-pulau ini meningkat menjadi 1450 orang dan bekalan makanan menjadi masalah yang semakin menekan. Meletusnya Perang Dunia Kedua bermakna kapal-kapal yang membawa bekalan tidak dapat datang dengan kerap dan kedatangannya tidak dapat dijangkakan. Oleh itu catuan makanan yang tegas terpaksa dikenakan terhadap komuniti. Dalam beberapa keadaan petempatan ini kehabisan beras langsung dan penduduknya terpaksa hidup dengan kelapa dan ikan.

Sydney Clunies-Ross tidak mempunyai semangat dan minat seperti bapanya terhadap estet. Beliau menghabiskan setahun dalam setiap tiga tahun di England, tidak mendapat sokongan daripada hampir kesemua ahli keluarganya sendiri, dan terus-menerus meninggalkan estet di bawah jagaan pengurus-pengurus yang bertukar ganti. Suatu kenyataannya yang tidak berhati-hati kepada pihak akhbar di London pada tahun 1936 telah menarik perhatian Kumpulan Anti-Perhambaan Inggeris terhadap keadaan di Cocos. Mujurlah, dengan berlakunya peperangan dan kematiannya sendiri tidak lama kemudian

telah menghalang kemungkinan mengadakan penyiasatan yang lebih lanjut. Beliau tidak berkahwin sehinggalah berumur 56 tahun dan perkahwinannya hanya kekal selama sembilan tahun apabila isterinya yang muda meninggalkannya di Cocos dan kembali ke England bersama-sama empat orang anaknya. Beliau tidak pulang ke Cocos sehingga dua tahun selepas kematian Sydney dan tidak dimasukkan dalam wasiat beliau yang asal. Isteri Sydney menuntut haknya melalui mahkamah untuk membolehkannya dimasukkan sebagai salah seorang pemegang amanah suaminya.

Doktor dari Stesen Kabel dan Wayarles menggambarkan penduduk Melayu Cocos sebagai "pucat dan tidak bermaya" pada tahun 1941. Bahan makanan yang berkhasiat sangat berkurangan. Tidak banyak sumber yang merangsangkan dan terdapat seolah-olah bau reput di persekitaran. Penyakit berak berdarah dan cacing gelang berleluasa dan para pekerja di sini tidak mengetahui langsung tentang dunia luar. Malah masa dalam sehari juga berbeza dengan jirannya, Pulau Arah. Sydney Clunies-Ross akan menetapkan waktu Cocos setiap hari berdasarkan yang dibacanya sendiri daripada seksta (alat mengukur ketinggian matahari)! Apabila Perang Dunia Kedua meletus, kampung di Pulau Home mempunyai 243 buah rumah dan terdapat satu petempatan kecil di Pulau Horsburgh.

Penduduk pulau begitu gembira dengan kedatangan sekumpulan tentera daripada Gari-

son Meriam Ceylon lewat tahun itu. Mereka dihantar ke Cocos untuk menempatkan serta mengendalikan dua meriam enam inci di Pulau Horsburgh untuk mempertahankan stesen kabel daripada kemungkinan serangan Jepun. Sekumpulan Infantri Ringan Ceylon ditempatkan di Pulau Arah untuk tujuan yang sama. Berita daripada Stesen Kabel bahawa Singapura telah jatuh ke tangan Jepun pada bulan Februari 1942 dan beberapa orang bekas penduduk Cocos telah terbunuh seterusnya menggemparkan penduduk Pulau Home.

KEAMANAN DI PULAU TERGUGAT

Pemencilan orang Melayu Cocos daripada peristiwa yang berlaku di dunia luar telah tergugat pada 3 Mac 1942, apabila Pulau Arah dibom oleh kapal perang Jepun. Mujurlah

Pada 9 November 1960, 46 tahun selepas karamnya kapal SMS Emden, Sir Charles Gairdner merasmikan batu peringatan di Pulau Arah sebagai tanda memperingati pertempuran. Di sini beliau memeriksa perbarisan tentera dari HIMAS Diamantina (lisan: J. Hand)



melihat api yang sedang marak menyala akibat pengeboman itu, pihak penceroboh menyangka mereka telah berjaya memusnahkan stesen pemancar seluruhnya. Pihak berkuasa Inggeris membiarkan salah sangka ini dan nama pulau-pulau ini tidak lagi disebut secara rasmi sepanjang berlakunya peperangan.

Selama tiga tahun berikutnya, serangan udara Jepun yang dilakukan dengan kadar yang tetap dari Jawa yang telah dapat didudukinya mengenakan tekanan terhadap penduduk Pulau Home. Serangan bom yang hebat pada bulan Ogos 1944 telah memusnahkan 27 rumah dan meragut nyawa dua orang penduduk. Pada zaman perang kerja-kerja menghasilkan kopra tidak giat dijalankan kerana penduduk sentiasa melarikan diri ke pulau-pulau lain untuk berlindung. Sydney Clunies-Ross agak berputus asa melihat hal ini dan meninggal dunia akibat kekecewaan pada tahun 1944, sebaik sahaja serangan bom yang teruk itu. Tidak lama kemudian pulau-pulau ini diletakkan di bawah pemerintahan tentera. Pegawai memerintah yang pertama, pada bulan Ogos 1944, ialah Leftenan Kolonel J.E.B. Jessamine.

Tentera Inggeris, Tentera Laut dan Tentera Udara Diraja telah sampai di sini dan membina pangkalan di Pulau Home. Dengan perkembangan keadaan perang beberapa orang penduduk pulau telah ditawarkan berkhidmat dengan tentera, dan bermulalah ekonomi barter yang kecil tetapi menarik. Semakin lama ekonomi ini semakin berkembang dan beberapa bahagian *Oceania House* telah dijadikan seperti gudang bagi semua bentuk perdagangan. Namun begitu, bidang perladangan semakin merosot dan ekonomi tempatan menjadi semakin tidak seimbang.

Konflik di kawasan Asia Pasifik menimbulkan keperluan di kalangan pihak Bersekutu untuk membina satu pangkalan udara di Lautan Hindi. Mereka memulakan "Operasi Lipas" pada bulan Mac 1945 untuk memenuhi keperluan itu. Unit-unit daripada Angkatan Tentera Udara Diraja, Angkatan Tentera Udara Diraja India, dan Angkatan Tentera Laut datang ke Cocos dengan

kapal dan memulakan pembinaan landasan kapal terbang sejauh 2000 ela di Pulau Barat.

Beribu-ribu pokok kelapa ditebang dan disodok ke laut. Ini memeranjatkan penduduk Melayu Cocos yang sedang menyaksikan penggunaan teknologi moden buat pertama kalinya. Dalam masa dua bulan sahaja landasan kapal terbang itu dapat digunakan, dan kapal terbang yang pertama mendarat dan mengisi minyak pada bulan Mei 1945. Pangkalan Cocos pada mulanya digunakan untuk membuat penerbangan untuk tujuan mengintip dan menggurukan pegawai-pegawai perisik ke kawasan Hindia Timur Jauh yang dikuasai Jepun. Pada kemuncak operasi terdapat 8300 pegawai tentera di pulau karang ini. Cocos sepatutnya memainkan peranan yang penting dalam serangan terhadap pihak musuh; namun begitu keadaan tiba-tiba berubah berikutan pihak Jepun menyerah kalah pada bulan September 1945, dan landasan kapal terbang di Cocos ditutup pada bulan Februari pada tahun yang berikutnya – hanya 12 bulan selepas ia dibina.

Tahun itu merupakan tahun yang luar biasa bagi penduduk Pulau Home yang terpencil. Malah apabila tamatnya operasi sekalipun, Pulau Barat masih berbangga dengan tentera yang melebihi 3000 orang. Untuk mengeluarkan 245 Tentera Inggeris, 256 Angkatan Tentera Udara Diraja India, 445 Angkatan Tentera Udara Diraja Inggeris dan 2215 anggota Tentera Darat India, yang paling akhir meninggalkan pulau ini, memakan masa selama enam minggu dan dengan menggunakan 14 buah kapal. Kebanyakan kelengkapan mereka telah ditinggalkan dan pada masa inilah pentadbiran Cocos bertukar tangan daripada tentera kepada tangan orang awam.

Keadaan di Pulau Home menjadi tidak stabil selepas perang tamat. Estet telah kehilangan kepimpinan dan berhutang dengan kerajaan Singapura, ladang-ladang telah diabaikan dan bekalan untuk tentera yang nampaknya tiada kesudahannya telah berkurangan. Sebaliknya penduduknya telah mendapat keyakinan baru dan pengetahuan baru tentang dunia yang lebih luas, dan mempunyai jangkaan-jangkaan yang

baru. Keadaan kesihatan yang telah dimajukan telah mengurangkan kadar kematian dengan banyaknya dan jumlah penduduk bertambah kepada 1814 orang menjelang tahun 1947. Terdapat banyak kekeliruan dan perbincangan tentang masa hadapan tempat ini dan penduduknya. Pentadbiran oleh tentera dan orang awam telah cuba menguruskan semula ladang-ladang, tetapi bekalan dari Singapura yang mengalami kerosakan akibat perang sukar diperolehi, dan makanan terpaksa dicatu dengan teruknya.

Penduduk pulau berharap kesukaran mereka akan menjadi ringan dengan kepulangan Puan Clunies-Ross dan anaknya, John Cecil, pada tahun 1946. Namun harapan mereka hancur dengan tindakan Puan Ross yang tegas dan keras untuk mendapatkan ganti rugi, dan ini membawa kepada keputusannya mengurangkan dengan banyak penduduk Melayu dengan menggalakkan perpindahan ke negara lain. Pejabat Kolonial di London dapat melihat masalah ekonomi tersebut, tetapi mereka lebih mengambil berat tentang keupayaan penduduk pulau ini untuk memindahkan penanaman ke kawasan yang jauh

daripada kawasan mereka yang biasa. Penduduk di situ berasa amat kecewa apabila mengetahui hakikat keadaan yang dicadangkan untuk mereka. Selama tiga tahun berikutnya berlakulah perbincangan di peringkat pentadbiran tentang kawasan yang sesuai untuk pemindahan dan tentang perbelanjaan penempatan semula.

Di kampung Cocos, saudara-mara berbincang tentang hal ini dengan penuh emosi sesama mereka. Keluarga mula berpecah belah dan terdapat tujuh kes perceraian antara tempoh 1949–1951. Dalam tempoh lima puluh tahun terdahulu hanya tujuh sahaja kes perceraian yang dilaporkan.

Pada bulan Julai 1947 sekumpulan penyeliidik yang diketuai oleh Hosman bin Awang, melawat Pulau Christmas, Singapura dan bebe-

Penduduk Pulau Home bertemu dan berdagang dengan pegawai-pegawai tentera di Hujung Selatan, Pulau Barat, 1945. (Ihsan: Muzium Imperial War, London)





rapa tempat di Semenanjung Malaya. Mereka menunjukkan minat terhadap dua tempat yang pertama, tetapi hutan tebal Malaya tidak menarik perhatian mereka langsung. Perlantikan seorang pengurus estet yang tidak popular oleh Puan Clunies-Ross pada tahun 1947 telah mempergiat perbincangan tentang penghijrahan. Pada bulan Julai 1948 berlaku mogok sehari. Orang keluar memancing ikan dan mengumpulkan kelapa untuk kegunaan mereka sendiri. Beberapa kumpulan anak muda menebang berdozen-dozen pokok kelapa yang masih muda untuk mendapatkan umbutnya yang berkhasiat. Mereka memohon bekalan makanan kecemasan tetapi ini mengambil masa dua bulan lagi untuk sampai. Jumlah penduduk pulau bertambah dengan pesat dan Puan Clunies-Ross mengumumkan bahawa sesiapa yang ingin meninggalkan pulau itu dan menetap di Pulau Christmas atau Singapura akan diberikan bantuan. Beberapa keluarga telah pun berhijrah ke Singapura sebelum perang dan idea penghijrahan ini semakin mendapat sambutan.

Kemudian penduduk Cocos mendapat berita daripada pihak berkuasa Singapura bahawa Perbadanan Pembangunan Kolonial Borneo Utara memerlukan tenaga buruh untuk memu-

Penduduk Pulau Home kagum dengan teknologi moden - kapal terbang Spitfire (kalis api) yang dipasang di Cocos daripada komponen dalam kotak, 1945 (Ihsan: Muzium Imperial War, London)

lihkan ladang, yang telah ditinggalkan oleh Jepun yang terletak berdekatan Tawau. Nama-nama orang Melayu Cocos yang berminat untuk berhijrah telah diserahkan kepada pentadbir awam. Sekumpulan kecil, yang diketuai oleh Hosman bin Awang, meninggalkan pulau ini menuju ke Pulau Christmas pada tahun 1948. Kumpulan pertama yang terdiri daripada 180 orang yang ingin berhijrah ke Borneo telah meninggalkan Cocos pada akhir tahun 1949. Empat atau lima lagi kumpulan dengan jumlah yang sama telah meninggalkan Cocos dengan menaiki kapal bekalan, *T.S.S. Islander*, setiap enam bulan sepanjang tiga tahun berikutnya. Sesetengahnya memilih untuk berhijrah ke Pulau Christmas dan Singapura, tetapi kebanyakan mereka menuju ke Borneo Utara (kini negeri



Sabah yang termasuk dalam Malaysia).

Penghijrah keluar dan keluarga mereka sangat takut akan kedatangan kapal. Mereka yang telah meninggalkan Cocos dibawa sebagai penumpang geladak kapal dan banyak antara mereka mendapat penyakit yang serius. Adelin binti Kalwie, anak bekas ketua kampung, menghadapi penyakit radang paru-paru dalam pelayaran bulan November 1949 dan menemui maut. Beberapa orang lagi telah meninggal dunia semasa berada di Singapura selama dua minggu dalam persinggahan. Suasana semasa meninggalkan Cocos sangat emosional hinggalah kapten kapal kemudian memilih untuk belayar pada waktu malam supaya penumpangnya tidak berasa terlalu sedih melihat tanah air mereka semakin menghilang di ufuk.

Penghijrah baru ini sangat kecewa dengan Borneo Utara. Iklimnya berbeza. Mereka berada jauh dari laut. Kerja di sini sukar dan banyak yang mati kerana diserang penyakit malaria dan

Kapal Spitfire berbaris di landasan kapal terbang di Pulau Barat, 1945 (Ihsan: Muzium Imperial War, London)

penyakit baru yang lain. Beberapa orang lain menjadi gila dalam berhadapan dengan keadaan persekitaran luar biasa yang baru itu, dan Rojeman binti Remi'in menggantung dirinya kerana terlalu kecewa. Beberapa kumpulan kecil terus berhijrah dari satu petempatan ke satu petempatan yang lain. Pergolakan emosi di kalangan para penghijrah ini masih mendatangkan kesan hari ini apabila mereka mengadakan pertemuan semula dengan rakan dan saudaramara yang telah lama terpisah.

CAMPUR TANGAN AUSTRALIA

Pada tahun 1951 suatu persetujuan telah dibuat pada prinsipnya bagi pemindahan hak milik pulau-pulau Cocos daripada Britain kepada Australia dan pembinaan semula landasan kapal



terbang semasa perang dimulakan sepenuhnya. Menjelang pertengahan tahun 1952 wilayah ini dimasukkan semula ke dalam peta dunia apabila QANTAS, dan kemudiannya *Penerbangan Afrika Selatan*, menggunakan pulau ini sebagai transit dalam perjalanan yang jauh antara Perth, Australia Barat, dengan Johannesburg di Afrika Selatan.

Kebanyakan minat pihak luar terhadap pulau ini bertumpu pada landasan kapal terbangnya dan tiada penelitian terhadap peristiwa dan keadaan di Pulau Home. Menjelang akhir tahun 1951 hanya 350 orang Melayu Cocos yang tinggal. Kumpulan penduduk ini terdiri daripada hanya 70 orang lelaki yang tegap dan agak sukar juga hendak memujuk mereka supaya tidak meninggalkan pulau ini. John Cecil Clunies-Ross terpaksa menawarkan rumah baru, kemudahan lampu elektrik dan menaikkan gaji mereka untuk meyakinkan mereka supaya terus tinggal di Cocos.

Pulau-pulau ini terpisah secara rasmi daripada Koloni Inggeris Singapura dan diterima oleh

Kapal terbang penumpang QANTAS di-
baiki, 1960 (Ihsan: J.Hand)

Australia sebagai satu wilayah pada 23 November 1955.

Nampaknya seolah-olah semuanya telah berjalan lancar. Penduduk Melayu telah bertambah dengan kadar yang tetap dan mencapai angka 460 menjelang Jun 1957. Tiba-tiba masalah timbul lagi. Punca yang zahir ialah kekurangan makanan, tetapi yang tersirat di sebaliknya ialah kepulauan yang tidak diundang pengurus yang pernah dibenci oleh penduduk; tindakan pengurus inilah yang telah memecah-belahkan penduduk pada 1948. Masalah itu tidak dapat diselesaikan sehinggalah Menteri Kerajaan Australia yang bertanggungjawab terhadap Cocos, Rt Hon. Sir Paul Hasluck, melawat pulau-pulau ini dua kali dan menguruskan perpindahan 150 orang Melayu Cocos ke Pulau Christmas pada 1957-1958.

Pada tahun 1950-an kampung Melayu beransur-ansur dibina semula menurut pola

yang berbeza daripada cara semasa peperangan. Rumah baru dibina daripada batu bata walaupun pelan lantai asas masih sama dengan binaan atap yang dulu.

Pihak estet bernasib baik kerana memperoleh beberapa kontrak kerja kerajaan di Pulau Barat dan Pulau Arah. Tawaran yang diberikan mewah. Namun begitu para pekerja tidak menikmati tambahan upah yang banyak dalam bentuk wang plastik, dan mereka hanya dapat menggunakan wang ini untuk membeli barang di Kedai Clunies-Ross di Pulau Home.

Peluang berinteraksi dengan orang Australia di tanah besar terhad pada hubungan kerja di Pulau Barat dan perhubungan ini mengalami masalah besar dari segi halangan bahasa. Pendidikan di Pulau Home memang sangat asas dan terhad seperti yang terdapat selama ini. Tiada penduduk Pulau Barat yang berpengetahuan banyak tentang kejadian di sebalik lagun, kerana kemasukan ke Pulau Home hanyalah melalui jemputan. Sungguhpun demikian hubungan sulit diatur untuk membuat pertukaran buah-buahan dan barangan pengguna dengan ikan segar dan hasil kraftangan. Rakan-rakan kongsi Melayu yang mengamalkan pertukaran ini menghadapi risiko dihukum dengan cara membayar denda dan bekerja tanpa upah jika mereka dilaporkan kepada *Inarat* (Majlis Ketua-ketua). Dengan bijak pedagang-pedagang ini menggunakan nama samaran untuk menyembunyikan identiti mereka yang sebenar. Perdagangan sulit seperti ini telah dijalankan di ladang-ladang kelapa di Cocos selama hampir 30 tahun!

Kerajaan Australia melancarkan beberapa penyelidikan kesihatan di Pulau Home. Kajian ini memberikan tumpuan pada cacing kerawit yang terdapat di mana-mana dan kaitannya dengan kekurangan darah dan kelumpuhan. Ketiadaan kemudahan tandas dalam komuniti Melayu ini telah memburukkan masalah ini sehinggalah kerajaan menaja skim pembetungan yang bermula pada pertengahan tahun 1980-an.

Tiga siklon melanda wilayah ini pada tahun 1950-an, setiap siklon mengakibatkan kerosakan kepada ladang-ladang. Walau bagaimanapun pe-

nanaman semula pokok kelapa berjalan dengan lancar dan pengeluaran kopra terus stabil. Masalah utama ialah kumbang badak (*Rhinoceros Beetle* – *Oryctes rhinoceros*) dan bayaran ditawarkan kepada sesiapa yang dapat membunuh kumbang ini sama ada yang dewasa mahupun larvanya untuk mengurangkan bilangannya.

Konfrontasi politik Indonesia dan kesibukan kerajaan Australia dengan wilayah Papua dan New Guineanya, telah membuat komuniti Melayu Cocos tidak mendapat perhatian di sepanjang tahun 1960-an. Di Pulau Barat pergerakan kapal terbang tentera telah bertambah dengan banyak, sehinggakan ia mengatasi jumlah kapal terbang komersil, apabila Indonesia melarang kapal terbang memasuki "ruang udaranya". Beribu-ribu penumpang kapal terbang dari Australia yang dalam transit ke Afrika Selatan tiba dan berlepas dari Cocos tanpa mengetahui akan keadaan hidup orang Melayu Cocos Australia di seberang lagun itu.

Cocos berhadapan dengan serangan unsur alam hampir setiap tahun pada tahun 1960-an, kemuncaknya ialah Siklon Doreen yang melanda pada bulan Januari 1968. Mata siklon ini betul-betul mengenai pulau karang ini memusnahkan dengan teruk bangunan, perkhidmatan telefon dan tenaga elektrik, dan banyak pokok tercabut. Keseluruhannya, 75 000 batang pokok kelapa telah musnah dan jumlah kerugian dianggarkan A\$2 juta. Mujurlah tiada nyawa yang terkorban.

Tahun 1960-an memperlihatkan pengenalan satu inovasi moden ke Estet Clunies-Ross, iaitu pil perancang keluarga. Agihan harian yang dipusatkan dan dorongan yang ada hubungan dengannya, menjadikan cara mengawal pertumbuhan penduduk ini sangat berkesan.

Orang Melayu Cocos tidak dibenarkan terlibat dengan pentadbiran, pergerakan pembebasan hak asasi manusia dan perbincangan yang terbuka, konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan kemudahan mata wang di sepanjang tempoh ini. Mereka juga terpaksa menderita bekerja di bawah seorang pengurus baru yang dibenci yang gemar menguatkuasakan peraturan



estet seketat mungkin.

Dalam suatu memo dalaman yang dikeluarkan pada tahun 1968, perwakilan Kerajaan Australia yang rasmi bagi Cocos menulis bahawa "tidak diragui lagi bahawa kerajaan di Cocos yang wujud ini keseluruhannya berada dalam tangan pegawai dagang Inggeris dan pengurus-pengurus estetnya yang bertukar ganti". Malangnya, tiada siapa yang ingin mendengar sebarang kritikan terhadap cara hidup orang Melayu yang kononnya "unggul" di Cocos.

Dunia yang lebih luas tidak menyedari tentang rejim feodal ini sehingga tahun 1971, apabila seorang pegawai kanan di Bahagian Wilayah Luar datang ke Cocos untuk melihat sendiri keadaan di sini. Laporan yang dibuat oleh beliau telah menyebabkan para wartawan berlumba-lumba menyiarkan beritanya dan ahli-ahli politik berbalahan. Pegawai berkenaan

John Cecil Clunies-Ross semasa lawatan delegasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1974 (Ihsan: Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)

dengan lantang memperkatakan kekurangan pendidikan berdasarkan standard di tanah besar, pergerakan yang terhad, kepingan wang yang hanya boleh digunakan di kedai syarikat, dan kekurangan kemudahan tandas dan bekalan air bersih.

Laporan itu telah diedarkan secara meluas dan meletuslah perbincangan dalam media tentang "perhambaan" dan "wang plastik". Akhirnya berita ini sampai ke pengetahuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Australia menjemput



Parson bin Yapat, Pengerusi Majlis Kepulauan Cocos (Keeling), berucap dalam Persidangan Umum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 7 November 1984. Di belakangnya (kiri ke kanan) ialah Cree bin Haig dan Wahin bin Byne (Ihsan: Pita video Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)

delegasi Pertubuhan itu melawat wilayah tersebut. Delegasi pertubuhan tersebut tiba di Cocos pada bulan Ogos 1974 dan laporan mereka dipandang serius oleh John Clunies-Ross dan Kerajaan Australia. Perdana Menteri Parti Buruh Whitlam memberikan komen, "Tidak ada tempat di dunia ini yang telah mengalami perubahan yang begitu kecil." Kerajaan beliau mencadangkan satu siri perubahan yang akhirnya dilaksanakan oleh Kerajaan Liberal yang mengambil alih.

Malangnya, ketidakstabilan politik di Australia pada pertengahan tahun 1970-an mempunyai kesan sosial yang penting terhadap pulau-pulau Cocos. Perubahan yang telah dijanjikan

oleh Whitlam kepada orang Melayu Cocos tidak dilaksanakan dengan segera bagi mereka yang telah secara terbuka meluahkan perasaan mereka. Perubahan kerajaan pada 1975 hanya melengahkan lagi perubahan. Banyak keluarga meninggalkan wilayah ini kerana keruntuhan sosial yang berlaku. Mereka berpindah ke Geraldton, Port Hedland dan Katanning di Australia Barat. Daripada sejumlah 520 orang pada tahun 1974, penduduk Pulau Home berkurangan hingga 253 orang sahaja pada 1979.

Pada tahun 1978 Kerajaan Australia berunding untuk membeli pulau-pulau ini daripada John Clunies-Ross dengan harga A\$6.25 juta. Ini tidak termasuk kawasan di Pulau Home seluas lima hektar yang menjadi tapak rumah keluarga Clunies-Ross. Pada 1979 sebuah majlis tempatan telah dibentuk dan koperasi pekerja telah ditubuhkan pada tahun yang sama untuk menjaga kepentingan perniagaan komuniti Melayu.

Sebaik sahaja pergolakan politik tamat di tanah besar dan di Cocos, Kerajaan Australia sendiri telah "memanggil balik" keluarga-keluarga Cocos yang berada di Singapura, Sabah dan tanah besar Australia pulang ke Cocos untuk membantu menyediakan tenaga buruh yang

mencukupi untuk berkhidmat di ladang dan khidmat asas yang lain.

Usaha kerajaan pada tahun 1980-an telah memperlihatkan beberapa perubahan yang telah lama tertangguh di Pulau Home. Akhirnya perkara-perkara seperti pendidikan wajib, bekalan air tawar yang selamat, sistem pembetulan, pilihan raya yang bebas dan hak untuk menentukan masa hadapan pulau-pulau ini diberikan kepada orang Melayu Cocos.

Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melaksanakan Akta Penentuan Diri pada 6 April 1984 di kalangan rakyat Pulau Home. Sekalipun berlaku banyak percubaan untuk mengalihkan perhatian mereka, orang Melayu Cocos telah memberikan kelebihan undi kepada penyatuan dengan Australia dari segi politik, sosial dan ekonomi. Tidak lama kemudian kebanyakan

tanah telah diilhakkan kepada Majlis Lembaga Kepulauan Cocos (Keeling) dan Kerajaan Australia berjanji untuk mempertingkatkan taraf hidup komuniti Melayu Cocos seimbang dengan penduduk di tanah besar dalam dekad itu.

Pada tahun 1987 industri kopra Cocos akhirnya telah diisytiharkan tidak menguntungkan, dan penduduk di sini kini mencari ruang mempelbagai asas ekonomi mereka yang terhad. Walau apa pun yang dipilih oleh orang Melayu Cocos ini pada masa hadapan, yang pastinya ia akan merupakan satu cara yang dipilih oleh mereka sendiri. Masa hadapan milik mereka.

Kanan: Kertas undi yang digunakan pada tahun 1984 Akta Pemilihan Sendiri, yang digubal khusus untuk para pengundi yang buta huruf (Ihsan: Suruhanjaya Pilihanraya Australia)

HALUAN PIGIMANA MEMILIH DI DALAM TIGA BAHAGIAN

ADA TIGA BAHAGIAN
SABAN ORANG HARUS PILIH SATU SAJA
(DI ANTARA KE TIGA BAHAGIAN ITU)
KASI TARUH STEMNYA DI DALAM KOTAK
YANG ADA DI BAWAH BAHAGIAN YANG
ORANG MAHU PILIH

PULU COCOS (KEELING)
COCOS (KEELING) ISLANDS

REFERENDUM (SELF DETERMINATION) ORDINANCE 1984

KERTAS LEKSEN BALLOT PAPER

DIRECTIONS


THERE ARE THREE PROPOSALS YOU
ONLY HAVE TO MAKE ONE CHOICE
PLACE YOUR VOTING STAMP IN THE
SPACE BELOW THE PROPOSAL YOU
PREFER



**MERDEKA
INDEPENDENCE**



**PERSATUAN SAMA AUSTRALIA
INTEGRATION WITH AUSTRALIA**



**BERSOBAT BEBAS SAMA AUSTRALIA
FREE ASSOCIATION WITH AUSTRALIA**




HALUAN PIGIMANA KERTAS-KERTAS LEKSEN AKAN DIKERJAKANNYA SELEPAS KASI SUARA ORANG HARUS KASI LIPAT KERTAS LEKSEN BIAR ORANG LAIN TAK BOLEH TAHU PIGIMANA ORANG PUNYA PILIHAN KASIH LIHAT KERTAS LEKSEN ITU SAMA KETUA LEKSEN BIAR IA BOLEH LIHAT TEMPAT IA SAIN DI BELAKANG KERTAS TERSEBUT KASI MASUK KERTAS LEKSEN ITU KE DALAM LEKSEN PUNYA PETI

DIRECTIONS FOLD THE BALLOT PAPER SO THAT NOBODY CAN SEE HOW YOU HAVE VOTED SHOW THE PRESIDING OFFICER HIS INITIALS ON THE BACK OF THE BALLOT PAPER PUT THE BALLOT PAPER IN THE BALLOT BOX



"Dan bayar dengan wang yang sebenar - bukan wang plastik palsu yang tidak berguna!"

Atas: Komen dalam bentuk kartun tentang penjualan pulau-pulau Cocos (Ihsan: The West Australian, 4 April 1978)



Biar mati anak, jangan mati adat.

Peribahasa Melayu

Anak-anak Melayu Cocos memakai pakaian kebangsaan pulau mereka dan menarikan tarian Scotland



Orang Melayu Cocos



Tidak banyak golongan manusia di dunia ini yang tidak begitu diketahui dan difahami seperti penduduk Melayu Cocos di Kepulauan Cocos (Keeling). Kumpulan penduduk ini telah tertutup dari dunia luar oleh unsur geografi, sejarah, politik dan bahasa. Hanya sebilangan kecil orang luar yang pernah hidup bersama-sama mereka dan tidak banyak yang telah direkodkan tentang amalan dan tradisi budaya mereka – sama ada pada masa ini atau pada masa lalu.

Masyarakat yang kecil ini telah wujud selama lapan generasi oleh keadaan keterasingannya, usaha ekonomi yang mereka kongsi bersama, kesetiaan terhadap keluarga yang begitu kukuh, penglibatan yang mendalam terhadap agama Islam dan versi bahasa lama "Melayu perdagangan" Hindia Timur yang unik.

Sekalipun asal usul mereka berbeza, orang Melayu Cocos telah memperoleh satu identiti mereka yang tersendiri dalam tempoh satu generasi menduduki pulau-pulau ini. Orang "kelahiran Cocos", rujukan yang diberikan kepada mereka secara rasmi, tinggal berasingan daripada buruh-buruh kontrak Jawa dan orang Eropah tinggal di situ sebagai pemilik tanah. Penduduk Cocos ini mempunyai masjid, pemimpin, dan upacara mereka yang tersendiri.

Buruh kontrak Jawa yang datang ke pulau-pulau ini dengan kadar yang tetap menghidupkan dan memberi nafas baru kepada amalan-amalan budaya penduduk pulau-pulau ini. Unsur jenayah yang awal dalam kumpulan ini tidak sama sekali merupakan ciri mereka yang dominan. Banyak peneroka yang berpelajaran datang ke Cocos secara pekerja kontrak. Di kalangan mereka ialah ahli muzik, penari, pencerita, tukang, dan guru agama. Pengaruh mereka ini terhadap "orang kelahiran Cocos", dari mula mereka berada di situ pada tahun 1880-an hinggalah tahun 1930-an, sangatlah besar.

Unsur tradisi Scotland-Inggeris juga telah menyerap ke dalam amalan budaya orang Melayu Cocos. Beberapa jenis makanan, tarian dan muzik jelas mempunyai unsur kebaratan. Perkara ini terutamanya jelas semasa perayaan menyambut Tahun Baru (31 Disember). Dalam

perayaan ini tarian Scotland yang rancak ditarikan dengan penuh bersemangat oleh orang Melayu Cocos yang memakai pakaian tradisi pulau – dengan iringan gendang Melayu dan biola.

Pada hari ini asas orang Melayu Cocos dan fokus setiap kehidupan individu ialah agama Islam. Orang Cocos telah disebut sebagai orang Islam sejak petempatan yang awal. Pengetahuan dan amalan agama mereka telah meningkat di bawah pengaruh buruh kontrak Jawa. Baru-baru ini hubungan dengan saudara-mara yang telah lama tidak ditemui di Pulau Christmas, Australia, Malaysia dan Singapura telah memberikan dorongan kepada identiti keagamaan penduduk pulau-pulau ini.


PENGARUH ISLAM

Pengaruh Islam keseluruhannya meresap ke dalam kehidupan penganutnya. Orang Melayu Cocos ialah penganut kuat agama Islam dan tidak banyak yang menyimpang daripada ajaran atau amalan yang ditetapkan.

Amalan ajaran agama Islam melibatkan pematuhan terhadap satu set rutin yang dilakukan setiap hari, bulan dan tahun dalam kehidupan seseorang. Sembahyang didirikan lima kali sehari – pada waktu subuh, zuhur, asar, maghrib dan isyak. Sembahyang ini dan waktunya memberikan suatu pola yang teratur bagi setiap hari yang dijalani. Mandi, masak, makan dan bekerja kesemuanya diintegrasikan di sekitar waktu sembahyang.

Setiap bulan dalam kalendar Islam mempunyai fokus yang istimewa dan amalannya yang tersendiri. Hari pertama dalam bulan yang pertama adalah sempena masa penghijrahan Nabi Muhammad (s.a.w.) dari Makkah untuk membentuk komuniti Islam yang pertama di

Kanak-kanak Melayu Cocos mengaji al-Quran pada setiap petang



Madinah pada tahun 622 M. Hari ke-12 bulan ketiga ialah Maulud Nabi, hari Nabi Muhammad (s.a.w.) dilahirkan. Hari ke-27 bulan ketujuh mengingatkan keberangkatan Nabi Muhammad (s.a.w.) ke langit dari sebuah masjid di Jerusalem. Bulan kelapan, yang dikenali di Cocos sebagai bulan Arwah, ialah masa mengingat saudaramara yang telah meninggal dunia. Ini dilakukan dengan mengadakan perhimpunan setiap tiga atau empat hari di rumah-rumah tertentu yang mewakili setiap kumpulan keluarga di kampung. Bulan kesembilan ialah bulan puasa (Ramadan); di sepanjang bulan ini orang Islam dewasa tidak boleh makan atau minum pada waktu siang. Hari pertama bulan ke-10 merupakan perayaan Hari Raya Puasa, perayaan yang disambut setelah berpuasa selama sebulan. Hari kesepuluh bulan kedua belas ialah Hari Raya Haji, bulan kemuncak menunaikan fardu haji ke Makkah.

Kalendar Islam didasarkan pada bulan, dan bukan matahari. Kalendar Islam mempunyai 354 hari dalam setahun dan tiada hubungan dengan empat musim. Oleh sebab setiap "bulan" ditetapkan dengan cara melihat anak bulan, jangkaan untuk ramalan jangka panjang sukar dilakukan di tempat kecil dan terasing seperti Cocos. Suatu lagi perbezaan ialah bahawa hari dalam Islam bermula selepas maghrib, sedangkan mengikut kalendar Barat hari bermula dari waktu tengah malam. Oleh itu malam pada hari Jumaat dirujuk sebagai "malam Sabtu".

Komuniti Cocos mempunyai tiga buah masjid, setiap satu mempunyai seorang imam dan beberapa pembantu imam. Imam-imam ini bukanlah imam sepenuh masa. Mereka mempunyai kerja tetap di samping mempunyai tanggungjawab terhadap masjid.

Jika dapat, setiap sembahyang hendaklah dilakukan secara berjemaah di masjid. Jika tidak dapat bersembahyang jemaah di masjid, mereka bersembahyang di satu bahagian rumah atau tempat kerja yang tertentu. Sebagai menghormati keadaan inilah, maka seseorang harus menanggalkan kasut sebelum memasuki rumah orang Melayu, kerana rumah juga merupakan tempat beribadah.

Orang Melayu Islam Cocos amat mengambil berat tentang makanan dan minuman. Seperti orang Islam lain di mana-mana jua, mereka tidak memakan babi dan hasil keluarannya. Begitu juga mereka amat tegas tentang memakan binatang yang halal dimakan. Ini bermakna bahawa mereka mesti menyembelih binatang tersebut sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Islam melarang menyembelih binatang kecuali ia diperlukan untuk makanan manusia. Dengan itu menyembelih binatang mesti diiringi dengan bacaan yang telah ditentukan dalam Islam.

Seperti kebanyakan orang Timur Tengah dan Asia, penduduk Cocos hanya menggunakan tangan kanan untuk makan, memberi dan menerima. Tangan kiri digunakan untuk tujuan penyucian atau pembersihan. Kebanyakan orang Melayu Cocos menolak semua bentuk alkohol. Anjing dihukum sebagai najis dan sesiapa yang dijilat oleh anjing mesti menyucikan diri tujuh kali dengan tanah dan air.

Ketibaan di rumah seseorang sentiasa dimaklumkan dengan ucapan Assalamualaikum, dan dijawab oleh penghuni rumah itu dengan Waalaikum salam. Kecuali pintu rumah itu terbuka, adalah dianggap lebih sopan jika seseorang itu pergi ke pintu belakang rumah daripada mengetuk pintu hadapan.

DARI LAHIR HINGGA DEWASA

Kalimah pertama yang dibisikkan ke telinga bayi yang baru lahir ialah Allahu Akbar yang menyatakan kebesaran dan kekuasaan Allah. Dipercayai bahawa bayi yang baru lahir itu amat terdedah kepada pengaruh jahat. Lampu minyak kelapa sentiasa dinyalakan selama seminggu dari tarikh lahir bayi, dan urinya disimpan di bawah katilnya selama tiga hari. Uri itu diletakkan di dalam kulit kepa dan dicampurkan dengan garam, abu dan sebatang paku dan kemudian ditutup. Adalah tanggungjawab si bapa menghanyutkan "penjaga" ini daripada jukung (perahu layar) ke dalam bahagian lagun yang arusnya deras. Dia melepaskannya perlahan-lahan dan dengan lem-

but ke dalam air dengan menggunakan tangan kanannya – untuk mengelakkan anaknya menjadi kidal, yang agak ganjil dari segi agama. Penyapu lidi juga diletakkan di sebelah bayi yang baru lahir. Di bawah bantal bayi, si ibu akan meletakkan sikat, cermin dan gunting. Kesemua langkah berjaga-jaga ini adalah untuk menentang kemungkinan sebarang gangguan jahat.

Suatu upacara kesyukuran diadakan kira-kira tujuh hari selepas bayi dilahirkan sebagai tanda kejayaan bayi melalui “masa bahaya”. Masa sebenar sambutan kesyukuran ini berbeza-beza antara seorang bayi dengan bayi yang lain, kerana ia bergantung pada masa tanggalnya pusat bayi. Mengikut kepercayaan setempat, semakin lama masa tanggalnya pusat bayi, semakin nakallah nanti bayi itu! Upacara kesyukuran “hari ketujuh” ini juga merupakan hari menamakan bayi. Sehingga baru-baru ini kadar kematian bayi sangat tinggi di kalangan penduduk Cocos, oleh itu adat seperti ini sangat dituruti.

Sebelum berakhirnya 40 hari, bayi dan ibunya dilarang keluar rumah, dan kaki bayi tidak dibenarkan menjejak tanah. Setelah 40 hari, satu upacara akan diadakan; rambut bayi digunting atau dicukur, air mawar disapukan pada kening bayi dan jika bayi perempuan, telinganya ditindik. Selama dua atau tiga bulan yang berikutnya, si ibu akan sentiasa membawa bersama-samanya sebatang lidi daripada penyapu lidi bayi tadi apabila membawa anaknya keluar dari rumah pada waktu malam. Kebanyakan bapa orang Melayu Cocos membuat buaian kayu untuk anak-anak mereka dan buaian ini digantung dari siling di bahagian rumah yang berangin. Di dalam buaian ini, bantal pertama bayi dan penyapu lidi yang kecil diletakkan bersama-sama bayi.

Sekiranya bayi yang baru lahir itu memperlihatkan sebarang tanda kecacatan, ini biasanya dikaitkan dengan tingkah laku ibu bapa yang tidak sesuai semasa si ibu sedang hamil. Anak kembar dipisahkan antara satu sama lain dengan salah seorang mereka dijadikan anak angkat orang lain. Jika si ibu mendapati kesukaran

menyusukan anaknya, dia akan dengan segera mendapatkan bantuan seorang saudaranya untuk menyusukan anaknya itu. Pasangan suami isteri yang sukar mendapat anak mungkin juga akan diberikan anak oleh saudara-maranya. Kanak-kanak yang selalu sakit berkemungkinan ditukarkan namanya sebagai usaha untuk menolak sebarang pengaruh jahat.

Di Cocos, kanak-kanak lelaki yang berumur lima atau enam tahun akan dikhatankan sebagai mana yang dituntut oleh Islam. Pada masa dahulu upacara berkhatan ini disambut dengan meriah oleh keluarga kanak-kanak lelaki yang berkenaan. Kanak-kanak itu akan dipakaikan dengan pakaian yang indah dan diarak keliling kampung seperti pengantin. Kadang-kadang seorang kanak-kanak lelaki akan mengiringi pasangan pengantin yang diarak. Kenduri berkhatan kemudiannya akan diadakan, diikuti dengan wayang kulit, drama tradisional atau persembahan tarian yang istimewa. Tarian yang menarik ini dipersembahkan oleh orang lelaki yang berlutut dalam satu barisan; tarian ini dikenali sebagai tarian rodak. Keluarga kanak-kanak lelaki yang sebaya mungkin bersama-sama mengadakan perayaan ini atau sebuah keluarga yang mempunyai beberapa orang anak lelaki mungkin mengkhatakan mereka pada masa yang sama. Secara tradisional, upacara berkhatan ini dijalankan oleh seorang yang dikenali sebagai *bengkong*, dengan menggunakan pisau buluh pada kira-kira pukul enam pagi. Hari ini kanak-kanak dikhatankan di hospital Cocos dan perayaan yang berkaitan dengannya juga jauh kurang meriahnya.

Semua kanak-kanak Melayu Cocos menuntut ilmu agama sejurus selepas berkhatan. Kelas mengaji diadakan setiap hari di beberapa buah rumah dan di masjid. Kanak-kanak belajar membaca dan menulis Jawi, tulisan Arab yang digunakan dalam al-Quran. Kelas-kelas ini diteruskan sehinggalah para pelajarinya dapat membaca dengan kuat dan lancar mana-mana halaman al-Quran. Ketika berumur 14 atau 15 tahun majlis mengatam al-Quran diadakan; dalam majlis ini remaja lelaki atau perempuan





akan membaca dengan kuat beberapa surah al-Quran. Jika mereka dapat menyelesaikan pembacaan ini tanpa sebarang kesilapan di hadapan guru mereka, mereka diterima sebagai orang dewasa di dalam masjid.

Pada kira-kira umur yang sama, satu upacara kecil mungkin juga diadakan bagi mengumpulkan beberapa orang anak muda untuk menjalani upacara mengasah gigi hadapan bahagian atas. Adat ini dikatakan sebagai mencontohi Nabi Muhammad (s.a.w.) iaitu apabila Baginda mengasah giginya selepas terkena batu yang dibaling ke dalam perigi di mana Baginda sedang bersembunyi.

Mencari jodoh di kalangan anak muda tidak digalakkan sehingga mereka dianggap sudah "cukup dewasa". Pada masa dahulu sama ada pengurus estet atau ketua kampung akan mengemukakan secara fizikal mereka yang dianggap terlalu muda yang membuat hubungan dengan mereka yang berlainan jantina. Seorang pemuda menunjukkan minatnya terhadap seorang gadis dengan cara memberi keluarga gadis itu hadiah seperti ikan, buah-buahan, kelapa dan jenis makanan yang lain. Pasangan ini kemudian dibenarkan bertemu di rumah salah seorang mereka, atau di rumah saudara rapat mereka. Di sana mereka mesti ditemani dan pulang pada masa yang wajar. Apabila hubungan ini diperseujui oleh ibu bapa kedua-dua belah pihak, pasangan ini dibenarkan ke tempat umum berdua, dan dikatakan sudah bertunang. Seorang teruna atau gadis tidak digalakkan mempunyai terlalu ramai pilihan hati.

Malang bagi anak muda yang berkenaan, jumlah penduduk yang kecil di pulau-pulau ini tidak memberikan banyak pilihan dalam mencari pasangan hidup. Kawalan yang ketat dilakukan untuk memastikan mereka tidak berkahwin

Kanak-kanak lelaki Melayu Cocos berpakaian seperti pengantin, sebelum upacara berkahwin mereka

dengan saudara-mara mereka sendiri. Hubungan antara kampung sangat digalakkan dan orang membesar dengan mengetahui siapa yang akan menjadi pasangan hidupnya. Perkahwinan dianggap sebagai hubungan ekonomi dan sosial yang dapat dirasakan antara keluarga. Jika ibu bapa tidak mengizinkan sesuatu perhubungan, mereka akan bertindak untuk memutuskannya. Jika dua buah keluarga sudah pun dihubungkan melalui perkahwinan, maka hubungan perkahwinan seterusnya tidak lagi digalakkan antara mereka. Umumnya, telah menjadi kebiasaan agar anak sulung terlebih dahulu berkahwin daripada adik-beradik yang lebih muda daripadanya.

Perkahwinan anak muda yang mempunyai kecacatan fizikal akan diatur dengan cara pasangannya didatangkan dari Singapura atau Malaysia. Seseorang yang belum berkahwin sedangkan umurnya sudah mengizinkan dianggap luar biasa dan tekanan dikenakan terhadapnya untuk mengikut kehendak komuniti.

PERKAHWINAN

Sebaik sahaja seseorang itu berkahwin, tarafnya dalam masyarakat akan meningkat, dan peningkatan status yang seterusnya berlaku dengan lahirnya anak-anak.

Perkahwinan di Cocos merupakan perayaan yang besar yang melibatkan hampir semua orang dalam komuniti. Perkahwinan tidak dibenarkan pada bulan kedua kalendar Islam (bulan Safar), bulan kesembilan (bulan Ramadan) atau pada awal bulan haji. Masa yang paling digalakkan ialah bulan pertama (Muharam), bulan ketujuh (Rejab), dan bulan kesepuluh (Syawal). Jika ada kaitan dengan bulan-bulan ini, masa cuti menyambut Krismas-Tahun Baru Australia juga merupakan masa yang digemari ramai untuk berkahwin. Banyak keluarga penduduk pulau ini merancang cuti mereka di sekitar masa perkahwinan saudara-mara mereka di Cocos atau di tanah besar. Baru-baru ini, segelintir daripada mereka malah telah pergi ke Singapura untuk menghadiri perkahwinan saudara mereka di sana.

Majlis perkahwinan di Cocos memakan masa

tiga minggu. Dua minggu sebelum majlis perkahwinan adat melamar diadakan di rumah pengantin perempuan. Di sini bapa pengantin lelaki akan melamar si gadis secara rasmi untuk anak lakinya, sering kali dengan menggunakan pantun. Beliau kemudian menyerahkan hantaran yang terdiri daripada beberapa bungkusan barang kegunaan peribadi. Hantaran ini "diteliti" oleh imam dan dikira di hadapan semua yang hadir supaya mereka dapat melihat dan mendengarnya. Hantaran ini kebanyakannya sarung, kain, barang emas, minyak wangi dan wang. Barang yang melucukan, seperti permainan kanak-kanak, mungkin disembunyikan dalam bungkusan hantaran untuk mencuit hati mereka yang berkumpul dalam majlis yang biasanya tidak formal ini.

Seminggu sebelum majlis perkahwinan kebanyakan orang lelaki berkumpul di rumah kedua-dua keluarga yang terlibat dan mendirikan *tarup*, atau khemah di hadapan rumah kedua-duanya. Kedua-dua rumah itu kemudian menjadi tempat berkumpul bagi rakan-rakan dan saudara-mara. Pada minggu yang berikutnya pengantin lelaki dan pengantin perempuan tidak dibenarkan keluar dari rumah masing-masing, dan muka, lengan dan kaki mereka kerap dilumur dengan bahan kuning yang dinamakan *lulur*. Dipercayai bahan ini akan melembutkan dan mencerahkan kulit mereka dalam masa yang singkat. Semakin ramai saudara-mara datang bermalam di kedua-dua rumah berkenaan. Setiap waktu makan sekarang seolah-olah satu kenduri dan bilangan tetamu semakin banyak di sepanjang minggu. Pada malam Khamisnya pelamin dibina dan dihiasi di setiap rumah. Pasangan pengantin bertemu sekejap pada pagi Jumaat, selepas imam menyiram mereka, dan menziarah kubur bersama-sama untuk memberikan penghormatan kepada nenek moyang mereka.

Ikatan perkahwinan terjalin dari segi agama pada Jumaat malam apabila majlis akad nikah diadakan di masjid. Bapa-bapa pasangan berkenaan ditanya oleh imam dan pengantin lelaki melafazkan janji di hadapan orang-orang tua yang berkumpul di situ bahawa dia memang



Tarian melenggok pada malam perkahwinan

ikhlas mengambil langkah yang dilakukannya. Bapa pengantin lelaki kemudian menyerahkan mas kahwin kepada imam untuk diteliti.

Dari segi undang-undang, pasangan berke-
naan berkahwin pada pagi Sabtu apabila mereka
bersama-sama pergi ke Dewan Mesyuarat dan
menandatangani buku daftar. Kenduri yang
diadakan pada tengah hari itu di kedua-dua
rumah adalah yang paling meriah dalam masa
dua minggu ini, dan setiap anggota komuniti
Melayu dan banyak rakan dari Pulau Barat
dijemput.

Majlis bersanding berlangsung pada tengah
hari tersebut. Pengantin lelaki diarak ke rumah
pengantin perempuan dengan diiringi bacaan
selawat. Di tali pinggangnya disisipkan keris,
simbol status orang Melayu lama yang dikatakan
mempunyai kuasa mistik yang besar dalam majlis
seperti ini. Apabila rombongan pengantin lelaki
tiba di rumah pengantin perempuan, salah
seorang pengiringnya mendapatkan izin masuk.
Di dalam rumah, pasangan itu akhirnya dihu-
bungkan dalam satu siri isyarat simbolik dan
penuh emosi oleh ibu pengantin perempuan.
Tidak lama kemudian pasangan itu muncul dan
berjalan bersama-sama dalam perarakan.

Apabila mereka sampai di rumah, mereka
diberikan penghormatan dengan beberapa per-
sembahan silat pengantin, seni mempertahankan
diri secara simbolik. Dalam silat pengantin ini,
para pesilat akan berkelakuan seperti bersawai
dan mereka menggunakan kuasa psikik yang
mereka peroleh dengan menyentuh pasangan
pengantin. Pengantin lelaki dan pengantin
perempuan kemudian duduk bersanding di atas
pelamin yang disediakan untuk mereka seperti
"raja dan permaisuri" pada hari itu. Doa selamat
dibacakan untuk pasangan pengantin dan hi-
dangan pengantin kemudian diedarkan kepada
semua orang yang telah membantu menjayakan
hari perkahwinan itu.

Majlis perkahwinan ini diikuti dengan
persembahan tarian selama beberapa malam,
yang paling penting ialah tarian melenggok
atau tarian selendang yang biasanya ditarikan
oleh kaum lelaki. Ini diikuti dengan beberapa





Perakawan orang Melayu Cocos

upacara yang lebih kecil dan penuh emosi apabila pasangan pengantin diterima masuk ke dalam keluarga-keluarga baru mereka. Sebarang persekutuan atau dendam antara kedua-dua keluarga didedahkan secara terbuka dan diselesaikan. Pasangan pengantin kemudian akan tinggal dengan salah satu keluarga. Tidak ada peraturan yang tetap tentang dengan keluarga mana mereka harus tinggal – biasanya terpulang kepada kesesuaian pasangan berkenaan.

KEIBUBAAPAN DAN NAMA MELAYU

Orang Melayu Cocos diberikan hanya satu nama apabila mereka dilahirkan ke dunia. Nama ini diikuti dengan bin (bagi lelaki) atau binti (bagi perempuan) diikuti nama bapa mereka. Misalnya, Abdul bin Hanif ialah anak lelaki Hanif. Asmi binti Hanif ialah anak perempuan Hanif. Nama-nama yang diberi ini tidak bertukar apabila mereka berkahwin. Ini boleh menimbulkan sedikit kekeliruan apabila mereka ke tanah besar. Dalam contoh yang baru diberi ini, anak lelaki Hanif lebih suka dipanggil "Encik Abdul" dan isterinya, "Puan Abdul" dalam situasi Barat. Panggilan "Encik Hanif" sebenarnya merujuk bapa Abdul.

Setelah anak pertama mereka lahir, pasangan Melayu Cocos mendapat penghormatan dengan rujukan seperti "Mak" atau "Pak" diikuti nama bayi yang dilahirkan itu. Misalnya, selepas bayi yang dinamakan Abdul dilahirkan, ibu bapanya akan dikenali dalam komuniti itu sebagai "Mak dan Pak Abdul". Adalah tidak hormat lagi jika mereka dipanggil dengan nama mereka seperti semasa kanak-kanak dahulu. Nama itu hanya dikekalkan untuk tujuan undang-undang.

Perubahan nama seperti ini menandakan perubahan status dalam komuniti dan berlaku tanpa mengira jantina bayi yang berkenaan. Begitu juga, dengan kelahiran cucu pertama, perubahan nama dan status sekali lagi berlaku. Jika cucu pertama Mak dan Pak Abdul bernama Fatima, kedua-dua mereka akan menjadi "Nek Fatima" (lihat Apendiks).

Ibu bapa muda menerima banyak bantuan

daripada kehadiran datuk dan nenek dalam rumahtangga yang sama. Ini membenarkan mereka menyesuaikan diri secara beransur dengan peranan mereka yang baru, di bawah petunjuk ibu bapa atau saudara-mara mereka yang sudah mahir dalam hal ini. Dengan cara ini, adat resam yang berkaitan dengan kehamilan, kelahiran dan zaman bayi dengan mudah diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Begitu juga tidak pernah langsung berlaku kekurangan penjaga bayi yang sanggup menjaga kanak-kanak itu.

Kanak-kanak Melayu membesar dalam persekitaran sosial yang sangat selesa. Sentiasa ada seseorang yang akan menjaga keperluan mereka. Bayi tidak perlu menangis dengan lama. Mereka biasa dengan pelbagai orang yang mendukung dan melayan mereka. Mereka sentiasa menjadi tumpuan perhatian. Dunia mereka merupakan persekitaran yang selamat dari segi sosial dan fizikal.

Kanak-kanak di pulau-pulau ini cepat mempelajari tingkah laku sosial yang betul. Berjalan di hadapan seseorang tidak sopan jika anda boleh berjalan di belakangnya. Jika anda lalu di hadapan orang lain, anda mesti membongkokkan badan sedikit sebagai tanda hormat. Perbuatan memakan, memberi dan menerima dilakukan hanya dengan menggunakan tangan kanan. Jangan menuding ke arah orang; sebaliknya isyaratkan dengan menggunakan kepala. Jika berada di kalangan orang dewasa, anda harus berdiam sehingga mereka menegur anda.

USIA TUA DAN KEMATIAN

Orang-orang tua dan kedua keluarga diberikan penghormatan dalam komuniti Melayu Cocos dan menjadi kewajipan anak bongsu untuk bertanggungjawab secara langsung terhadap ibu bapa mereka yang sudah tua.

Orang tua yang tinggal bersama-sama keluarga muda memberikan sumbangan dalam banyak cara. Mereka memberikan bimbingan agama dan sosial dan juga memberikan sumbangan dari segi kebendaan dengan menangkap

ikan, memasak atau menjaga anak. Tiada tekanan sosial yang dikenakan terhadap mereka dan mereka hidup mengikut rentak mereka sendiri. Jika mereka sakit, isteri tuan rumah akan menjaga mereka dengan rapi.

Apabila berlaku sesuatu kematian dalam komuniti Melayu Cocos, semua kerja diberhentikan dan orang akan mengambil langkah-langkah untuk mengaturkan upacara pengebumiannya. Mayat dimandikan, dikafankan dan diletakkan di dalam rumah beberapa waktu supaya orang ramai dapat memberikan penghormatan yang terakhir. Doa dibacakan dan bunga-bunga ditaburkan di atas mayat. Mayat kemudian dikafankan dengan sembilan helai kain putih dan diletakkan di atas papan keranda yang diperbuat daripada buluh dengan kerangka yang melengkung daripada pelepah kelapa yang membentuk penutup papan keranda itu. Keseluruhan keranda ditutup dengan kain sarung yang pelbagai warna. Orang ramai mengiringi keluarga si mati ke tanah perkuburan. Empat orang mengangkat keranda dan orang yang kelima memegang payung putih yang kecil yang diperbuat daripada batang buluh menaungi keranda.

Mayat diturunkan perlahan-lahan ke dalam lubang kubur yang dalam yang mengarah utara-selatan. Mayat dibaringkan mengiring dalam lahad yang telah digali. Badan diletakkan supaya menghadap kiblat. Ia disendal dengan kepala pasir dan pintu lahad ditutup dengan papan. Liang kubur diisi dengan tanah, dan papan atau konkrit berbentuk empat segi tepat diletakkan di atas. Di bahagian kepala dan kaki diletakkan batu nisan; bentuk nisan menjadi tanda sama ada yang meninggal dunia itu lelaki atau perempuan. Nama si mati diukir pada batu nisan dalam tulisan Jawi. Payung, keranda dan beberapa barang peribadi ditinggalkan di sisi kubur. Sedikit kain putih akan dikoyak-koyakkan menjadi cebisan untuk diikatkan pada pergelangan tangan kanan mereka yang berkabung. Dipercayai bahawa kain ini akan beransur reput dan gugur, begitu juga dengan kesedihan si pemakainya.

Upacara mengingati si mati berterusan selama tujuh hari di rumahnya selepas kematiannya. Seterusnya keluarga berkenaan akan membuat kenduri selepas hari ke-40 dan ke-100. Upacara tahunan dijalankan setiap tahun selama dua tahun dan kenduri yang terakhir diadakan selepas 1000 hari. Merujuk secara langsung sesuatu kematian yang baru berlaku dianggap tidak sopan. Malah setelah beberapa lama sekalipun, sebagaimana dalam bahasa Inggeris, seseorang biasanya tidak dikatakan sudah "mati", tetapi dikatakan telah "meninggal dunia".

UPACARA KELUARGA

Di sepanjang tahun kenduri doa selamat kerap diadakan di rumah-rumah dalam kampung bagi pelbagai upacara kekeluargaan yang kecil. Ini termasuklah menamakan bayi, masuk rumah, menyambut, berpisah, melancarkan bot, kenduri arwah, berkhata, dan sambutan kekeluargaan yang lain untuk mendapatkan rahmat Tuhan. Hari jadi seseorang bukan suatu peristiwa besar dan sambutannya sekali-sekala ialah suatu perkembangan yang baru.

Apabila majlis doa selamat diadakan, semua perabot akan dikeluarkan dari ruang tamu rumah, dan sehelai hamparan dihamparkan untuk menutup lantai. Imam dalam keluarga dan ahli jawatankuasa masjidnya akan sampai dengan berpakaian sembahyang dan duduk bersila di sekeliling ruang tamu. Imam akan membacakan doa sambil membakar kemenyan dalam bekas membakar kemenyan. Makanan akan dihidangkan di tengah ruang tamu dan kemudian diedarkan kepada semua yang hadir. Biasanya tuan rumah akan memaklumkan tujuan majlis diadakan dan menyebut nama-nama kawan dan saudara-mara yang ingin dimasukkan dalam doa selamat berkenaan. Kesemua ini dilaksanakan oleh orang lelaki dan orang perempuan kebanyakannya membantu di belakang.

Makanan mungkin juga diberikan kepada ahli jawatankuasa masjid dan tetamu undangan yang lain. Makanan ini akan disaji di atas meja panjang dan para jemputan akan mengambil





Berdoa di kubur

sendiri makanan. Minuman akan dihidangkan kepada tetamu oleh rakan-rakan dan saudarama yang lebih muda di dalam rumah berkenaan.

BERPUASA DAN PERAYAAN HARI RAYA

Perayaan tahunan yang paling meriah bagi komuniti Melayu Cocos ialah Hari Raya Puasa, hari yang menandakan berakhirnya bulan puasa dalam Islam iaitu Ramadan. Ibadat puasa dilakukan pada bulan kesembilan mengikut kalendar Islam bagiingati masa kitab suci al-Quran pertama kali diwahyukan kepada Nabi Muhammad (s.a.w.). Oleh sebab kalendar Islam 10 atau 11 hari lebih pendek daripada kalendar Masihi, bulan puasa datang lebih awal sedikit pada setiap tahun. Sesungguhnya dalam masa 32 tahun setengah, ia bergerak merentasi kalendar Masihi dan berlaku pada setiap musim.

Semakin dekat masuknya bulan puasa, semakin kerap rombongan yang memerhatikan timbulnya anak bulan. Apabila anak bulan dapat dilihat, bermulalah bulan puasa. Sering kali imam dan ahli jawatankuasanya akan mula berpuasa sehari sebelum jamaah mereka supaya mereka sempat mengatur perayaan sambutan oleh seluruh masyarakat.

Berpuasa dalam Islam bermakna tidak boleh makan, minum, merokok atau mengadakan hubungan seks pada waktu siang. Kanak-kanak yang berumur tujuh tahun ke atas digalakkan berpuasa setengah hari, dan menambahkan jumlah jam mereka berpuasa semakin usia mereka meningkat. Berpuasa tidak diwajibkan kepada orang yang sakit atau orang yang sangat tua. Orang perempuan yang sedang haid, sedang menyusukan anak atau datang haid tidak diwajibkan berpuasa. Kecualian juga diberikan kepada askar dan pengembara, tetapi mana-mana hari yang mereka tidak berpuasa mesti diganti kemudian.

Para penganut Islam mempercayai bahawa kawalan diri yang dipelajari melalui berpuasa ini membantu mereka mengawal nafsu dan kepen-


tingan diri. Ia juga mewujudkan kesedaran akan kesusahan orang yang miskin dan bertindak sebagai perangsang untuk membuat kebajikan. Oleh sebab semua orang Islam di dunia berpuasa bersama-sama pada bulan Ramadan, pengalaman ini membantu mengukuhkan lagi perasaan ikatan kepada komuniti yang lebih luas.

Orang Melayu Cocos mula berpuasa kira-kira pada pukul lima pagi dan membuka puasa lebih kurang selepas pukul enam setiap malam. Setiap malam akan diadakan majlis mengaji al-Quran di masjid sebelum menunaikan sembahyang biasa. Sembahyang ini kemudian akan diulang sebanyak 23 kali (sembahyang tarawih). Kebanyakan orang lelaki dan banyak orang perempuan berusaha bersembahyang jemaah di masjid pada bulan ini daripada bersembahyang di rumah mereka masing-masing.

Pada malam ke-16 satu perayaan diadakan yang dikenali sebagai "malam ketupat". Malam ini merupakan malam bulan penuh. Dua jenis ketupat dimasak untuk malam ini. Ketupat ini sentiasa dihidangkan dengan dibelah dua untuk menandakan titik pertengahan dalam bulan berkenaan. Pada malam ke-21, malam pasung dirayakan. Makanan yang disediakan untuk malam ini ialah kuih pasung yang hanya dibuat pada hari ini sahaja dalam setahun. Kuih pasung merupakan satu campuran manis dan berlekit yang dihidangkan di dalam pembalut daun pisang berbentuk kun: bentuk ini menandakan bulan yang semakin "turun". Selepas malam ini, pelita akan dinyalakan di luar setiap rumah dan orang ramai akan ke rumah imam untuk membayar zakat fitrah. Zakat fitrah ini ialah sejumlah beras yang berbeza-beza banyaknya mengikut saiz setiap keluarga. Pada hari ke-29 kumpulan imam telah melengkapkan puasa mereka dan sibuk menyembelih ayam yang akan dimasak untuk perayaan pada hari esoknya.

Hari terakhir berpuasa tiba dan upacara sedekah diadakan di setiap rumah tiga orang imam, iaitu mengagih-agihkan beras yang

Tabuh masjid dipukul setiap malam pada
bulan puasa



disedekahkan itu. Dari sini imam dan pembantu mereka pergi ke setiap rumah dan mengadakan satu upacara khas yang dikenali sebagai *kondangan*. Dalam upacara ini ketua setiap keluarga menyambut rombongan yang datang dan menyebut nama semua ahli keluarga dan saudara-mara yang ingin dimasukkan dalam doa selamat yang akan diadakan. Banyak makanan dimasak, dihidangkan dan dibacakan doa lalu disedekahkan daripada setiap rumah. Upacara ini diadakan di sepanjang waktu tengah hari.

Apabila malam tiba, kegembiraan jelas kelihatan apabila sambutan Hari Raya bermula. Malam pertama bulan baru ini dikenali sebagai malam takbir. Juzuk terakhir al-Quran dibaca, ceramah diberikan, tahun itu dihisab, doa kesyukuran diadakan, sedekah diberikan kepada masjid dan puasa secara rasminya diumumkan tamat. Kemudian suasana diikuti dengan paluan beduk dan bertakbir yang diteruskan hingga

subuh. Orang ramai berpakaian cantik, berjalan di sekeliling kampung menziarahi rumah rakan-rakan sepanjang malam. Sembahyang subuh didirikan dan kemudian diikuti dengan suasana sedih apabila setiap ahli jemaah memohon ampun dan maaf daripada ahli yang lain atas sebarang salah faham atau kesilapan penbadi yang berlaku sepanjang tahun. Mereka kemudian menziarahi masjid lain dan suasana yang sama juga berlaku di sana.

Sejurus selepas subuh seluruh komuniti akan ke tanah perkuburan; mereka membersihkan kubur dan membaca doa untuk kaum keluarga yang telah meninggal dunia. Mereka yang kuburnya telah hilang dalam peredaran masa tidak dilupakan kerana doa dan kenduri diadakan untuk mereka di gigi air.

Upacara kondangan, diadakan pada petang sebelum Hari Raya



Di kampung, makan tengah hari yang lumayan disediakan untuk kawan-kawan dan kaum keluarga yang telah diundang ke setiap rumah. Banyak orang menerima beberapa jemputan dan oleh itu akan menjamah sedikit sahaja makanan di setiap buah rumah. Mereka bertukar-tukar hadiah dan kanak-kanak berasa sangat gembira. Semua keluarga Cocos menikmati cuti selama seminggu pada masa ini. Pertandingan belayar dan sukan dengan hadiah yang lumayan diadakan setiap hari dan satu malam tari-menari yang meriah biasanya diatukan. Seluruh minggu ini dirayakan dengan begitu meriah. Sekarang ini sambutan hari raya sudah menjadi masa yang paling digemari dalam sesuatu tahun bagi saudara-mara dari tanah


Pagi Hari Raya — setelah beribadat sepanjang malam, mereka bernaaf-maafan dalam suasana yang sungguh emosi


besar melawat Cocos dan banyak hubungan persahabatan yang telah lama terputus dijalin semula.

PERAYAAN LAIN

Terdapat dua lagi hari yang disambut secara besar-besaran di Cocos mengikut kalendar Islam, iaitu Hari Raya Haji dan Hari Maulud Nabi.

Hari Raya Haji ialah hari kesepuluh dalam bulan Islam yang ke-12: bulan menunaikan haji ke Makkah. Semua orang Islam berniat untuk mengerjakan haji ke bandar yang suci ini pada suatu masa dalam hidup mereka. Pada tahun 1986 satu-satunya kumpulan pertama orang Cocos yang terdiri daripada tiga pasang suami isteri telah membuat perjalanan yang bersejarah ke Arab Saudi untuk memenuhi kewajipan ini. Pada Hari Raya Haji setiap tahun sembahyang





Jukung disediakan untuk menghadapi perlumbaan selama seminggu pada masa Hari Raya





Minggu Hari Raya dipenuhi dengan aktiviti sukan dan pertandingan sukan yang baru

khas diadakan di masjid-masjid pada sebelah pagi.

Hari Maulud Nabi, hari ulang tahun kelahiran Nabi Muhammad (s.a.w.), jatuh pada hari ke-12 bulan Islam yang ketiga. Masjid-masjid dihiasi dengan indah dan biasanya diaturkan satu perarakan kecil; orang yang berarak ini berselawat dan berarak dengan membawa sepanduk yang ditulis dengan doa dalam tulisan Jawi.

DUNIA SEMANGAT

Apabila orang Melayu Cocos semakin kuat berpegang pada agama Islam, pengalaman dan kesedaran mereka tentang dunia semangat mula

lenyap. Walau bagaimanapun, masih terdapat individu yang mengakui adanya dan takut kepada kuasa luar biasa. Seperti orang Melayu di tempat lain, ada kepercayaan terhadap semangat yang dimiliki oleh semua benda di dunia ini, sama ada yang hidup, mati, binatang atau bukan binatang. Setiap kepala manusia menjadi fokus semangatnya, jadi tidak wajar dari segi sosial meletakkan tangan di atas kepala mana-mana orang Melayu.

Setiap rumah mempunyai penunggu yang menjaganya. Setiap ciri muka bumi yang penting atau pokok yang besar mempunyai penunggu yang serupa. Di samping kuasa yang mengawal ini, penduduk Pulau Home juga mengakui kehadiran unsur jahat. Setengah-setengah orang akan memakai tangkal yang mengandungi doa, daun narwatu dan bahan lain yang berbau wangi di leher mereka untuk mengelakkan



Menonton acara sukan pada masa Hari Raya

pengaruh jahat. Rambut dan kuku yang baru dipotong biasanya ditanam atau dibakar untuk mengelakkan orang lain menggunakannya bagi menyeru kuasa jahat menentang pemiliknya.

Seseorang yang hilang atau meninggal dunia tanpa *air jalan* (upacara terakhir) yang diamalkan oleh orang Islam di Cocos dipercayai tidak akan tenang. Roh (*siluman*) yang hilang ini dikatakan merayau-rayau dan dari semasa ke semasa dapat dilihat oleh ahli-ahli dalam komuniti itu. Mereka tidak bermaksud untuk menyakiti sesiapa. Walau bagaimanapun terdapat beberapa jenis roh yang memang jahat, dan seseorang yang ternampak salah satu daripadanya mungkin kena sawan dan perlu dipulihkan secara ritual. Kebanyakan kejadian nampak roh dikaitkan dengan mereka yang bersendirian, berada di tempat gelap, dan waktu malam. Oleh sebab itu orang Melayu akan

sentiasa membawa parang apabila mereka ke pulau-pulau yang tidak didiami. Tidak ramai yang suka berjalan di luar pada waktu malam dan beberapa buah keluarga tidur dengan lampu yang menyala. Mereka tidak pernah berminat untuk bekerja seorang diri, terutama pada waktu malam. Segelintir sahaja di kalangan mereka yang pernah pergi berdekatan dengan tanah perkuburan selain pada waktu sesuatu upacara.

Beberapa orang individu tertentu dikatakan mempunyai kuasa terhadap dunia semangat. Mereka ini dinamakan dukun. Setengah-setengahnya dapat menguasai kuasa jahat, sesetengah menguasai kuasa yang menentang kejahatan. Jika seseorang mempercayai bahawa dia dipengaruhi oleh kuasa jahat atau telah menemui bukti bahawa seseorang sedang berusaha untuk melemahkannya, dia akan meminta pertolongan dukun. Mereka yang dapat menyeru kuasa jahat mengakui membuat orang jatuh sakit atau telah menyebabkan mangsanya berasa sakit yang



Maulud Nabi, hari keputeraan Nabi Muhammad

ganjil di bahagian belakang atau di perutnya. Di samping mereka yang dapat menyembuhkan penyakit dan mereka yang melaksanakan pengaruh jahat, terdapat juga dukun yang berkebolehan mengetahui apa yang sedang berlaku di tempat lain, *bidan*, *bengkung* (tukang khatan atau tuk mudim) dan mereka yang mengamalkan "magis yang baik".

Ciri-ciri roh yang diakui oleh orang Melayu Cocos mempunyai persamaan dengan yang diakui oleh orang Melayu di dunia yang lebih luas, misalnya hantu perempuan *shir*, *jin*, *langsuay*, *kelapa keramat*, dan pokok berpuaka.

Biasanya rasukan semangat berlaku berikutan suatu kejutan atau terperanjat yang berkembang menjadi satu bentuk histeria. Histeria yang membuat tuli, perubahan suara serta-merta, meracau, dan bayangan orang yang telah meninggal dunia semua boleh berlaku. Walau bagaimanapun, kejadian seperti ini jarang lagi berlaku di Cocos – hakikat bahawa penduduk di situ semakin kukuh dengan agama Islam.

BAHASA MELAYU COCOS

Dialek Melayu yang dituturkan oleh orang Melayu Cocos merupakan bahasa lisan yang tidak canggih. Dialek ini mengandungi kata-kata yang mencerminkan kepelbagaian asal usul orang Melayu Cocos dan sejarah hubungan

mereka dengan orang luar yang jarang berlaku. Banyak perkataan dan frasa mencerminkan bahasa Melayu pada akhir abad lalu yang digunakan untuk berdagang, perkataan menyum-

pah yang berasal dari gugusan pulau yang luas di Hindia Timur dan perkataan teknikal yang memperlihatkan hubungan yang erat dengan mandur yang bertutur dalam bahasa Inggeris.



Dua watak wayang kulit yang digunakan dalam drama tradisi orang Melayu Cocos (lisan: Muzium Cocos).

Tidak ramai yang bersekolah pada zaman estet dulu, jadi hanya segelintir sahaja di kalangan mereka yang berpeluang membaca atau menulis bahasa ibunda mereka. Tiada rekod tentang cara bagaimana bahasa itu telah mengalami perubahan sejak zaman awal petempatan. Setengah-setengah buruh kontrak dikatakan bertutur dalam bahasa Jawa dan amat sukar difahami. Untuk keperluan, interpretasi moden diberikan dalam bahasa Indonesia/Malaysia dengan beberapa penyesuaian dengan penggunaan tempatan.

Pola intonasi bahasa Melayu Cocos agak berbeza daripada bahasa Indonesia. Huruf "r" tidak digetarkan dengan kuat dan banyak perkataan merupakan penyesuaian tempatan dengan perkataan Melayu dan Inggeris. Kadang-kadang sebutan berbeza sedikit antara penutur dan jarang dibetulkan. Dalam perbualan biasa, perkataan sering disebut secara ringkas dan ayat-ayat tergantung. Perkataan dan frasa yang penting dibalas semula kepada penutur oleh pendengar.

Menarik diperhatikan bahawa dalam pantun Melayu tradisi yang telah diwarisi dari generasi ke generasi, seseorang akan menemui perkataan yang tidak digunakan sehari-hari. Kebanyakan pantun ini tentang percintaan. Setiap rangkap bermula dengan dua baris yang berfungsi terutamanya untuk menimbulkan bayangan maksud. Baris ketiga dan keempat dalam pantun membawa mesej yang sebenar dan mungkin mempunyai hubungan yang tersembunyi dengan baris pertama dan kedua. Pantun masih dapat didengar pada malam tarian *seylong* di sepanjang minggu berikutan sesuatu upacara perkahwinan. Penari-penari akan berpantun dengan pasangan mereka. Kadang-kadang satu pertandingan antara mereka akan berkembang dari sini.

*Kalau ada sumur di ladang,
Boleh saya menumpang mandi;
Kalau ada umur panjang,
Boleh kita berjumpa lagi.*

*Langit tinggi mana tangganya?
Pintu syurga mana kuncinya?
Sunting dunia kita berdua,
Bercerai hidup sakit rasanya.*

*Lengkuas hidup lengkuas mati,
Melati kudup di tengah padang;
Bercerai mati puas di hati,
Bercerai hidup mata memandang.*

*Kapal Bugis memuat cita,
Sudah sarat berlenggang lagi;
Habis budi habis cinta,
Jangan diharap digendang lagi.*

*Jalan-jalan sepanjang jalan,
Air di pancur sunyinya dalam;
Dari dipandang baiklah jangan,
Bikin hancur hati di dalam.*

MENANGKAP IKAN DAN JENIS MAKANAN

Dua makanan utama orang Melayu Cocos ialah ikan dan nasi. Sehingga baru-baru ini ikan, dan dari semasa ke semasa hanya burung laut dan ayam merupakan sumber protein binatang dalam pemakanan orang pulau ini. Walaupun mereka mudah memperoleh semua jenis daging, orang Melayu Cocos masih memakan ikan tempatan dengan banyaknya.

Kaedah menangkap ikan yang paling biasa ialah memancing, dengan menggunakan ketam atau kerang-kerang sebagai umpan. Ikan yang ditangkap dengan cara ini termasuklah bayan-belodok karang (*parrot-wrasse*), *sea-perch*, dan jenahar (*snapper*). Kesemua ikan ini terdapat dalam lagun di kawasan yang mempunyai tompokan batu karang yang dikelilingi oleh tanah.

Kaedah menunda digunakan di perairan lagun yang lebih dalam dan agak di luar sedikit daripada Pelabuhan Refuge. Ikan terbang atau ikan landak berkilat (*metallic spinner*) digunakan sebagai umpan. Kaedah ini lebih banyak bergantung pada nasib, tetapi hasilnya termasuk ikan layar yang besar, barakuda atau tuna.

Dua jenis pukat digunakan di pulau-pulau ini, pukat jaring dan jala. Pukat jaring kira-kira dua meter tinggi dan 40 meter panjang. Ia mempunyai apungan di sepanjang bahagian atasnya dan ladung di bahagian bawahnya. Pukat ini digunakan di beting pasang surut lagun selatan dan diregangkan antara dua bot. Bot-bot lain akan mengiring mana-mana kumpulan ikan ke arah jaring yang akan dengan cepat melingkungi ikan-ikan itu. Apabila pukat tadi hampir tertancup nelayan akan melompat ke dalamnya dan menangkap ikan-ikan yang terjatuh pada jaring dengan tangan.

Jala pula digunakan di kawasan beting terumbu dan di lagun di mana kumpulan ikan kecil sangat dilihat dengan jelas. Ikan-ikan kecil ini sering menjadi umpan bagi ikan yang lebih besar.

Kaedah menombak juga digunakan di

kawasan luar terumbu dengan kadar ketepatan yang tinggi. Sasaran utama ialah kumpulan ikan di batu karang yang leka mencari makan. Malangnya kemahiran ini semakin pupus dengan adanya bot laju dan senapang panah.

Udang air tawar begitu gemar dicari di sepanjang terumbu pada waktu malam dan ketam lumpur yang besar dapat ditangkap dari dataran lagun yang berlumpur pada masa air surut. Sotong kurita, sotong, kepah, sejenis siput turbo dan lokan yang amat digemari kesemuanya dikumpulkan oleh kumpulan keluarga apabila air surut. Malah ikan buntal yang beracun, dimasak dengan amat berhati-hati dan dimakan dengan nikmatnya.

Kebanyakan ikan di Cocos digoreng, walaupun setengah-setengahnya direbus dan ada yang dimasak kari. Beberapa jenis sambal ikan sangat digemari dan dibuat dengan menumbuk ikan kering dan rempah.

Padi tidak dapat ditanam di Cocos; ia memang sentiasa diimport. Walaupun roti semakin banyak dimakan di kalangan keluarga Melayu, masih dirasakan bahawa pada setiap hari sekurang-kurangnya perlu disajikan satu hidangan nasi dan ikan. Ikan yang telah disiang dan dibekukan dibawa ke tanah besar hampir setiap minggu oleh orang Melayu Cocos yang bercuti sebagai buah tangan untuk saudara-mara. Orang di tanah besar, sebaliknya, memberikan berkotak-kotak buah-buahan kepada tetamu mereka yang datang dari pulau untuk dibawa pulang. Pertukaran buah bagi ikan pada zaman moden ini memperlihatkan sistem barter yang berlaku sehingga tahun 1978 antara penduduk Pulau Home dengan penduduk Pulau Barat dan Arah. Pada masa itu mereka menghadapi risiko dikenakan denda yang banyak oleh pihak estet. Hari ini satu-satunya kesulitan adalah kelebihan berat barang yang dibawa itu!

Pada kebanyakan masa makan, orang lelaki yang lebih tua dan mana-mana tetamu akan makan terlebih dahulu. Sepinggian nasi akan dihidangkan untuk setiap orang daripada mereka dan mereka sendiri akan mengambil lauk lain yang dihidangkan di hadapan mereka. Ikan,

sambal dan beberapa pilihan lauk lain akan dihidangkan pada setiap masa makan. Orang Melayu Cocos gemar menggunakan rempah dalam kebanyakan makanan mereka. Biasanya mereka makan dengan menggunakan jari tangan kanan, dan dengan berhati-hati memastikan makanan tidak melampaui ruas kedua setiap jari.

Ahli perempuan dalam rumah akan menghidangkan air minuman untuk tetamu dan akan kemudiannya ke dapur untuk makan, manakala suami mereka melayani tetamu. Majlis sosial yang besar mungkin memerlukan tiga atau lebih hidangan. Masa makan keluarga merupakan acara harian yang lebih sederhana dan semua anggota keluarga biasanya akan duduk bersama-sama di sebuah meja.

Pada hari ini, makanan orang Melayu Cocos termasuk menghidangkan beberapa jenis buah-buahan dan sayur-sayuran. Jenis makanan juga memperlihatkan semakin banyak pengaruh dari Malaysia dan Singapura. Mereka yang pulang dari sana dan saudara-mara telah memperkenalkan beberapa jenis makanan baru dalam pemakanan orang Cocos, yang paling terkenal ialah mi goreng dan sate dengan kuah sambalnya yang manis. Walaupun masih konservatif dari segi makanan, orang Melayu Cocos sedang beransur-ansur mencuba makanan baru dan perlahan-lahan menambahkannya dalam hidangan makanan harian mereka.

PERUMAHAN

Reka bentuk rumah di Pulau Home telah berubah dengan begitu hebat sejak akhir-akhir ini. Keluarga di sini kini menikmati perumahan yang berkualiti tinggi sama seperti yang terdapat di tanah besar dengan bekalan elektrik serta bekalan air sejuk dan air panas. Sehingga 1983 komuniti di Pulau Home tidak mempunyai sistem pembetungan atau bekalan air yang tidak putus. Sistem air panas solar telah diperkenalkan pada tahun 1987.

Sehingga tahun 1950-an rumah-rumah kampung berorientasi utara-selatan dan dibina dengan menggunakan bahan binaan tempatan.

Rumah-rumah ini dibina di atas tiang-tiang pendek. Dindingnya diperbuat daripada sejenis rotan, yang diperolehi daripada batang pelepah kelapa, rangkanya diperbuat daripada kayu keras tempatan dan bumbungnya daripada atap. Bentuk rumah ini secara kasarnya empat persegi dan dibahagikan kepada tiga bilik; satu ruang tamu dan dua bilik tidur. Tilam diperbuat daripada kain kasar yang diisikan dengan kain buruk dan rumput kering. Kekabu dapat dibeli di kedai, tetapi harganya mahal, jadi bantal sering diisikan dengan rumput laut yang kering. Bagi keluarga besar, anggotanya tidur di setiap bilik termasuk di dapur. Walau bagaimanapun, mengikut adat tempatan, tiada siapa yang akan tidur dengan kepalanya menghadap utara sehinggalah ke hari ini – oleh sebab kedudukan ini hanyalah untuk orang yang meninggal dunia.

Rumah berbumbung atap ini digantikan dengan rumah batu berorientasi timur-barat pada tahun 1950-an. Dindingnya dibentuk dalam acuan yang besar dan reka bentuknya sama dengan model rumah atap yang awal. Dapur, pondok stor dan tempat membasuh diperbuat daripada papan dan dibina berasingan di belakang rumah induk, seperti pada masa dahulu. Air untuk kegunaan rumahtangga divedok dengan tangan dari perigi di belakang rumah sehinggalah pada tahun 1980-an.

Reka bentuk rumah sekarang telah dibina hasil daripada kaji selidik yang tuntas tentang pola cara hidup keluarga dan keperluan komuniti. Program pembinaan semula dijalankan oleh penduduk pulau-pulau ini sendiri, dan dibantu dengan banyak dari segi kewangan oleh Kerajaan Australia sebagai menunaikan sebahagian janji untuk meningkatkan perkhidmatan komuniti di Pulau Home supaya setaraf dengan di tanah besar.

KETUKANGAN ORANG MELAYU COCOS

Ketukangan dalam mana-mana komuniti berkisar di sekitar wujudnya sumber alam semula jadi. Hasil keluaran pokok kelapa yang banyak dan



Menganyam bakul daripada pelepah kelapa

kayu keras yang cantik daripada pokok *ironwood* merupakan bahan mentah yang utama dalam seni ketukangan di Cocos. Yang sedihnya, pokok *ironwood* telah ditebang dengan rakusnya selama 40 tahun yang lalu dan semakin sukar diperolehi.

Pada tahun-tahun awal petempatan, orang Melayu Cocos membina perahu yang dikorek daripada pokok-pokok tempatan yang besar (*hemania peltata*). Perahu jenis ini tidak mempunyai pendayung yang tercantum dengannya; ia digunakan terutamanya untuk memancing di lagun. Beberapa buah perahu mempunyai kain layar, tetapi kebanyakannya didayung. Joshua Slocum yang melawat pulau-pulau ini pada tahun 1897, telah menerangkan perahu-perahu ini sebagai suatu "reka bentuk yang indah" dan memperlihatkan kemahiran ketukangan yang terbaik yang pernah dilihatnya dalam pelayarannya. Malangnya, perahu layar ini tidak lagi digunakan dari tahun 1920-an.


Mana-mana perahu kecil yang dibina untuk kegunaan di perairan Cocos mestilah dapat bertahan dengan cin-cin luar biasa di lagun. Air lagun agak berombak dan beralun di bahagian tengah dan utara, tetapi di bahagian selatan agak cetek.

Reka bentuk perahu layar orang Melayu pada hari ini merupakan hasil akhir daripada penyesuaian yang dilakukan selama beberapa generasi oleh orang Scot dan Melayu. Bahagian

dasar perahu lebar dan mempunyai lunas yang berukuran kira-kira 150 mm. Ini membolehkan perahu menyendeng dengan banyak di air cetek namun mempunyai rangka yang cukup untuk mengharung di perairan tengah lagun yang berombak. Terdapat dua model asas perahu layar: yang bahagian tepinya lurus dan yang bahagian tepinya membulat. Setiap satu dibina dalam pelbagai saiz dan semuanya dikemudikan dengan kemudi dan talian. Setiap satu mempunyai satu tiang dengan dua layar, satu layar cucur dan satu layar agung. Layar pinggir dan jongor boleh juga digunakan dengan berkesan dalam perlumbaan.

Kebanyakan perahu ini dibina di woksop estet oleh sekumpulan empat orang lelaki yang bekerja terus-menerus selama sebulan untuk membina sebuah perahu. Kebanyakan kayu yang digunakan diimport dari Jawa. Individu juga boleh membina perahu secara perseorangan pada masa lapang mereka dengan menggunakan kayu tempatan, tetapi cara ini memakan masa sembilan bulan. Banyak perahu yang tepinya membulat yang dapat dilihat pada hari ini dibina secara perseorangan. Perahu layar yang terakhir dibina pada akhir tahun 1970-an. Sejak itu, bot

Reka bentuk rumah tahun 1980-an dan 1950-an



bermotor daripada aluminium terbukti lebih digemari di kalangan generasi yang lebih muda. Mana-mana perahu layar kecil yang dilihat di lagun pada hari ini berkemungkinan dikemudi oleh orang tua, yang keluar menangkap ikan untuk anak-anaknya. Perahu layar yang lebih besar dibawa berlumba sekurang-kurangnya sekali dalam setahun – pada masa cuti perayaan Hari Raya selama seminggu itu. Kumpulan yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan pengalaman memasuki pertandingan mengharungi lagun yang perjalanannya sukar, untuk memenangi hadiah-hadiah berbentuk wang yang lumayan.

Kayu pokok *ironwood* yang keras dan urat kayunya yang sangat rapat sekarang digunakan untuk mengukir bentuk *angelfish*, ikan yu dan model perahu layar untuk dijual. Cenderamata yang diukir dengan begitu halus ini dapat dijual dengan mahal dan amat diingini oleh orang Australia yang tinggal di tanah besar.

Pokok kelapa menyediakan bahan mentah pelbagai guna bagi kegunaan tukang dan anggota keluarga. Pelepahnya boleh dianyam dengan cepat menjadi bakul lurus untuk membara ikan. Tulang keras pelepah kelapa boleh disiat dan dikeringkan dan digunakan sebagai rotan untuk membuat bakul berbentuk kun, bulat dan berbentuk seperti pencedok. Rotan yang lebih tebal pernah digunakan untuk membuat dinding rumah tradisi. Pelepah kelapa yang baru ditebang digunakan untuk membuat bumbung rumah. Pelepah ini juga boleh dipintal dan diikat menjadi tali. Lidi daripada pelepah kelapa masih dikumpulkan dan dijadikan penyapu. Daun baru yang lembut boleh dianyam menjadi bentuk empat segi dan diisikan dengan beras. Setelah dimasak bahan makanan ini dinamakan ketupat. Umbut kelapa boleh dijadikan bahan makanan yang sangat enak. Bunga kelapa yang muda boleh dimakan, atau ia boleh diikat dan dipotong semasa masih lembut untuk mendapatkan gulanya yang pekat dan hitam. Kelapa itu sendiri mempunyai sabut yang kasar untuk digunakan sebagai bahan api, isi untuk dimakan atau untuk pengeluaran kopra, dan air untuk

diminum. Tempurungnya boleh diukir dan dibuat senduk serta hiasan, atau diguna sebagai bahan api. Batang pokok kelapa pernah suatu masa dahulu digunakan dalam kerja-kerja binaan dan membuat perabot; akarnya, dengan pelbagai kaedah rawatan, boleh menjadi bahan pewarna yang sangat berkesan, tembakau dan serbuk teh. Kelapa yang baru bercambah mengandungi tombong di tengah yang lembut dan manis seperti buah epal kering dan tunasnya boleh dijadikan bahan kudapan yang rangup.

Minyak kelapa boleh digunakan untuk membuat sabun. Minyak dididihkan dalam campuran abu pelepah kelapa dan air perigi. Busa bersabun itu divedok dan dibiarkan mengeras dalam bekas yang rata. Ia kemudian dipotong menjadi ketulan kecil. Campuran di bawah busa tadi juga mempunyai bahan penyuci dan digunakan oleh kaum perempuan yang datang haid apabila mereka mencuci rambut. Sedikit bahan ini juga digunakan semasa memandikan mayat sebelum dikebumikan.

Pada tahun 1985 ketukangan batik Asia telah diperkenalkan di Cocos. Kemahiran para pekerja ini sejak itu telah berkembang begitu pesat hinggalah batik Cocos menjadi semakin terkenal di Australia. Reka corak dan warnanya yang meriah mencerminkan persekitaran dan hidupan laut pulau-pulau ini. Penduduk pulau-pulau ini merupakan tukang kayu dan tukang membuat kabinet yang sangat mahir, dan rumah-rumah baru di Pulau Home adalah contoh terbaik bagi mutu hasil kerja mereka yang begitu teliti dan halus.

KERAJAAN TEMPATAN

Kerajaan tempatan di Wilayah ini dikendalikan oleh majlis tujuh orang anggota yang dilantik daripada kalangan komuniti Pulau Home. Majlis ini mempunyai tanggungjawab yang besar di pulau-pulau ini. Ini termasuklah pengurusan tanah, kebajikan komuniti, pemeliharaan, perumahan, pergerakan lalu lintas kenderaan dan peruntukan perkhidmatan asas.

Kepentingan perniagaan komuniti dijaga



Nek Renja, identiti Cocos, berjalan dalam kampung di Pulau Home, 1945 (Ihsan: A. de Groot, U.K.)

oleh persatuan koperatif yang mempunyai lembaga pengurus yang terdiri daripada laman orang anggota yang dilantik oleh ahli persatuan. Koperatif ini mengawal dua buah kedai, sebuah mes dan hostel pekerja bujang, perkhidmatan memungkah kapal dan tenaga buruh yang besar. Baru-baru ini hostel koperatif telah dipertingkatkan untuk kegunaan bilangan pelancong yang kecil. Ahli koperatif menerima upah yang kurang, tetapi mereka tidak dikenakan bayaran bagi banyak perkhidmatan komuniti. Setiap tahun keuntungan persatuan ini dibahagi-bahagikan kepada ahli-ahlinya dalam bentuk dividen.

Perlantikan dalam majlis dan koperatif ini dilaksanakan melalui pengundian rahsia yang menggunakan kertas undi dengan gambar setiap calon. Para pengundi, kebanyakannya buta huruf, diminta melekatkan pekat berwarna di sebelah gambar calon yang ingin diundi mereka. Jawatankuasa yang dilantik tadi berhubung erat dengan Pentadbir Pulau berkenaan dengan semua isu yang penting di Wilayah.

Membuat keputusan masih dilakukan mengikut cara orang Melayu lama. Perbincangan yang lama mula-mula diadakan di bilik mesyuarat majlis dan kemudian diteruskan di rumah-rumah jiran dan kawan-kawan. Di sini, orang-orang yang lebih tua dalam keluarga dan orang perempuan boleh menjadi pengaruh yang kuat dari belakang terhadap mereka yang dilantik untuk membuat keputusan. Isu-isu diperkatakan berulang kali sehingga komuniti mencapai muafakat tentang cara yang dipilih untuk diikuti. Sejak kebelakangan ini, para pemimpin komuniti Cocos memperlihatkan kebolehan dan visi yang jauh sambil mereka beransur-ansur membawa komuniti mereka ke arah lebih dipercayai diri sendiri dan lebih mampu diri di pulau-pulau ini pada masa hadapan.

PANDANGAN DUNIA

Masyarakat Melayu Cocos merupakan dunia sosial yang mampu diri dan kurang berhubung dengan dunia luar. Prinsip dasar yang terlibat dalam setiap hubungan antara manusia ialah

keharmonian sosial yang terus dikekalkan. Sebagai individu, orang Melayu Cocos gemar menyenangkan hati orang dan mendapati sukar untuk berkata "tidak". Mereka cenderung memberitahu orang luar apa yang mereka rasakan orang itu ingin dengar. Penduduk pulau ini jarang bercakap secara terus dengan orang baru atau berhadapan dengan orang yang bermusuhan dengan mereka. Hubungan ini akan dilakukan dengan bantuan orang tengah, dan ini memberikan ruang kepada semua yang terlibat untuk mengatur langkah.

Mereka tidak menunjukkan kemarahan, ketidaksabaran, emosi yang kuat, dan tidak bercakap dengan suara yang kuat. Pandangan peribadi, walau bagaimana kuat dipegang, jarang diperkatakan di luar rumah. Kecelakaan mungkin dipersalahkan kepada tingkah laku orang lain yang tidak wajar dan nasib yang sangat baik dilihat sebagai ganjaran kerana kekukuhan kepercayaan. Sesiapa yang bertindak menentang peraturan sosial ini akan dipulaukan oleh orang ramai. Terdapat kesedaran yang meluas terhadap perkara yang sumbang, dan banyak tingkah laku sosial dibahagikan kepada sama ada "enak" atau "tak enak". Banyak upacara lama di Cocos melibatkan menyelesaikan masalah yang timbul antara anggota masyarakat, dan memberikan peluang kepada mereka memulakan semula hubungan yang baru. Perseteruan yang begitu mendalam biasanya tidak kekal lama dalam keadaan permuafakatan sosial seperti ini.

Keluarga luas menjadi fokus semua kehidupan sosial dan menjadi pusat penilaian semua kegiatan komuniti. Hubungan sosial digambarkan dengan kesetiaan keluarga yang teguh, dan ikatan yang kuat kepada tokoh keibuan. Pandangan orang Melayu Cocos dari segi egalitarian dan dari pandangan Islam terhadap masyarakat tidak membenarkan pertumbuhan "orang yang suka berbual kosong", dan orang yang memperlihatkan keinginan berlebihan dan keangkuhan biasanya dibawa kembali ke pangkal jalan oleh rakan-rakan seangkatan mereka. Seorang pemimpin yang baik sering kali merupakan seorang yang telah bersara yang bekerja keras dan

mempimpin melalui teladan bukan melalui autoriti.

Orang Melayu Cocos berkongsi bahasa, agama, warisan, dan adat resam yang sama dan mereka berasakan bahawa mereka mempunyai semua yang mereka perlukan di dalam lingkungan masyarakat mereka sendiri. Hanya beberapa orang anggota masyarakat yang pernah berpindah melampaui sempadan sosialnya, dan sedikit sangat yang berasa perlunya untuk berbuat demikian. Masyarakat mereka masyarakat "tertutup", kerana orang luar yang berkahwin dengan anggota masyarakat mereka mesti meninggalkan sebarang kepercayaan lamanya dan memeluk agama Islam.

Komuniti Kepulauan Cocos dan Christmas dapat ditemui di Australia Barat di Pelabuhan Hedland, Geraldton, Katanning dan Perth. Kebanyakan mereka bekerja di kilang daging di pusat-pusat bandar itu, menyembelih dan menyediakan daging untuk dipasarkan ke Timur Tengah. Yang lain pula mendapat pekerjaan

dengan majlis tempatan, syarikat binaan dan agensi kerajaan. Mereka amat dihormati oleh rakan-rakan Australia mereka sebagai jiran yang suka membantu dan rakyat yang baik.

Kini kebanyakan kumpulan di tanah besar ini mempunyai hubungan yang erat dengan penduduk di Pulau Home. Cuti tahunan sering dihabiskan dengan saudara-mara, terutama pada masa perkahwinan atau Hari Raya. Hubungan yang semakin erat dengan orang Melayu "tanah besar" mula mempengaruhi adat resam di pulau. Sejak kebelakangan ini amalan agama telah menjadi semakin canggih dan pakaian perkahwinan serta amalan dalam perkahwinan lebih mengikut cara Malaysia.


Dalam sejarah pergaulan yang agak singkat, orang Melayu Cocos menunjukkan penyesuaian

Jukung, kapal layar tradisi





Menyadap kelapa



Acara tahunan Olimpik Cocos merupakan acara yang meriah antara pulau dan pertandingan diadakan bagi semua peringkat umur





Batik Cocos

yang menakjubkan. Mereka telah membentuk kecenderungan menerima unsur-unsur budaya baru lalu menyerapkannya ke dalam tradisi mereka sendiri. Mereka juga cepat menyerap teknologi baru dan menyesuakannya dengan keperluan tempatan.

Sekalipun jumlah mereka kecil, penduduk ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai paduan sosial yang diperlukan untuk menghindar daripada "ditelan" oleh komuniti yang lebih besar. Dalam sambutan 200 tahun Australia ini, kami menyambut mesra orang Melayu Cocos ke dalam masyarakat utama Australia dan berharap kami dapat mempelajari lebih banyak lagi tentang komuniti mereka yang terencil tetapi unik.



Ketika kami ... memasuki lingkungan kawasan batu karang perbezaannya (dengan kedalaman lautan biru yang dalam) sangat menakjubkan. Warna airnya yang berkilauan, jernih boleh dilihat sedalam 30 kaki, sekejap ungu, sekejap membiru seperti langit, dan sekejap hijau, dengan pucuk ombak yang putih bersinar di bawah cahaya matahari, dilingkungi pulau-pulau yang banyak ditumbuhi pokok kelapa ... semuanya memberi suatu gambaran yang sukar dilupakan.

Andrew Leach, semasa di atas kapal Iphegenia, melaporkan kepada Setiausaha Kolonial tentang ketibaannya di Cocos pada 21 Julai 1897.



Pulau Home menghadap timur

Profil Pulau



PULAU HOME

Pulau Home, sesuai dengan namanya yang bermaksud 'tempat tinggal', merupakan kawasan perumahan orang Melayu Cocos. Penduduk pulau yang telah berpindah ke tanah besar Australia atau ke Asia Tenggara merujuk Pulau Home sebagai tanah air mereka. Setelah tujuh generasi menetap di sini, orang Melayu Cocos tidak mengenali tanah air yang lain dan sesungguhnya mereka ialah hasil latar yang unik ini.

Pulau ini ialah tapak petempatan tetap yang pertama, iaitu petempatan Alexander Hare pada tahun 1826. Petempatan ini terus menjadi masyarakat yang kukuh dengan cara hidup tradisionalnya yang tersendiri.

Pulau ini telah banyak mengalami perubahan sejak awal petempatan ketika ia dikenali sebagai *Pulu Selma*. Kebanyakan tumbuhannya yang asal telah berganti dan hakisan laut telah mengubah garis pantai di beberapa kawasan. Namun perubahan garis pantai yang paling menonjol dilakukan oleh penduduk tempatan di sini sendiri. Kawasan mendarat telah banyak mengalami usaha tebus guna tanah pada abad ini. Kawasan di utara dan selatan jeti yang ada sekarang dibina menganjur ke dalam lagun. Rumah-rumah yang kini dikenali sebagai Kampung Baru telah dibina atas tanah yang ditebus guna oleh kumpulan wanita kampung awal abad ini. Tanah daripada dua bukit pasir, batu bundar karang yang tidak terkira jumlahnya, dan beratus-ratus batang pokok kelapa telah diangkut dengan tangan lalu ditimbuskan ke dalam sebuah teluk kecil di kawasan antara jeti yang ada sekarang dengan *Oceania House*. Barisan pokok yang rendah ditanam di sepanjang gigi air yang ada sekarang untuk membantu usaha tebus guna tanah ini. Kawasan pantai yang mempunyai tanaman dan bangunan yang dikenali sebagai Kampung Atas di sepanjang pantai selatan pulau ini, dibina atas kawasan paya lama, dan menghasilkan suatu pandangan jaluran lurus di tepi laut yang kita lihat hari ini.

Malah jeti di Pulau Home yang ada hari ini

boleh dikatakan lokasi baru. Selama 100 tahun pendudukan pulau ini jeti utama terletak di kawasan pantai yang menghadap selatan berdekatan kawasan perumahan Clunies-Ross, di satu tempat yang dikenali sebagai *Ujung Toko* atau *Gardu*. Kapal-kapal yang mendarat akan mengikut satu terusan yang dikorek menuju tempat ini. Tinggalan gudang lama itu masih dapat dilihat di tanjung tinggi yang berangin, walaupun kawasan ini nampaknya mengalami hakisan yang banyak. Landasan troli yang sempit pada suatu masa dahulu bersimpang-siur di kawasan petempatan utama ini. Landasan ini digunakan oleh penduduk pulau untuk menyorong gerabak kecil yang membawa kargo ke dan dari gudang di pulau ini.

Pada zaman selepas Perang Dunia Kedua berlaku satu lagi perubahan besar pada alam semula jadi pulau ini. Kawasan yang kini dikenali sebagai *Pulu Gangsa*, yang merupakan kawasan perkuburan komuniti pulau, pada suatu masa dahulu ialah sebuah pulau yang berasingan. Pada akhir tahun 1940-an ia dicantumkan dari segi fizikal ke bahagian utara Pulau Home. Ramai orang lelaki bekerja selama beberapa minggu untuk menimbuskan teluk yang cetek dengan batu karang dan tong yang berisi batu. Lama-kelamaan pasir tertimbus di sini dan kedua-dua pulau beransur-ansur bercantum menjadi satu. Pokok kelapa ditanam di tanah baru tadi dan hari ini agak sukar untuk membayangkan kawasan ini sebagai dua pulau yang berasingan. Mereka yang mengiringi mayat tidak perlu lagi berpindah ke perahu kecil untuk meneruskan perjalanan ke tanah perkuburan. Akibat tebus guna tanah ini, bahagian barat di sebelah lagun *Pulu Gangsa* mengalami hakisan yang teruk, dan banyak kubur telah dihakis oleh ombak laut yang ganas. Tinggalan tembok penahan pada masa itu masih dapat dilihat kira-kira 30 meter menganjur ke dalam lagun.

Tanah perkuburan penduduk di sini bukan setakat di utara pulau ini. Pada abad yang lalu terdapat beberapa tapak perkuburan yang jauh lebih dekat dengan petempatan yang ada sekarang. Keputusan untuk mengadakan tanah

perkuburan yang berasingan dibuat pada awal abad ini setelah dicadangkan oleh seorang doktor yang melawat kawasan ini yang mengambil berat tentang kualiti bekalan air komuniti di sini. Dua tapak perkuburan yang awal ini masih dapat dilihat hari ini. Satu tanah perkuburan terletak berdekatan sekolah yang ada sekarang. Kubur Suma, peneroka awal daripada kumpulan Alexander Hare, masih terdapat di bawah sebatang pokok di belakang sekolah. Suma tiba di Cocos ketika dia masih kecil dan seterusnya menjadi seorang imam pada akhir abad ke-19. Kepimpinannya telah dipuji oleh pelayar Joshua Slocum yang belayar seorang diri lalu melawat pulau-pulau ini pada tahun 1896. Tulang manusia dijumpai dalam salah satu bukit pasir yang diratakan pada tahun 1920-an semasa menebus guna tanah di Kampung Baru. Bukit pasir itu terletak di kawasan pusat kesihatan yang ada hari ini. Sebuah lagi tapak perkuburan

lama ditemui pada tahun 1988 semasa membina tempat perlindungan siklon bagi komuniti pulau.

Sepasang kubur ala-Barat boleh ditemui di kawasan ke tenggara bangsal kopra. Kubur ini ialah kubur Kapten Ballard dan anjingnya. Kapten Ballard dan keluarganya tinggal di Pulau Home pada pertengahan abad ke-19, tetapi telah mengalami tragedi apabila kedua-dua orang anaknya, Dick dan Maria, hilang tanpa dapat dikesan dari pantai pulau yang kini dikenali sebagai *Pulu Maria*.

Tanjung Garam tempat berlakunya pembunuhan yang kejam pada tahun 1912. Dua orang buruh kontrak Jawa, Aspin dan Sah'it, bermuafakat mendorong orang ketiga untuk bersama-sama mereka di tempat ini pada suatu malam. Ra'isan yang tidak mengesyaki apa-apa tidak menyedari bahawa Aspin sangat cemburu kepadanya kerana dapat bekerja di rumah seorang gadis yang cantik bernama Soda. Aspin mempercayai bahawa Ra'isan mesti menaruh hati pada gadis itu dan dia mahu membunuh Ra'isan. Pasangan yang jahat ini menyuruh Ra'isan memanjat pokok dan kemudian memukulnya

Jeti dan rumah perahu daripada kayu, Pulau Home, 1945 (Ihsan: A.de Groot, U.K.)



dari belakang. Aspin menikam terus kepala Ra'isan dengan hujung kayu yang tajam. Mereka mencampakkan mayat Ra'isan ke dalam lagun di Tanjung Garam, tanpa menyedari bahawa arus yang lazim akan menghanyutkannya balik ke pantai pada keesokan harinya. Seterusnya bedah siasat yang dilakukan oleh doktor di stesen kabel mendedahkan bahawa pembunuhan kidal. Siasatan dijalankan, satu 'perbicaraan' dijalankan, dan Aspin didapati bersalah kerana membunuh. Kawannya, Sah'it didapati bersubahat dengannya. Upacara keagamaan yang terakhir dibenarkan bagi mereka berdua, dan mereka dibenamkan ke dalam air di belakang Pulau Horsburgh. Kaki setiap seorang diikatkan dengan ladung seberat 70 paun. Beberapa hari kemudian ribut petir melanda pulau-pulau ini lalu memusnahkan beberapa rumah. Mengikut legenda tempatan rumah-rumah itu merupakan rumah-rumah orang yang telah memberikan maklumat tentang Aspin dan rakannya, dan ribut ini dikenali sebagai Ribut Aspin.

Pada zaman memuncaknya jumlah penduduk pada tahun 1930-an dan 1940-an, petempatan telah merebak lebih jauh ke utara, timur dan di sepanjang pantai selatan yang berangin. Kawasan berumput di utara petempatan sekarang ini telah dipagari dan digunakan sebagai padang ragut sekumpulan besar kambing biri-biri. Tembok laut yang panjang dibina melingkungi kolam-kolam yang melindungi di sebelah lagun pulau. Kawasan ini mengandungi ikan dan penyu dan melindungi petempatan daripada keganasan ribut petir yang pernah dilaporkan melanda seluruh pulau. Tinggalan tembok yang ada itu menyediakan kawasan berlubuh yang selamat bagi perahu kecil di pulau ini.

Semasa Perang Dunia Kedua sekumpulan Tentera Laut Diraja telah dihantar membuat perkhemahan di Pulau Home, dekat dengan bangsal kopra. Untuk memenuhi masa lapang, mereka banyak bersukan. Mereka mengadakan perlakuan bola sepak dengan penduduk pulau dan dengan pasukan tentera darat dari pulau lain. Mereka ke Horsburgh untuk bermain kriket dan

hoki melawan kumpulan tentera Ceylon yang berpangkalan di sana. Gelanggang tenis konkrit dan padang golf sembilan lubang dengan empat 'padang pasir' telah dibina di Pulau Home. Padang golf ini berbentuk-L menganjur dari bahagian tengah pekan yang ada hari ini menghala ke pantai timur kemudian berpatah ke selatan ke Ujung Waru (bahagian selatan pulau). Anak-anak muda pulau diupah rokok jika mereka menjumpai bola golf yang hilang dalam belukar!

Berita Jepun menawan Singapura pada tahun 1942 sampai ke pulau-pulau ini melalui stesen kabel dan wayarles di Pulau Arah. Beberapa orang bekas penduduk Cocos telah terbunuh semasa penaklukan dan nampaknya kemaraan Jepun ke selatan tidak dapat dielakkan lagi. Lubang dikorek di hujung selatan pulau dan siren isyarat dibunyikan pada setiap pagi. Orang ramai akan meninggalkan tempat kerja mereka dan berlindung di sebalik kubu guni pasir apabila kapal terbang perang Jepun dari Singapura terbang di ruang udara pulau secara tetap. Apabila Pulau Arah diserang oleh kapal Jepun pada 1942, komuniti Pulau Home lari ke Pulau Selatan. Di sini ramai di kalangan mereka membina pondok atap dan belayar ke tempat kerja setiap hari.

Pada bulan Ogos 1944 Pulau Home dibom dan ditembak oleh kapal terbang Jepun. Kontingen Tentera Laut Diraja telah terperangkap di padang golf pada masa itu – jauh dari kapal terbang kalis peluru mereka yang kecil tetapi berkesan. Dua butir bom gugur ke dalam lagun tetapi sebutir lagi meranapkan rumah-rumah di sekitar tapak sekolah hari ini. Serangan ini membunuh seorang wanita Cocos bernama Minti binti Sedaya dan seorang budak lelaki, Edet bin Amro. Kapal terbang Jepun itu kemudian membuang minyak ke atas komuniti berkenaan dan terbang rendah atas pokok-pokok kelapa dengan tembakan mesingan. Dua puluh tujuh buah rumah musnah dan sekali lagi penduduk melarikan diri ke Pulau Selatan.

Oceania House, rumah besar keluarga Clu-nies-Ross, masih teguh di hujung bahagian barat


daya pulau, batu putih bahagian depannya berkilaun walaupun rumah ini sudah lama. Batu asas menunjukkan ia telah direka bentuk dan dibina oleh George Clunies Ross pada tahun 1893. Kayu yang diimport dan beberapa banyak lukisan menghiasi sebahagian besar ruang dalam rumah itu. Skel binaannya yang hebat dan taman yang mengelilinginya jelas menunjukkan kemakmuran dan status penghuninya dahulu. Dinding besar tetapi tua dan separuh runtuh, dengan kaca-kaca pecah terbenam di atasnya, mengelilingi kawasan rumah tadi; ini memperlihatkan pembahagian pada masa lalu antara keluarga yang di sebelah dalam tembok ini dengan pekerja-pekerjanya di sebelah luar. Hari ini, pelancong dikenakan bayaran untuk menyaksikan keselesaan era yang telah berlalu, apabila rumah besar ini dijadikan suatu tarikan pelancongan baru-baru ini.

Pada suatu masa dahulu hujung pulau ini

ditumbuhi oleh sebatang pokok buah yang besar yang mengikut legenda tempatan dinamakan sebagai "pokok bercakap". Malangnya pokok ini telah ditumbangkan oleh siklon sekitar awal abad ini. Pokok seperti ini sering disebut dalam cerita legenda Asia dan Arab.

Sebuah pusat kampung diwujudkan di Pulau Home pada tahun 1950-an. Di kawasan inilah terdapatnya tiga buah masjid komuniti ini. Sebelum ini masjid-masjid itu terletak di belakang kampung, di sebelah padang permainan. Masjid keempat, milik buruh kontrak yang lalu yang terletak jauh di sebelah utara petempatan penduduk di sini, tidak dibina semula setelah imamnya berpindah ke Borneo Utara.

Air dipam dari mata air tawar dan bekalan elektrik baru-baru ini telah ditambah dengan pemasangan generator angin yang besar, yang dibina untuk memerangkap angin tenggara yang lazim bertiup.



Pulau Home, 1945, menunjukkan kawasan yang musnah (tengah kanan) akibat serangan udara Jepun pada tahun 1944 (Ihsan: A. de Groot, U.K.)

Sepanjang sejarahnya, kemakmuran penduduk bergantung pada aktiviti industri kopra. Hasil niaga lumayan pulau ini akhirnya terhenti pada tahun 1987. Industri ini pernah menggaji sejumlah besar kaum perempuan. Setiap hari mereka dapat dilihat membelah kelapa, mengorek isinya dan mengeringkannya di atas rak-rak di bawah cahaya matahari. Proses ini disambung lagi dengan menggunakan ketuhar pengering yang panas. Kopra yang telah kering itu kemudian dibungkus, disimpan dan diangkut ke kapal-kapal yang datang untuk dibawa ke Singapura.

Hari ini bekas pekerja industri kopra mendapat upah yang lebih dengan bekerja di ladang buah-buahan, sayur-sayuran, dan ternakan yang sedang berkembang di wilayah ini. Kawasan berdekatan dengan bangsal kopra dahulu telah dijadikan tapak perkebunan hortikultur yang ditanami dengan tanaman giat tenaga buruh seperti tomato, cili, *capsicum* dan

kekacang. Bersebelahan kawasan ini merupakan kawasan menternak ayam dan burung merpati. Rasa daging merpati sama seperti daging burung laut yang berpindah ke sini, dan ia dijadikan sebagai makanan alternatif kepada spesies yang dilindungi ini.

Sebuah muzium kecil yang memfokus pada alam sekitar, ketukangan dan budaya orang Melayu Cocos, dibuka secara rasmi di Pulau Home pada tahun 1987. Di sini, beberapa contoh kehalusan hasil perahu layar reka bentuk tempatan sentiasa menarik perhatian para pelancong. Peningkatan jumlah barangan yang dipamerkan merangkumi tumbuhan tempatan,

Pantai selatan Pulau Selatan yang menghadap tiupan angin, direntasi oleh pejalan kaki ketika air surut di sekeliling pulau



siput, perkakas rumah, gambar lama, wayang kulit antik, pakaian pengantin, malah mesin membuat wang plastik yang lama. Mesin ini dan bahan keluarannya menjadi tumpuan antarabangsa pada tahun 1970-an, kerana kepingan plastik yang tidak bernilai ini hanya boleh digunakan di kedai Clunies-Ross. Wang plastik ini tidak boleh ditukarkan menjadi wang yang sah dan tidak berguna di luar kawasan Pulau Home.

Hari ini hal-ehwal komuniti dipertanggungjawabkan kepada tujuh orang anggota majlis yang dilantik secara bebas dari kerajaan persekutuan Australia. Kepentingan perniagaan komuniti ini dijaga oleh sebuah persatuan kerjasama yang dianggotai oleh hampir kesemua penduduk yang bekerja.

PULAU SELATAN

Pulau Selatan asalnya terdiri daripada beberapa buah pulau yang lebih kecil. Dengan peredaran masa pulau-pulau ini telah bercantum. Tempat bercantum ini masih dapat dilihat di dua bahagian pulau yang sempit dan tidak subur,rintangi batu bundar, berdekatan siku sebelah tenggara pulau ini. Tidak terdapat mata air tawar di bahagian ini, sedangkan bahagian pulau yang subur mendapat bekalan air bawah tanah yang banyak.

Bahagian menghadap laut pulau yang sangat panjang ini menerima tiupan angin lazim sepenuhnya. Pantai-pantainya terdedah dan berangin, manakala pantai sebelah dalam agak terlindung dan berlumpur. Pulau ini dinamakan oleh penduduk tempatan sebagai *Pulu Atas*. Umumnya penduduk Melayu Cocos merujuk tempat-tempat sebagai "menghadap atau membelakang angin", ini lebih berkaitan dengan keadaan tempatan berbanding dengan mata arah di kompas.

Bahagian tengah pulau ini, *Kabun Jeruk* (kebun oren), telah dipilih oleh Kapten John Clunies-Ross pada tahun 1827 sebagai tapak petempatannya yang pertama. Kalaulah Alexander Hare tidak meninggalkan tempat ini dan

memberi laluan kepada John Clunies Ross Pulau Home yang jauh lebih baik kedudukannya, kita akan tertanya-tanya sama ada Kapten Clunies-Ross akan dapat hidup atau tidak di pulau selatan yang tidak mempunyai kemudahan ini. Walau bagaimanapun, John Clunies-Ross hampir tidak mempunyai pilihan untuk mendirikan petempatannya yang pertama kerana semua pulau utama berada di bawah kawalan Hare semasa beliau tiba di sana. John Clunies-Ross menggali beberapa terusan menembusi batu karang bagi laluan perahu ke Pulau Selatan. Namun terusan ini tentulah sukar dilalui ketika air surut.

Peta-peta awal pulau-pulau ini sebakit sahaja adanya petempatan menunjukkan dua pondok nelayan yang bertiang di atas tanah berpasir yang cetek di kawasan lindung angin Pulau Selatan. Satu pondok ditanda sebagai milik Alexander Hare dan yang satu lagi milik Clunies Ross. Kedua-dua pondok ini sangat dekat antara satu sama lain sehingga seseorang akan hanya dapat merasakan bahawa pondok yang lebih baru itu dibina semata-mata kerana hendak bersaing.

Pulau Selatan telah lama digemari sebagai tempat perkhemahan hujung minggu yang terkenal. Anggota keluarga Clunies Ross yang awal dan pengurus-pengurus mereka mempunyai pondok-pondok kecil di pulau ini dan akan mengunjunginya bila-bila sahaja mereka dapat berbuat demikian. Terusan perahu yang lama dijaga bagi memudahkan laluan masuk dengan cara mengikis batu karang dari semasa ke semasa oleh sekumpulan pekerja. Pondok-pondok atap juga dibina di sini untuk mangsa yang menghidapi penyakit beri-beri. Dipercayai bahawa senaman berjalan di atas batu yang dilakukan setiap hari dapat membantu mereka menguatkan semula kaki mereka. Ilmu perubatan pada awal abad ini tidak menyedari bahawa penyakit ini berpunca daripada kekurangan sejenis vitamin.

Satu petempatan kecil telah dibina di pulau ini semasa Perang Dunia Kedua apabila satu rejimen askar Kenya, Angkatan Bersenjata Kelima Kenya, mendirikan kem di teluk yang



Nek Renja dengan jukung dan pondoknya
di Kebun Jeruk di bahagian lagun yang
terlindung di Pulau Selatan



terlindung di pantai barat daya pulau ini. Tugas mereka adalah memerhatikan kapal di laut dan menaikkan bendera Union Jack jika mereka ternampak kapal. Sebuah bangunan kecil dibina untuk tujuan ini di atas bukit pasir yang terkemuka yang dikenali oleh penduduk tempatan sebagai Gunung. Terdapat empat buah lagi stesen Pemerhati Bendera Tentera Laut di sekeliling rangkaian pulau ini dan tugas ini kemudian diambil alih oleh penduduk pulau.

Pulau Selatan mempunyai beberapa bahagian tanah yang paling tinggi di wilayah ini. Bukit pasir yang ditiup angin mencerun tinggi dari pantai selatan dan timur. Gunung yang berdekatan dengan hujung barat daya pulau mencapai ketinggian sembilan meter. Gunung ini memberi perlindungan pada teluk yang tenang yang gemar dikunjungi oleh orang yang berkhemah dari Pulau Barat. Bukit pasir ini mendapat tempat yang luas dalam legenda tempatan, seperti juga mana-mana ciri semula jadi yang terkemuka atau luar biasa. Satu lekukan di bahagian bukit pasir yang menghadap ke darat dipercayai didiami oleh semangat (syaitan) yang jahat dan hanya sebilangan kecil orang Melayu Cocos yang dengan rela akan mengunjungi tempat ini. Syaitan itu dikatakan telah mengumpulkan semangat-semangat liar individu yang hilang tanpa dapat dikesan di perairan tempatan. Sabarin bin Rapayi, ahli pelayaran yang berpengalaman yang telah membantu melayarkan kapal *Rainbow* keluar dari England pada awal abad ini, pada suatu hari telah gagal kembali selepas mengunjungi Pulau Selatan. Dia telah ke sana bersendirian dan tidak membawa parang bersama-samanya. Jukungnya kemudian ditemui, tetapi dia tidak dapat dikesan.

Pada hari ini Pulau Selatan dipenuhi sedozen atau lebih pondok yang dipunyai oleh saudarama komuniti orang Melayu. Setiap rumah membela ayam yang diberi makan setiap hari. Apabila pasang surut air laut sesuai, seluruh keluarga tinggal di pondok-pondok ini dan menghabiskan sebahagian besar masa siang mereka memburu dan mengumpul sumber semula jadi pulau ini. Ikan, kerang, kepah, kepala

biola, kelapa dan kayu api dikumpulkan dan dibawa pulang, untuk kemudiannya dibahagi-bahagikan di kalangan keluarga dan sahabat-handai. Orang perempuan Melayu sering menghabiskan masa yang lama di bawah pokok mencarik pelepah kelapa untuk dibuat penyapu lidi. Ketam lumpur yang banyak dapat diambil dari tanah lumpur ketika air surut dan udang air tawar banyak terdapat di bahagian luar terumbu pada waktu malam.

Setiap tempat, teluk, dan ciri muka bumi di pulau ini mempunyai nama Melayunya yang tersendiri. Berdekatan dengan *Kabun Jeruk* terdapat sebuah perigi lama yang jarang dikunjungi yang tersembunyi jauh dalam tumbuhan melata pulau ini. Orang tua-tua Melayu menceritakan bahawa tiada daun yang pernah gugur ke dalam perigi ini dan airnya yang sejuk, jernih dan suci mempunyai hikmat awet muda. Kapal bernama *Harriet* telah dibina berdekatan dengan Kebun Geronggang pada tahun 1835, dengan menggunakan bekalan kayu pokok *ironwood* yang banyak terdapat pada masa itu. Terdapat sebuah petempatan kecil yang mengeluarkan kopra berdekatan dengan rumah Nek Net di bawah pengawasan mandur bangsa Scot dan isterinya yang berbangsa Melayu.

Pantai selatan pulau ini menyaksikan kecelakaan sekurang-kurangnya dua buah kapal pada masa lalu. Pada pagi 10 Mei 1969 kapal Denmark muatan 16 tan bernama *Saoan-khaloke* telah terhempas ke terumbu. Nasib baik ia tidak mengalami kerosakan yang teruk. Ia kemudiannya diangkat ke bukit pasir dan diapungkan semula dalam lagun. Sebuah kapal layar kecil Amerika bernama *Seaweed*, tidak begitu bemasib baik. Ia telah dipukul oleh arus pantai yang ganas pada pagi 25 Ogos 1977, dan bahagian sebelahnya mengalami kerosakan yang teruk. Kapal itu melekat kuat di hujung bukit pasir dan kekal menjadi mercu tanda pulau ini sehingga akhir tahun 1983 apabila angin ribut yang kuat mengalihkan seluruh kapal itu kecuali plumbum di bahagian lunas kapal itu.

Asalnya pulau ini ditumbuhi tumbuhan yang

tebal dan mempunyai beberapa jalur pokok *ironwood* dan *pisonia*. Pokok ini yang masih tinggal telah ditebang untuk dijadikan bahan binaan awal abad ini. Ada kawasan di pulau ini masih dipenuhi dengan tunggul-tunggul kayunya yang besar. Pada suatu masa dahulu terdapat laluan traktor merentang di sepanjang pulau ini tetapi jalan ini telah lama dipenuhi dengan tumbuhan. Namun begitu, laluan traktor yang sama yang merentangi dataran terumbu selatan yang menganjur dari Pulau Barat masih dapat dilihat dengan jelas. Ia menandakan jalan yang paling cetek antara pulau hari ini yang dapat dilalui oleh pejalan kaki.

PULAU BARAT

Dikenali oleh orang Melayu Cocos sebagai *Pulu Panjang*, Pulau Barat merupakan pulau yang terbesar dalam wilayah ini. Ia mula-mula diduduki oleh sekumpulan orang Alexander Hare pada tahun 1826, tetapi tidak sentiasa dihuni. Petempatan pertama ini dipercayai terletak di sekitar rumah baru di bahagian timur laut. Di sini peneroka awal menjaga dan menanam buah-buahan tropika dan sayur-sayuran di bawah penyeliaan Charles Downie.

Pulau Barat hampir terpisah kepada tiga bahagian yang berbeza dan mungkin pernah merupakan pulau-pulau yang berasingan sebelum adanya petempatan. Bahagian utara sangat dekat dengan perairan lagun yang dalam dan kini diberi sebuah jeti kayu. Syarikat Minyak Shell Australia membina kawasan menyimpan minyak di kawasan hujung pulau ini, dan paip bawah tanah yang panjang menganjur keluar ke dalam lagun untuk membolehkan kapal tangki minyak berlabuh dan mengepam bekalan minyak ke darat.

Kawasan Rumah Baru mempunyai tempat yang penting dalam sejarah tempatan. Pada 1908, seorang buruh kontrak Jawa bernama Biong mengamuk dan akhirnya dapat ditangkap di sini. Dia bosan dengan kehidupannya dan keadaan kerjanya dan merasakan bahawa dia telah diberikan maklumat yang salah pada masa

dia diambil bekerja di Jawa. Kemarahannya memuncak apabila dia bekerja di taman *Oceania House*. Dia mendongak ke pokok jambu dan temampak Bertha, salah seorang gundik John Sydney Clunies-Ross. Kata-kata kesat terhambur antara kedua-dua mereka dan perempuan yang biadap itu meludahnya. Dia dan rakannya, Emon, kemudian melarikan diri ke Pulau Barat dengan sebuah perahu yang dicuri. Emon ditangkap di Pantai Trannies, tetapi Biong berkelakuan seperti orang yang telah dirasuk. Dia ditikam dengan lembing dan ditembak dua kali oleh kumpulan yang memburunya, tetapi tenaga beberapa orang lelaki lagi masih diperlukan untuk menahannya dan memasukkannya ke dalam jukung. Seorang peneroka Jawa yang lain, Nek Iang, dikatakan akhirnya telah mengurangkan kekuatan Biong dengan menanggalkan tangkal yang diikat pada pinggangnya. Biong meninggal dunia sebaik sahaja sampai di Pulau Home. Rakannya Emon, telah dipenjar, disebat beberapa kali dan dipaksa mandi air masin. Dia meninggal dunia tiga minggu kemudian.

Kawasan Rumah Baru menjadi tapak jukung mendarat buat jangka masa yang lama dan kini digunakan sebagai tapak untuk melancarkan bot berjentera bagi penduduk Pulau Barat. Berdekatan dengan kawasan ini, pada tahun 1950-an, Ranet bin Geba dan kapal layarnya telah hilang dalam angin ribut. Orang-orang yang mencarinya hanya menemui kemudinya yang patah. Bekas kem-kem zaman perang dapat dilihat di kawasan ini. Sebuah kapal terbang air lama terdampar di sini dan berkarat ditutupi belukar tebal, sebagaimana juga tangki bulat yang berbentuk kun yang dipercayai digunakan untuk mengeluarkan garam daripada air laut. Malah sebuah perigi zaman perang dihuni oleh ikan air tawar yang kecil, yang nenek moyangnya tentu telah dibawa oleh angkatan tentera.

Dasar lagun di sini menampung banyak tunggul batu karang, arusnya laju dan kawasan ini agak berbahaya ketika air surut. Kepah besar dikatakan pada suatu masa dahulu lazim terdapat di bahagian lagun ini, tetapi telah lama dikutip untuk mendapatkan isinya yang sedap.



Bahagian tengah Pulau Barat suatu ketika dulu adalah sebuah ladang kelapa sehingga tahun 1944 apabila ia dibentuk semula menjadi landasan kapal terbang dengan ketibaan 7000 kakitangan tentera British, Kanada, Australia dan India. Tempat ini tiba-tiba menjadi sibuk dengan aktiviti apabila pokok-pokok ditebang dan saluran bahan besi Marsden dilekatkan rapi untuk membentuk landasan. Komuniti berkenaan dikenali dengan nama kod SP129, dan ia berbangga dengan surat khabarnya yang diterbitkan sendiri, iaitu *The Atoll*. Anggota tentera di sini mendapat kunjungan istimewa penyanyi dan pelawak zaman perang British, Gracie Fields, pada tahun 1945. Cocos sepatutnya menjadi pangkalan untuk melancarkan serangan udara ke atas wilayah takluk Jepun arah ke utara. Kapal terbang kalis api sampai dalam tong dan dipasangkan di pulau ini. Kapal terbang perisik membuat banyak penerbangan dari sini ke Singapura, Malaya dan Jawa. Ini diikuti dengan misi pengeboman *Liberator*.

Dua kapal terbang perisik, sebuah *Liberator*, sebuah kapal terbang kalis api dan bot terbang *Catalina* telah terhempas di atau dekat dengan Cocos pada tahun 1945. Dua orang anak kapal dalam setiap kapal terbang perisik berjaya menyelamatkan diri dalam pendaratan kecemasan itu: seorang di Keeling Utara dan seorang lagi di Teluk Jambu (Lagun Utara) di Pulau Barat. Anak kapal kapal terbang kalis api telah diselamatkan oleh kumpulan penyelamat udara-laut, tetapi *Liberator* EW 622 telah hilang tanpa dapat dikesan ke barat daya Pulau Barat selepas ia berlepas. Daripada 14 orang lelaki yang berada dalam *Catalina* JX 334, hanya lima orang yang terselamat.

Penyerahan diri orang Jepun secara tiba-tiba pada tahun 1945 memeranjatkan semua orang di

Cocos. Landasan kapal terbang yang baru dibina terpaksa ditinggalkan dan bertan-tan kelengkapan yang tidak diperlukan dicampakkan ke bahagian luar terumbu Cocos. Anggota tentera di sini pula dibawa pulang oleh banyak kapal pengangkut askar dan Pulau Barat berbalik kepada keadaan yang kelam untuk selama enam tahun yang berikutnya. Setengah-setengah kenderaan yang ditinggalkan dengan tergesa-gesa di dalam belukar oleh anggota tentera udara yang meninggalkan tempat ini, kemudiannya dibaiki oleh penduduk Pulau Barat yang giat berusaha pada tahun 1950-an; mereka memandunya dengan bangga di sekeliling petempatan mereka.

Minat terhadap landasan kapal terbang ini wujud semula menjelang tahun 1951 apabila ia dibersihkan daripada tumbuhan yang menutupinya dan diberikan asas konkrit dan pecahan batu karang yang teguh. Landasan yang berasaskan besi yang lama dikeluarkan dan dicampakkan ke dalam Teluk Jambu di mana ia masih dapat dilihat sehingga ke hari ini. Landasan yang baru ini mestilah cukup teguh untuk menampung pendaratan *Qantas Constellation* yang besar dan *Stratocruiser* yang akan membawa penumpang merentasi Lautan Hindi ke dan dari Afrika Selatan. Bersama-sama landasan baru ini muncul satu komuniti sokongan yang berkhidmat dengan Penerbangan Awam, Qantas, Shell, dan penyelamat udara-laut serta pekerja kaji cuaca.

Komuniti tanah besar Pulau Barat beransur-ansur bertambah dari segi saiz dan kecanggihan perkhidmatannya. Hari ini ia malah mempunyai sebuah hospital moden empat tingkat, lengkap dengan dewan bedah. Pasar raya berhawa dingin dijalankan oleh Koperasi Pulau-pulau Cocos dan ia menyediakan pelbagai jenis barang kegunaan rumah tangga bagi komuniti terpencil seperti ini.

Pada tahun 1981 sebuah Stesen Kuarantin Binatang yang dikawal rapi telah dibina di kawasan seluas 21.5 hektar di "siku" barat Pulau Barat. Kambing biri-biri, kambing dan lembu berkualiti tinggi dari luar negeri dibawa melalui Cocos dalam perjalanan kepada pembeli di tanah besar Australia. Binatang-binatang ini tiba dengan kapal, terutama kapal terbang yang

telah diubah suai, atau dalam bentuk embrio yang beku, sedia untuk dipindahkan ke dalam haiwan perumahannya di Australia. Kesemuanya akan berada di Cocos selama beberapa bulan di bawah kawalan yang sangat ketat. Betari makanan ternak ditanam di sini dan stesen ini dilengkapi dengan makmal yang canggih dan kemudahan yang berhubungan dengannya.

Bahagian tengah Pulau Barat menampung landasan kapal terbang dan komuniti pegawai asing Australia. Kira-kira 250 orang penduduk tanah besar tinggal di sini selama tempoh kontrak dua atau tiga tahun. Komuniti ini mempunyai perkhidmatan yang baik dan dilengkapi dengan kemudahan sosial dan sukan. Bahagian pinggir landasan kapal terbang dijadikan padang golf 18 lubang dan pertandingan sering diadakan. Sebuah kelab tenis aktif menganjurkan pertandingan di bawah cahaya lampu seminggu sekali. Kelab-kelab lain termasuklah menembak, menyelam skuba, luncur ombak, belayar, permainan anak panah (dart) dan menangkap ikan. Aktiviti sosial di Pulau Barat berkisar di sekitar Kelab Cocos, sebuah

tempat perlindungan siklon yang besar yang juga merupakan pusat rekreasi. Pertunjukan video, makan malam, drama amatir dan 'aktiviti malam' istimewa kerap diadakan dengan insentif tambahan alkohol bebas cukai.

Penduduk Pulau Barat terdiri terutamanya daripada pegawai kerajaan yang diambil bekerja dalam kerja penjagaan dan pembinaan, komunikasi penerbangan, pentadbiran pulau, perkhidmatan kuarantin, perkhidmatan kesihatan, perniagaan runcit dan pendidikan.

Pulau ini menyediakan persekitaran yang indah bagi kanak-kanak dan orang dewasa yang panjang akal. Banyak keluarga Pulau Barat memiliki bot kecil berenjin dan sering berkelah pada hujung minggu dan mengadakan rombongan berkhemah ke pulau-pulau lain. Sekolah rendah dan menengah yang lengkap disediakan

Para jurutera Angkatan Tentera India membersihkan kawasan ladang untuk membina "Lebuhraya Sydney", jalan yang menghubungkan jeti Pulau Barat dengan landasan kapal terbang, 1945 (Ihsan: Museum Imperial War, London)



dan stesen radio tempatan dijayakan oleh pengacara yang memberikan khidmat sukarela. Susunan tahunan aktiviti sosial yang amat padat termasuklah peristiwa seperti perayaan sukan selama tiga minggu yang dikenali sebagai "Olimpik Cocos", majlis tari-menari pertengahan tahun, dan perjumpaan perlumbaan umang-umang.

Pulau-pulau ini mendapat perkhidmatan kapal terbang sewaan mingguan dari Perth, dan ketibaannya setiap minggu merupakan suatu peristiwa sosial yang besar. Dalam masa sejam pendaratannya, surat khabar, surat, majalah, buah-buahan dan sayur-sayuran segar dipung-gah turun dengan cepat. Saudara-mara dan rakan-rakan yang datang melawat dihantar berlepas dengan penuh emosi.

Siku selatan pulau ini dilitupi oleh pokok kelapa yang baru ditanam dan ia berbangga

dengan dua tempat mengopek kelapa dan perkelahan yang terkenal. Jika air pasang agak tinggi, laluan ke bahagian jauh ke selatan agak sukar. Mereka yang berkelah dan tetamu Kelab Kapal Layar di Hujung Selatan kadang-kadang terkandas di sini sehingga air surut.

Tidak jauh merentangi suatu terusan yang cetek ialah *Pulu Maria* yang kecil. Tempat menangkap ikan yang terkenal ini dinamakan mengikut nama salah seorang kanak-kanak Eropah yang hilang tanpa dapat dikesan dari pantainya pada tahun 1860-an. Legenda tempatan mempercayai bahawa roh mereka telah dibawa ke Pulau Selatan oleh syaitan yang jahat yang tinggal di belakang Gunung.

Sebuah lagi pulau kecil yang lain berdekatan dengan Hujung Selatan ialah *Pulu Kambing*, dinamakan daripada kambing yang pada suatu masa dahulu dibela di situ. Pulau ini menjadi tanah perkuburan anggota tentera India dan British yang mati di Cocos semasa Perang Dunia Kedua. Anggota tentera yang cedera tiba di sini dengan kapal terbang dan dirawat di hospital zaman perang yang terletak berdekatan dengan

Landasan kapal terbang Pulau Barat sedang dalam binaan, 1945 (Ihsan: Muzium Imperial War, London).



Taman Scout yang ada pada hari ini.

Batu peringatan di John Rock menandakan tempat di mana Edward Twiss hilang, dijangka mati lemas pada tahun 1970. Beliau ialah seorang pekerja penerbangan, dikatakan sedang mencari udang air tawar di sepanjang bahagian terumbu yang berbahaya itu. Hanya sebelah kaki yang ditemui kemudiannya. Batu peringatan ini juga menandakan kemungkinan tempat musnahnya kapal *Sir Francis Nicholas Burton* yang terdampar di pantai selatan pada tahun 1826.

Pulau ini juga telah menyaksikan beberapa tragedi di sepanjang beberapa tahun. Tanah perkuburan kecil di selatan Stesen Kuarantin menandakan kubur seorang pekerja di stesen kabel, seorang doktor dalam komuniti itu,

seorang penduduk Pulau Barat dan seorang pelaut Jerman yang mati akibat kecederaannya dalam letupan bilik enjin. Sekumpulan batu peringatan di belakang rumah bujang mengimbas kembali pada tiga peristiwa mati lemas yang berasingan iaitu peristiwa yang mengorbankan sepuluh anggota tentera pada tahun 1945.

PULAU HORSBURGH

Pulu Luar tidak mudah didatangi bot kerana terdapat selingkar terumbu yang hampir mengelilinginya. Air pasang memberi peluang memasuki pulau ini dari bahagian tenggara, walaupun terdapat banyak bonjolan batu karang dalam laluan itu. Namun kesukaran untuk



Pemerhati cuaca menyediakan belon cuaca untuk dilancarkan



Stesen Kuarantin Binatang, Pulau Barat



Atas: Sebuah sistem komunikasi satelit VISTA dan INMARSAT yang menyediakan kemudahan telefon dan hubungan faksimil 24 jam ke seluruh dunia



Kiri: "Hari Carter" ialah hari yang paling sibuk dalam seminggu di Cocos

Kanan: Kumpulan pengakap Cocos memberikan penghormatan dalam upacara tahunan Hari Anzac

memasuki pulau ini nampaknya tidak menghalang manusia terus-menerus membuka petempatan di sini sejak tahun 1826 sehingga tamatnya Perang Dunia Kedua.

Alexander Hare menghantar serombongan orangnya ke sini untuk menanam buah-buahan dan sayur-sayuran. Jumlah mereka semakin meningkat apabila Hare terus menghantar para pekerjaanya dari pulau lain ke sini. Kekerapan hubungan mereka dengan orang-orang Clunies Ross di Pulau Selatan tidak digemari oleh Hare, dan Horsburgh merupakan satu-satunya pulau yang tidak dapat didatangi dengan berjalan kaki ketika air surut.

Tidak berapa lama selepas Hare meninggal-kan pulau batu karang ini, Pulau Horsburgh sekali lagi menjadi tempat buangan. Kali ini perempuan yang belum berkahwin dan ibu yang tidak berkahwin dihantar ke sini. Tugas mereka sama seperti pendatang yang pertama tadi – menanam sayur-sayuran bagi keperluan komuniti Pulau Home. Selepas pembukaan stesen kabel di Pulau Arah pada tahun 1901, "pasaran" sayur-sayurannya telah diperluaskan ke petempatan yang lebih kecil ini. Perempuan yang belum berkahwin biasanya dihantar ke Horsburgh

Pesawat RAAF menunggu ribut yang beredar, Pulau Barat



selama setahun, tetapi setengah-setengahnya tinggal di sana lebih lama lagi.

Ada kaum perempuan di Horsburgh dikerah membuat minyak kelapa, sabun, tikar dan tali daripada sabut kelapa. Mereka yang sakit dan yang dijemput menghadiri upacara kekeluargaan di Pulau Home diberikan cuti. Mereka semua akan pulang untuk merayakan Hari Raya dan Tahun Baru. Gaji pekerja perempuan ini disimpan untuk mereka di Pulau Home dan mereka boleh memberi bantuan kewangan kepada keluarga mereka bila-bila sahaja mereka ingini.

Pelawat tidak digalakkan ke Horsburgh, tetapi bot kecil yang biasa datang untuk mengambil hasil pengeluaran mereka juga membawakan makanan, hadiah dan lamaran perkahwinan untuk mereka dari orang kampung di Pulau Home. Orang perempuan dan pasangan suami isteri yang menyelia mereka tinggal di rumah panjang dan dikatakan hidup dengan bahagia meskipun kehidupan mereka terasing dan terjadi juga kehamilan misteri sekali-sekala!

Untuk sekian lama di Pulau Horsburgh, George Clunies Ross memelihara banyak rusa dan kijang yang diimport. Binatang-binatang ini diburu dan ditembak untuk tujuan bersukan. George membina sebuah rumah percutian di kawasan pulau yang paling ke timur yang menghadap angin. Anak beliau John Sydney, juga menikmati rumah percutian keluarganya ini dan akan menginap di sana pada kebanyakan hujung minggu dan beberapa malam dalam sesuatu minggu. Beliau mencintai kehidupan liar pulau itu, terutama burung laut putih yang gebu dan burung kecil *silver eyes* yang diperkenalkan dari Pulau Christmas. Beliau melarang orang kampung menangkap sebarang ikan, udang air tawar, penyu dan burung dari pulau ini. Hidupan liar pulau ini hanya boleh ditangkap oleh penduduk tetap pulau ini untuk keperluan mereka sahaja.

Pulau Horsburgh, menghadap tenggara



Rumpun pokok bakau yang tumbuh di pantai utara tasik yang cetek dan payau di pulau ini merupakan ciri yang luar biasa. Pokok-pokok ini mendapati air tasik kecil ini yang suam dan masin sebagai tempat yang sesuai bagi pertumbuhannya. Pokok-pokok ini tidak ditemui di mana-mana kawasan lain di Wilayah ini.

Ketenangan pulau ini telah digugat dengan meletusnya Perang Dunia Kedua. Pada bulan November 1940 satu laporan sulit yang ditulis oleh seorang anggota tentera dari Angkatan Tentera Australia yang dihantar ke sini telah memberikan pandangan bahawa Cocos perlu mengawal daripada berlakunya satu lagi peristiwa seperti peristiwa *Emden*. Beliau mencadangkan agar angkatan tentera segera dihantar ke pulau batu karang ini. Pada tahun 1941 Kapten Koch daripada Garison Meriam Ceylon datang ke Cocos dan unitnya telah memasang dua meriam enam inci di Pulau Horsburgh untuk menjaga pintu masuk tempat pendaratan utama pulau batu karang ini. Pemasangan meriam ini perlu dibantu oleh kehadiran tentera darat di Pulau Arah untuk mengawal stesen kabel. Askar yang akan mempertahankan pulau ini didatangkan daripada dua angkatan tentera sukarela, iaitu Angkatan Tentera Ringan Ceylon dan Garison Meriam Ceylon.

Anak-anak muda yang datang ke Cocos lewat tahun itu merupakan kontingen pertama sukarelawan Ceylon yang pernah memberi khidmat di luar negara. Mereka baru tamat belajar dari sekolah swasta, ghairah untuk berjuang dan tidak bersedia langsung berhadapan dengan disiplin angkatan tentera British. Ada yang datang ke Cocos selepas dihantar ke Seychelles untuk suatu jangka masa yang singkat; di sana mereka telah membuat kecoh dengan mengatakan bahawa layanan terhadap tawanan perang Jerman adalah lebih baik daripada yang diterima oleh tentera "kulit hitam".

Pasukan tentera ini mendapati bahawa jangka masa selama enam bulan mereka berada di "Pulau X", sebagaimana Cocos dikenali, sebagai terlalu lama dan keadaan bertambah buruk lagi dengan perlantikan pegawai-pegawai

British bagi mengawal tentera Ceylon dan Burgher (Inggeris-Ceylon). Untuk menghilangkan rasa bosan mereka bermain kriket dan mendengar siaran bahasa Inggeris di siaran radio Jepun. Ini membarakan lagi perasaan antikolonial mereka. Melalui siaran radio ini mereka mengetahui urutan peristiwa yang menakutkan yang berlaku ke utara mereka:

- 15 Februari (1942) – Singapura menyerah kalah kepada Jepun
- 19 Februari – Jepun mengebom Darwin
- 8 Mac – Jakarta menyerah kalah kepada Jepun
- 31 Mac – Jepun menduduki Pulau Christmas selepas berlakunya pemberontakan pasukan tentera India
- 5 April – Jepun melakukan serangan udara ke atas Colombo
- 9 April – Jepun melakukan serangan udara ke atas kapal-kapal di Pelabuhan Trincomalee, Ceylon

Peristiwa-peristiwa ini bersama dengan pengeboman Pulau Arah pada 3 Mac, telah meyakinkan kumpulan sukarelawan muda ini bahawa Jepun sedang mara ke Cocos. Di bawah pimpinan Gratien Fernando, sekumpulan penembak daripada Garison Meriam Ceylon mengambil keputusan untuk menggulingkan pegawai-pegawai British yang mereka benci itu, membuat perhubungan dengan Jepun dan menyerahkan pulau-pulau berkenaan kepada Jepun dalam suatu pemberontakan yang tidak menumpahkan darah.

Peristiwa malam 8 Mei 1942 tidak direkodkan dengan baik. Nampaknya apa yang dirancang tidak berjalan dengan baik. Askar-askar yang dijangkakan sudah tidur masih berjaga, pemerhati yang bertugas begitu rapi menentang para pemberontak dibunuh, senapang ringan (bren-gun) yang dirampas tidak dapat digerakkan semasa tindakan penggulingan sedang berlaku,

Pemasangan meriam Ceylon pada masa Perang Dunia Kedua di Pulau Horsburgh

dan bakal-bakal penyokong melarikan diri ke dalam belukar. Beberapa orang cedera, termasuk pegawai memerintah yang kedua, Leftenan Henry Stephens. Pada keesokan paginya mahkamah tentera segera dibentuk oleh Kapten George Gardiner. Mesej dihantar kepada pegawai-pegawai memerintah Angkatan Tentera Ringan Ceylon di Pulau Arah supaya datang segera ke Pulau Horsburgh kerana berlakunya 'sedikit masalah'. Tujuh orang penderhaka telah dihukum tembak sehingga mati dan keputusan itu telah dihantar ke Colombo.

Pihak berkuasa tertinggi tidak berpuas hati dengan keputusan dan pelaksanaan mahkamah tentera itu dan meminta agar kesemua yang tertuduh ditahan di Pulau Arah sehingga mereka dapat dihantar pulang untuk dibicarakan semula. Sebuah kapal perang India, *Jumna*, kemudiannya membawa mereka pulang. Perbicaraan mereka

yang berikutnya telah diadakan di Mahkamah Agung di Colombo dan adalah atas tuduhan membunuh, bukan menderhaka. Empat orang penembak itu dipenjarakan dan tiga lagi dihukum gantung. Penderhaka yang paling muda, Carlo Gauder, telah menjalani hukum bunuh pada hari jadinya yang ke-21.

Pada bulan Oktober 1944 Pejabat Kolonial British mengurus secara sulit untuk membawa Sultan Selangor yang uzur ke Cocos kerana bimbang baginda akan menjadi pemerintah boneka bagi Jepun dan menjadi tumpuan kekacauan seterusnya di Malaya. Raja Musa Eddin dan permaisurinya, Tengku Mastora, membawa bersama-sama mereka beberapa orang suruhan yang telah lama berkhidmat dengan mereka dan hidup dalam buangan di Pulau Horsburgh di bawah perlindungan British sehingga perang tamat.

Pentadbiran estet di Cocos menyediakan





khidmat seorang nelayan, bernama Apna, kepada Sultan. Para pelaut Melayu Cocos akan menghantar pesanan dan makanan sekali atau dua kali seminggu. Selain hubungan seperti ini, interaksi dengan penduduk Pulau Home tidak banyak berlaku. Namun demikian, mereka mempercayai bahawa Sultan dan permaisurinya mempunyai kuasa psikik. Pegawai-pegawai British yang pada mulanya membenci kedua baginda dilihat telah "mengikut telunjuk mereka" dan semakin kerap mengunjungi baginda berdua. Apabila jukung yang ditaja oleh baginda untuk Apna mendapat kemenangan dalam perlumbaan perahu yang diadakan pada perayaan Hari Raya, maka

kekuatan baginda terbukti seterusnya. Jangka masa yang lama sebuah keluarga diraja Melayu tinggal di Pulau Horsburgh telah meninggalkan kesan yang mendalam bagi penduduk pulau ini.

Dua meriam berkarat yang terletak di bahagian selatan pulau ini masih ada sehingga hari ini sebagai tanda pendudukan tentera di Pulau Horsburgh. Laras satu daripadanya masih ada, manakala laras bagi meriam yang satu lagi telah tergolek ke pantai dan ditimbuni pasir. Kubur askar penembak Samuel Jayasekera masih dapat dilihat di tengah-tengah pulau ini, walaupun mayatnya telah dikeluarkan pada tahun 1958. Gelanggang kriket yang ditimbuni



tumbuhan hanya dapat dilihat dari udara dan beberapa perigi askar masih dapat digunakan. Selain tanda-tanda peringatan yang kecil ini, hampir tiada kesan yang ditinggalkan oleh peristiwa yang berlaku di pulau ini.

Hari ini Horsburgh tidak berpenghuni dan digunakan kebanyakannya sebagai tempat menembak burung laut. Daging burung laut merupakan makanan yang agak masin dalam pemakanan penduduk pulau. Penduduk Pulau Barat sekali-sekala berkhemah di Pulau Horsburgh dan gemar menyelam di terumbunya yang berwarna-warni, tetapi yang mempunyai banyak ikan jerung.

Air lagun menghempas di sekeliling Pulau
Penjara yang kecil

Sebuah kapal yang musnah dapat dilihat terdampar di pantai pasir ke tenggara Pulau Horsburgh ketika air surut. Kapal ini bernama *Pheaton*, kapal British yang mempunyai tiga tiang layar yang terkandas pada tahun 1889 setelah kebakaran yang berlaku di atasnya yang tidak dapat dikawal. Hari ini bangkai kapal ini didiami oleh ikan berwarna-warni yang sangat banyak jumlahnya dan menjadi tempat yang gemar dikunjungi oleh para penyelam tempatan.

PULAU ARAH

Dianggap oleh ramai orang sebagai pulau yang mempunyai pemandangan yang paling indah antara pulau dalam kumpulan Cocos Keeling, Pulau Arah hari ini tidak banyak memperlihatkan kepentingannya dalam sejarah tempatan dan antarabangsa. Yang tinggal hanyalah sebuah jeti lama, beberapa lantai konkrit dan bekas gudang bekalan untuk mengingatkan kita tentang peranannya yang penting dalam komunikasi dunia pada awal abad ini.

Pulau ini boleh berbangga bahawa ia pulau batu karang yang pertama yang diduduki oleh manusia, kerana di sinilah kapal *Mauritius* telah karam dan Le Cour serta rakan-rakan pelayarannya yang terselamat telah berkhemah di pulau ini selama beberapa bulan pada tahun 1825. Pulau ini kemudian diduduki oleh serombongan orang Alexander Hare, tetapi mereka tidak tinggal lama di sini. Kemudian terdapat percubaan untuk menanam sayur-sayuran di sini dengan menggunakan tanah yang dibawa dari Pulau Christmas, tetapi kebun ini mengalami masalah kerana kekurangan air bawah tanah. Pulau ini terlalu sempit untuk menampung mata air tawar.

Di sekitar awal abad ini, Lloyds dari London berunding dengan estet Clunies Ross untuk membina sebuah menara yang tinggi di hujung barat laut Pulau Arah untuk tujuan memberi isyarat kepada kapal yang belayar. Sebuah rumah batu dua bilik sepatutnya dibina untuk pengawal dan sebagai stor bagi menyimpan bendera isyarat. Walau bagaimanapun, menara ini tidak pernah digunakan dan tidak pasti apakah rumah itu pernah dibina. Sejak itu bahagian pulau ini dikenali sebagai Tapak Runtu.

Pada masa rundingan untuk mengadakan tempat memberi isyarat itu diadakan dengan Lloyds, Pulau Arah sedang dalam proses dihubungkan dengan Cottesloe di Australia Barat melalui kabel telegraf dasar laut. Syarikat Telegraf Lanjutan Timur kemudian membuka stesen pengulang kabel di pulau ini pada tahun 1901. Stesen ini mempunyai kakitangan yang

terdiri daripada 29 orang Inggeris dan beberapa orang Cina, India dan Melayu Singapura. Pada tahun 1911 perkhidmatan telegraf dipertingkatkan dengan kemudahan wayarles dan pada tahun 1914 pulau itu merupakan satu-satunya hubungan komunikasi Australia dengan seluruh Empayar British yang lain.

Perhubungan kabel dasar laut yang penting ke Singapura dan Afrika Selatan menjadikan Cocos pusat tumpuan kepentingan musuh. Pada bulan November 1914 loji wayarles yang sangat berkuasa ini mempunyai hubungan dengan semua kapal tentera bersekutu di Lautan Hindi, termasuk serombongan 38 kapal perang ANZAC yang menuju ke Timur Tengah di bawah perlindungan *HMAS Melbourne*, *HMAS Sydney* dan kapal pesiaran Jepun, *Ibuki*.

Pada subuh 9 November sebuah kapal pesiaran Jerman, *SMS Emden*, telah dikesan oleh seorang pekerja Cina yang cekap. Kapal penyerang yang sering dapat mengelak daripada dikesan itu sedang menuju Cocos dengan tujuan memusnahkan komunikasi kabel dan wayarles. Pekerja Cina itu menghubungi pengendali telegraf yang bertugas tentang kemaraan kapal tadi dan dia dengan serta-merta menghantar maklumat ini ke Singapura. Pengendali wayarles itu kemudian menghubungi angkatan laut Australia. Mesejnya ringkas berbunyi, "S.O.S. *Emden* ada di sini". Stesen itu kemudiannya senyap.

Sekumpulan 50 orang yang diketuai oleh Pegawai Pertama Hellmuth von Mücke mendarat dengan misi untuk memusnahkan stesen kabel. Kumpulan ini memusnahkan setiap alat yang mereka temui. Mereka meletupkan bilik enjin, mencondongkan tiang wayarles dan mengerat-gerat kabel tiruan. Tiba-tiba bunyi tiga letupan yang kuat pada siren *Emden* membuat mereka berkejar keluar dari kawasan stesen itu.

Para penyerang itu menaiki semula kapal mereka yang mendarat di situ tetapi tidak sempat sampai ke kapal induk mereka apabila Kapten Karl von Muller membuat pusingan dan berhadapan dengan *HMAS Sydney*. Pada mulanya Von Muller menyangkakan bahawa *Sydney*

adalah kapalnya sendiri, *Buresk*, dan telah bertindak balas agak lambat terhadap kemunculan kapal perang Australia itu.

Para pekerja kabel dan wayarles memerhati dari bumbung stesen mereka yang masih tinggal; kedua-dua kapal itu sedang bermati-matian berperang. Pihak Jerman memenangi serangan yang pertama, tetapi sebaik sahaja kapal Australia itu bergerak keluar daripada jarak tembakan musuh, ia berjaya menyerang geladak kapal dan struktur utama *Emden*. Von Muller terpaksa mengemudikan kapalnya ke arah pinggir terumbu Pulau Keeling Utara untuk mengelakkan kapal daripada karam. Di situ dia terus mendarat sementara kapal *Sydney* beralih menyerang kapal perang Jerman, *Buresk*. Anak kapal *Buresk* telah meninggalkan kapal mereka dengan tergesa-gesa dan kapal *Sydney* menurunkan dua buah bot penyelamat kepada anak kapal yang sedang berenang. Beralih semula ke Keeling Utara, von Muller berasa keberatan untuk menyerah diri sehingga beberapa lagi serangan yang mengenai sasaran meyakinkannya untuk mengibarkan bendera putih.

Di Pulau Arah para penyerang tadi menyedari keadaan mereka yang kalah teruk. Mereka merampas banyak kotak bekalan dan mengemukakan bahawa mereka akan melayarkan kapal *Clunies Ross*, *Ayesha*, yang sedang berlabuh di teluk. Mereka melakukan ini sebelum kapal *Sydney* kembali dan perlarian mereka balik ke Jerman menjadi salah satu daripada cerita adventur yang hebat di sepanjang peperangan.

Tahniah telah diberikan kepada kakitangan stesen kabel kerana tindak balas mereka yang cepat terhadap serangan itu, fikiran pantas mereka yang menanam peralatan ganti, dan meletak kabel palsu. Stesen mereka dapat berfungsi seperti biasa dalam jangka masa sehari selepas serangan tersebut.

Selepas satu jangka masa pembinaan semula, aktiviti di stesen kabel pulih seperti biasa.

Von Mucke dan penyerang Jerman meninggalkan Jeti Pulau Arah untuk mengambil alih pengawalan kapal *Ayesha*, 1914 (Ihsan: Muzium Imperial War, London)



Bekalan air terus menjadi masalah dan tangki-tangki besar bagi menampung air hujan ditempatkan sebagai tambahan kepada alat kondenser air laut. Tiang wayarles radio yang baru dibina pada tahun 1918 dan kabel yang kedua, yang lebih moden, dipasangkan pada tahun 1926. Kakitangan stesen ialah orang Inggeris biasa zaman kolonial, yang bermain tenis dan biliar, berpakaian kemas semasa makan malam, dan mempunyai ramai orang gaji. Mereka mempunyai pekebun, tukang cat, tukang cuci baju, pekerja bot, pelayan lelaki, budak suruhan dan pembantu perkeranian. Pekerja ini dibahagikan kepada peringkat rendah dan kanan dan orang gaji yang bukan berbangsa Inggeris tinggal di pondok-pondok yang dibina di belakang pulau.

Keluarga Clunies Ross dan para pengurusnya kerap berinteraksi dengan stesen kabel. Orang Melayu Cocos juga sering berhubung dengan stesen kabel dan dibenarkan membuat pertukaran makanan dengan para pekerja stesen pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua. Sesungguhnya, sebilangan orang Cina dan India yang bekerja di stesen telah berkahwin dengan perempuan Melayu tempatan. Terdapat hanya satu sahaja syarat, iaitu pasangan suami isteri itu mesti meninggalkan pulau-pulau ini. Kakitangan stesen kabel juga terdiri daripada seorang doktor, yang akan mengendalikan kes-kes kecemasan di Pulau Home. Estet Clunies Ross mengambil pekerja kabel sebagai pengurus dan Rose Clunies-Ross, janda John Sydney, kemudiannya berkahwin dengan seorang pekerja stesen kabel. Namun begitu, hubungan sosial antara pihak estet dengan stesen kabel berbeza-beza dalam peredaran waktu, bergantung pada personaliti tertentu yang terlibat.

Hosman bin Awang, seorang Melayu Singapura, datang ke Cocos sebagai pekerja stesen kabel sebaik sahaja selepas Perang Dunia Pertama. Dia berkahwin dengan gadis Cocos dan membawanya pulang ke Singapura. Walau bagaimanapun perkahwinan itu menemui kegagalan dan dia kembali semula bekerja di stesen kabel beberapa tahun kemudian. Dia kemudian berkahwin dengan gadis Melayu Cocos yang

kedua dan dibenarkan tinggal di Pulau Home. Di sini dia telah membuka sebuah sekolah kecil untuk budak-budak lelaki pulau itu selama 15 tahun sebelum berpindah ke Pulau Christmas pada tahun 1951.

Sekali lagi stesen kabel menjadi sasaran perang pada 3 Mac 1942. Sebuah kapal Jepun mendekati pulau ini dari arah belakang dan mengebom stesen itu dari jarak dekat. Api merebak di merata tempat, tetapi di luar pengetahuan musuh, kebanyakan kebakaran itu adalah unggun api yang memang dibina sebagai persediaan untuk memusnahkan dokumen-dokumen jika berlaku sesuatu serangan. Apinya seolah-olah menyalakan seluruh pulau batu karang ini. Bangunan-bangunan mengalami sedikit kerosakan, tetapi nampaknya seperti seluruh kemudahan yang ada telah dimusnahkan, kerana kapal musuh itu belayar pulang tanpa mendaratkan sesiapa pun di pulau berkenaan. Seorang tukang kayu Cina telah terbunuh dalam peristiwa ini, tetapi tiada kerosakan sebenar yang berlaku pada kabel. Dengan izin Angkatan Tentera Laut British, stesen kabel menghantar mesej wayarles palsu dalam bahasa biasa ke Betawi (Jakarta), menasihatkan kakitangan di sana untuk memutuskan hubungan alat-alat kabel mereka kerana stesen kabel di Pulau Arah "tidak dapat berfungsi lagi" Mesej itu dikesan oleh pihak Jepun dan diterima. Perkataan 'Cocos' tidak lagi digunakan selama masa perang itu dan lubang-lubang palsu bekas dibom dicat pada bumbung stesen kabel bagi meneruskan penipuan tersebut.

Pada masa aman, kapal penumpang yang lalu di situ sering belayar dekat dengan pulau-pulau ini, melambai kepada pekerja-pekerja kabel di pantai dan mencampakkan tong bahan makanan segar dan surat untuk dipungut oleh *juking* orang Melayu. Tradisi ini dikenali sebagai "Tong Cocos" dan bermula pada tahun 1909 dengan kedatangan kapal P & O iaitu *Morea* dan berterusan sehingga tahun 1954 dengan kapal-kapal yang terkenal seperti *Orintes*, *Orion* dan *Strathaird*. Kadang-kadang pertukaran tong sukar dilakukan dalam keadaan laut bergelora. Pernah

suatu masa kapal *Strathaird* terpaksa menarik naik orang Cocos ke atas kapal dan membawa mereka ke Fremantle.

Sehingga 1944 tidak ada landasan kapal terbang di Cocos. Apabila Jepun memasuki Perang Dunia Kedua, hubungan kapal terbang antara Australia dengan Asia menjadi sangat sukar. Hanya beberapa kapal terbang yang terdapat masa itu yang dapat terbang jauh antara Australia dengan Afrika Timur atau Ceylon. Penerbangan percubaan pada tahun 1939 oleh Kapten P.G. Taylor menunjukkan bahawa kapal terbang *Catalina* dapat terbang merentasi Lautan Hindi yang luas itu, jika tempat-tempat pendaratan untuk mengisi minyak diadakan. Pada bulan Mac 1942 sebuah *Catalina* Tentera Udara Belanda yang cuba membuat penerbangan merentasi Lautan Hindi terpaksa mendarat di lagun di Cocos. Di sini ia berlanggar dengan bonjolan batu karang dan bahagian dasarnya berlubang. Dengan bantuan sebilangan besar orang Pulau Home kapal terbang itu dapat ditarik ke darat di Pulau Arah, mereka menampal semula bahagian yang berlubang besar itu dan kapal terbang tersebut berlepas semula dalam masa beberapa jam, yang membuat para pekerja estet berasa hairan.

Suatu skuadron Tentera Udara Diraja yang terdiri daripada kapal terbang darat-air terbang jauh ditubuhkan di Koggala, Ceylon, pada bulan Julai 1942. Skwadron ini seterusnya berjaya melakukan penerbangan rahsia merentasi Lautan Hindi sebanyak 824 kali ke Perth. Misi mereka termasuklah penerbangan antiperkapalan, kapal terbang penyelamat udara-laut, serangan kapal selam, pemindahan pegawai dan penerbangan membawa surat-surat rasmi. Masa penerbangan tanpa hentinya ialah 28 jam. Apabila membawa berat yang lebih berat kapal terbang ini akan berhenti untuk mengisi minyak di Cocos.

Landasan tempat mereka 'mendarat' ialah bahagian perairan yang betul-betul di hadapan Pulau Arah dan Pulau Penjara. Penerbangan Empayar Qantas mempunyai sekumpulan lima *Catalina* yang sering ke Cocos. Salah satu

daripada kapal terbang ini sedang berlabuh di lagun pada 14 Februari 1944 apabila ia dikesan oleh kapal terbang perisik Jepun. Ia menggugurkan sebutir bom dari jarak yang sangat tinggi dan hampir-hampir mengenai kapal terbang yang sedang berlabuh itu. Atas beberapa sebab tiada lagi serangan bom di kawasan ini selepas itu selama enam bulan yang berikutnya.

Dengan meningkatnya aktiviti kapal terbang ketenteraan di Cocos, maka perlulah diadakan pangkalan penyelamat udara-laut. Pulau Arah telah dipilih sebagai tapak yang paling sesuai kerana tempat berlabuhnya yang semula jadi. Perkhidmatan kapal penyelamat yang laju ini dijalankan oleh Angkatan Tentera Udara Diraja dan tujuan utamanya adalah untuk menyelamatkan dengan cepat orang dan peralatan daripada mana-mana kapal terbang yang jatuh dalam lingkungan pulau-pulau ini. Mana-mana kapal terbang laut yang rosak akan dibaiki dengan cepat dan juga diisi minyak dari sini. Pangkalan ini dilengkapi dengan tiga pesawat laju. Satu landasan konkrit dibina mengarah ke hujung selatan pulau, dengan menggunakan semula bekas landasan kereta api India abad ke-19 dari stesen kabel. Landasan besi kini menganjur dari satu bahagian hujung pulau ke hujung pulau yang satu lagi. Air masih menjadi masalah, jadi bekalan air di pulau ini dibantu dengan air yang dibuang larutan garamnya yang disalurkan melalui kondenser berdekatan dengan Rumah Baru di Pulau Barat, ke dalam kapal-kapal tangki air.

Mujurlah pangkalan ini hanya menerima beberapa panggilan kecemasan semasa 18 bulan ia beroperasi. Peristiwa yang paling tragis berlaku pada 27 Jun 1945 apabila *Catalina JX 334* terlanggar gelombang semasa melakukan pendaratan lalu terbakar. Pesawat tersebut

Pelabuhan Pulau Arah yang sedang pulih daripada kesan keganasan Lautan Hindi

Pelabuhan Pulau Arah yang sedang pulih
daripada kesan kegarasan Lautan Hindi



tenggelam dengan cepat sehingga tujuh orang terperangkap di dalamnya. Daripada tujuh orang itu, dua orang kemudiannya meninggal dunia di hospital kecil di Pulau Arah.

Sebaik sahaja landasan kapal terbang di Pulau Barat dibina semula pada tahun 1950-an, kemudahan menyelamatkan udara-laut di Pulau Arah juga digerakkan semula. Diuruskan oleh lapan orang anak muda Australia dari Jabatan Penerbangan, pangkalan ini dilengkapi dengan enam buah kapal laut besar dan pangkalan ini terus beroperasi sehingga 1969. Pengawalan dijalankan siang dan malam di sekitar jarak 500 batu. Kebanyakan panggilan untuk mendapatkan pertolongan datangnya dari kapal-kapal yang belayar di kawasan itu yang mempunyai penumpang dan anak kapal yang sakit atau cedera. Panggilan untuk menyelamatkan kapal terbang sangat sedikit.

Apabila Australia mengambil alih Kepulauan Cocos pada tahun 1955, kakitangan stesen kabel beransur-ansur bertukar daripada pegawai Inggeris kepada pegawai Australia. Lima buah rumah pasang siap dibina di Australia dan dibawa ke pulau-pulau ini untuk dipasang semula di Pulau Arah. Rumah-rumah ini telah diturunkan semula apabila stesen kabel ditutup pada tahun 1966 dan dipindahkan ke Pulau Barat di mana ia masih dapat dilihat dengan berandanya yang luas menghadap landasan kapal terbang. Bangsal bot besar kepunyaan unit penyelamat udara-laut juga ditempatkan semula selepas pangkalan ditutup dan kini dapat dilihat di hadapan jalan masuk utama kapal ke Pulau Home. Semua bangunan lain, kaki lima, landasan kereta api, dan alat kelengkapan yang tidak digunakan di Pulau Arah ditolak oleh traktor ke dalam laut di belakang pulau pada akhir tahun 1960-an. Pulau ini kemudiannya ditanami semula sepenuhnya dengan pokok kelapa.

Hari ini Pulau Arah menjadi tempat pendaratan yang digemari bagi kapal layar seluruh dunia. Pada bulan-bulan antara Mac dengan November sekurang-kurangnya 20 kapal layar yang belayar di lautan dapat dilihat

berlabuh di teluknya. Perairan biru lagun yang terlindung ini menyambut mereka dengan tenang berbanding dengan Lautan Hindi yang luas. Namun, sebuah kapal layar yang malang masih berada di dasar teluk ini, dan dapat dilihat dengan mudah oleh para penyelam. Kapal ini ialah kapal pesiaran Amerika yang besar bernama *Lady Esther II* yang hangus dalam satu kebakaran pada 21 Oktober 1979. Semasa kemalangan itu hanya isteri pemilik kapal itu yang tidak tahu berenang dan anjing kecilnya yang berada di atas kapal. Mereka ditemui sedang bergayut pada tali sauh dan diselamatkan.

Di hujung selatan pulau ini terdapat terusan yang berarus deras dikenali sebagai "The Rip" (kawasan yang bergelora). Memancing atau menombak ikan dilarang di kawasan ini kerana ia merupakan kawasan perlindungan semua hidupan laut. Bagi penyelam yang mahir berenang, menyelam ke kawasan "The Rip" merupakan suatu pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Seekor malung besar mungkin dapat dilihat sekali-sekala di pantai selatan terusan yang berbatu, di antara ikan-ikan kecil, kulit kayu yang berserabut, kawanan ikan *sweetlip* dan ikan jerung terumbu muncung hitam. Kawasan yang berangin ini amat digemari oleh penduduk Pulau Barat yang mengunjungi Pulau Arah untuk berkelah.

Mungkin tidak berapa lama lagi, pulau ini yang dikenali sebagai Pulau Tikus di kalangan orang Melayu Cocos, akan sekali lagi menjadi tempat tumpuan antarabangsa. Ada rancangan pada masa hadapan untuk menjadikannya kawasan pelancongan yang terkenal, dengan menggunakan kuasa angin dan bekalan air nyahgaram.

PULAU PENJARA

Keluasan Pulau Penjara, sekarang ini sebuah daratan kecil antara Pulau Arah dengan Pulau Home, pada suatu masa dahulu dua kali ganda saiznya pada hari ini dan mempunyai sebuah bukit yang dapat menyaingi bukit pasir yang besar di Pulau Seiatan dari segi puncak tertinggi

di pulau-pulau batu karang ini. Selama 30 tahun yang lalu, sejak percantuman Pulau Gangsa dengan Pulau Home, pulau ini telah terhakis menjadi saiz yang dapat dilihat pada hari ini.

Ciri pulau ini berubah-ubah apabila air pasang surut dan arus menghempaskan air di sekelilingnya. Pantainya berselang-seli dilitupi pasir putih yang halus dan batu karang bundar yang tajam.

Sesungguhnya pulau kecil ini merupakan "penjara" pada zaman awal petempatan. Penghuni pertama, Alexander Hare, memindahkan keluarganya ke sini dari Pulau Home tidak berapa lama selepas ketibaan John Clunies Ross pada tahun 1827. "Keluarga" dekatnya terdiri daripada dua belas perempuan muda dan kira-kira 30 orang kanak-kanak. Beliau telah meminta beberapa bangunan dibina untuknya di pulau ini. Sebuah dua daripada bangunan ini digunakan sebagai tempat menyimpan beras dan bahan keperluan yang lain. Beberapa pondok yang lebih kecil dengan dikelilingi pagar dibina untuk menempatkan kanak-kanak dan Hare tinggal di sebuah rumah dua tingkat. Beliau tinggal di tingkat atas di bilik yang tidak mempunyai banyak perabot dan perempuan-perempuan muda dalam kumpulannya tinggal di tingkat bawah. Kehidupan awalnya di Hindia Timur merupakan suatu pengembaraan, pengaruh dan prestij. Nampaknya seolah-olah beliau cuba menjalani hari-hari kemudian hidupnya seperti seorang raja di timur.

Para pekerjaanya ditempatkan di pulau-pulau lain dan tidak dibenarkan melawat Pulau Tuan tanpa izin. Malah penyeliaanya Encik Ogilvie sekalipun tinggal di Pulau Arah. Setiap 10 hari catuan bekalan makanan dihantar kepada para pekerja dari stor di Pulau Penjara. Bekalan ini tidak termasuk untuk kanak-kanak. Hare mahu semua kanak-kanak tinggal bersamanya bagi menjamin ibu bapa mereka berkelakuan baik. Dari semasa ke semasa beliau akan menghantar seorang atau dua orang perempuan untuk dikahwini oleh orang lelaki yang ingin diberikan ganjaran.

Apabila Hare meninggalkan pulau batu

karang ini pada tahun 1831, rumahnya telah ditinggalkan. Binaannya begitu kukuh sehingga kanak-kanak ada bahagian yang masih dapat dilihat di pulau ini sehingga awal abad ini.

Dalam bahasa Melayu pulau ini dikenali dengan nama Pulau Beras. Terdapat beberapa alasan bagi nama ini. Ada yang menceritakan tentang kapal bekalan yang datang pada abad yang lalu yang membawa bekalan beras bagi petempatan ini. Kapal ini bocor dengan teruk dan semakin karam, jadi kargonya yang berharga dipunggah cepat ke pulau yang kecil ini. Satu keterangan lain mengisahkan hakikat bahawa Hare menyimpan semua berasnya di sini dan cerita ketiga mengatakan bahawa pulau ini sendiri kelihatan seperti timbunan beras yang tumpah.

Orang Melayu Cocos mengatakan bahawa pulau ini tempat yang sangat "sejuk" dan ia terlalu dingin untuk dijadikan tempat perkhemahan. Keadaan ini sebahagiannya dikaitkan dengan kehadiran ikan duyung. Makhhluk legenda ini dan pulauanya dikatakan memanggil pulang orang kelahiran Cocos yang meninggalkan pulau ini. Ketinggian asal pulau ini, ditutupi pokok kelapa yang tinggi, menjadi titik terakhir di Cocos yang dapat dilihat oleh sesiapa yang belayar ke Jawa. Anak perempuan George Clunies Ross, Nonagati, dikatakan tidak begitu selesa menetap di England kerana Pulau Penjara yang menghantui ingatannya.

PULAU KEELING UTARA

Sekalipun selama 150 tahun penebangan dan pengumpulan balak berlaku di pulau ini, Pulau Keeling Utara terus mempunyai bekalan balak yang banyak sebagaimana keadaannya pada tahun 1609 ketika ia mula-mula dijumpai oleh Kapten William Keeling. Kedudukannya yang terpencil dari pulau batu karang yang utama, kawasan pendaratannya yang sukar, dan ketiadaan bekalan air tawar yang baik semuanya menjadi faktor yang tidak memungkinkan sebarang petempatan yang tetap. Namun begitu, kumpulan kecil bot orang Melayu mengunjungi pulau ini dari masa ke masa hampir setiap

tahun sejak zaman awal pendudukan di pulau batu karang selatan ini. Pelayaran yang sangat berbahaya ini biasanya dilakukan untuk mengumpulkan kelapa, balak dan burung laut.


Pada akhir abad ke-19, beberapa kumpulan kecil pesakit beri-beri ditempatkan di pulau ini untuk satu jangka masa yang pendek. Mereka dipercayai bahawa berjalan di atas pantai berbatu di sini dapat memulihkan keadaan mereka. Kubur kembar orang Melayu dekat pantai selatan pulau ini menandakan tempat bersemadi seorang wanita dan seorang kanak-kanak perempuan yang menjadi mangsa penyakit kurang khasiat makanan ini. Seorang lagi mangsa penyakit beri-beri, Nek Katek, menemui ajal yang dahsyat apabila dia terperangkap dalam selut di tengah-tengah lagun dan lemas dalam air pasang. Mayatnya ditemui dan ditanam di bahagian tenggara pulau ini, yang sejak itu dikenali sebagai Kuburan Nek Katek.

Pada bulan November 1914 kapal *SMS Emden* terdampar di terumbu selatan yang berangin selepas gagal berhadapan dengan *HMAS Sydney*. Ramai yang terselamat cuba berenang ke darat, tetapi tidak semua yang berjaya. Mereka yang berjaya sampai di darat

amat kehausan, dan setengah-setengahnya mati kerana meminum air laut. Kapal *Sydney* kembali keesokan harinya dan membawa seramai yang boleh mereka yang terselamat yang rela dibawa naik ke kapal. Malangnya, tidak semua yang bersedia menyerahkan diri, dan beberapa orang yang keras hati bersembunyi dalam hutan dan ditinggalkan. Lewat bulan itu menjadi tanggungjawab *HMAS Cadmus* menanam anak kapal Jerman yang mati itu di Keeling Utara. Pada bulan Januari 1915 *Cadmus* kembali ke kapal yang musnah itu dan mengambil 500 dolar Mexico, dua laras senapang, satu torpedo, satu lampu suluh dan beberapa barang lain yang kini dipamerkan di muzium angkatan laut di Sydney, Australia.

Pada bulan Oktober 1915 sekumpulan pekerja dari Pulau Home menemui beberapa tulang manusia yang mereka tanam di pantai berdekatan dengan bangkai kapal berkenaan. Salah satu daripada rangka ini yang masih

SMS Emden terdampar di Pulau Keeling Utara, 1914 (lhan: Muzium Imperial War, London)



memakai pakaian seragam dengan paip terselit di mulutnya ditemui di bahagian barat daya pulau yang sempit, sedang duduk di celah cabang pokok. Orang yang malang ini tentu mati kerana kehausan. Sejak itu bahagian pulau ini telah dikenali sebagai Kuburan Bosun.

Dari Oktober 1915 hingga Januari 1916 penduduk pulau ini mengambil apa yang dapat dari kapal Jerman itu. Satu kabel dipasang dari mesin menarik barang di pantai merentang ke kapal yang musnah itu. Apa sahaja yang dapat diangkat dan dibawa dikeluarkan dan diangkut ke kawasan pendaratan dengan menggunakan troli yang digerakkan di atas landasan kereta api yang sempit. Palang dan loceng kapal diambil, begitu juga dengan botol-botol air bergas yang tidak pecah dan beratus-ratus tin daging cincang, sardin dan salmon. Kondenser dan tangki air yang besar disorong ke darat, tetapi telah ditinggalkan berkarat di tempatnya seperti yang ada sekarang kerana ia tidak dapat dipindahkan dengan selamat dari pulau ini. Rangka bangkai kapal ini kemudian hanyut dari terumbu ke dalam perairan yang lebih dalam.

Dua lagi kapal pesiaran Jerman diberi nama *Emden*. *Emden III* membuat lawatan rasmi ke Cocos pada tahun 1927 di bawah kepimpinan pegawai torpedo *Emden* yang pertama, Kapten Witthoef. Sekumpulan kelasi naik ke darat di Pulau Keeling Utara dan meletakkan tanda palang kayu di atas kubur-kubur pelayar yang telah ditanam di sini. Tengkorak dua orang anak kapal *Emden* yang pertama yang tanpa alasan munasabah menghiasi halaman "Oceania House", ditanam di laut dengan penghormatan tentera laut yang sepenuhnya.

Antara kedua-dua perang, kumpulan-kumpulan 20 orang pekerja Melayu Cocos ditempatkan di Keeling Utara selama dua minggu di bawah pengawasan sepupu John Sydney Clunies-Ross, Edmund. Para pekerja ini tinggal di rumah panjang berbumbung atap yang didirikan di pantai barat lagun. Sekali atau dua kali seminggu mereka akan menerima kunjungan sebuah kapal estet yang menghantar bekalan makanan dan air dan kembali ke Pulau Home

dengan balak, kelapa dan burung.

